JABATAN AKAUNTAN
NEGARA MALAYSIA

# LAPORAN AKTIVITI 2017

## JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA

*Excellent Accounting @ Your Service*

# KANDUNGAN


2 PERUTUSAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA

4 LATAR BELAKANG

5 VISI, MISI & OBJEKTIF

6 CARTA ORGANISASI

8 PENGURUSAN TERTINGGI TAHUN 2017/2018

10 NILAI BERSAMA & ETIKA KERJA

12 PIAGAM PELANGGAN

13 *TAGLINE* & LAGU JABATAN

15 DIARI

19 LAPORAN PENCAPAIAN

- 19 • Pengurusan Tertinggi
- 35 • Pengurusan Korporat
- 83 • Pengurusan Operasi
- 110 • Majlis Bersama Jabatan (MBJ)
- 111 • AKRAB
- 113 • Persatuan
- 125 • Kelab

130 AHLI JAWATANKUASA

131 PENGHARGAAN

# PERUTUSAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA




**Penerbitan Laporan Aktiviti Tahun 2017 merupakan satu manifestasi yang telah ditunjukkan oleh JANM di dalam memberikan perkhidmatan yang cemerlang pada tahun 2017 selaras dengan *tagline* JANM iaitu '*Excellent Accounting @ Your Service*'.**

**Assalamualaikum w.b.t dan Salam Sejahtera,**

**Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang,**

Pertama sekali, setinggi-tinggi syukur saya panjatkan ke hadrat Allah S.W.T dengan izin dan limpah kurnia-Nya, tahun 2017 menyaksikan Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) telah berjaya melaksanakan semua tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan dengan penuh dedikasi.

Segala laporan dan aktiviti pada lembaran tahun 2017 telah digarap dengan rapi di dalam penerbitan Laporan Aktiviti Tahun 2017. Ini merupakan satu manifestasi yang telah ditunjukkan oleh JANM di dalam memberikan perkhidmatan yang cemerlang pada tahun 2017 selaras dengan *tagline* JANM iaitu *'Excellent Accounting @ Your Service'*.

Walau terdapat cabaran dan dugaan di dalam kita mengecapi kejayaan pada hari ini, namun dengan semangat, komitmen dan kerjasama yang diberikan oleh setiap warga JANM, kita telah berjaya membentuk satu pasukan yang mantap. Ucapan terima kasih dan penghargaan saya tujukan kepada

seluruh warga kerja JANM dan semua pihak yang telah menyumbang kepada pencapaian JANM sepanjang tahun 2017.

Antara pencapaian JANM sepanjang tahun 2017 adalah penerimaan Sijil Audit Bersih bagi Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan (PKKP) Tahun 2016 yang telah berjaya disediakan dan diserahkan kepada Ketua Audit Negara pada 27 Februari 2017. PKKP tersebut telah dapat dibentangkan di Parlimen pada 31 Julai 2017. Ini merupakan pencapaian utama JANM yang konsisten dari tahun 1997. Konsistensi dan komitmen yang diberikan oleh semua warga JANM dalam mengekalkan prestasi cemerlang ini harus diteruskan pada masa akan datang.

JANM juga komited di dalam menerajui inisiatif pembangunan Piawaian Perakaunan Islam yang bermula dengan aktiviti penyelidikan terhadap 26 entiti berkaitan Wakaf, Zakat dan Baitulmal. Inisiatif ini telah memasuki fasa penggubalan piawaian pada tahun 2017. Beberapa aktiviti yang melibatkan penyelidikan, penggubalan Piawaian Perakaunan Islam dan pengurusan perubahan telah dilaksanakan mengikut Pelan Pembangunan Piawaian Perakaunan Islam. Konvensyen PPIWZB juga telah berjaya diadakan pada 5 Oktober 2017 bertempat di Hotel Marriott, Putrajaya. Konvensyen ini telah dirasmikan oleh YB. Dato' Wira Othman bin Aziz, Timbalan Menteri Kewangan I dan dihadiri oleh wakil dari pelbagai agensi seluruh negara seperti Majlis Agama Islam Negeri, Jabatan Audit Negara dan Audit Negeri, Jabatan Peguam Negara serta Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA).

Dari aspek kemajuan profesion pula, aspirasi jabatan untuk meningkatkan jumlah akauntan profesional menjelang tahun 2020 diteruskan dengan menggiatkan usaha pengambilan calon program profesional di kalangan pegawai perakaunan. Sehingga 31 Disember 2017, seramai 211 orang akauntan telah mengikuti program keahlian Badan Profesional anjuran IPN-CPD dan seramai 19 orang calon program keahlian badan profesional telah berjaya lulus semua subjek peperiksaan pada tahun 2017. Sehingga kini, jumlah keseluruhan akauntan yang mempunyai kelulusan profesional adalah seramai 68 orang.

Tahun 2017 juga menyaksikan penganjuran dua (2) persidangan oleh JANM hasil usaha sama dengan Persatuan Akauntan Sektor Awam (PSA) dan Persatuan Pembantu Akauntan Sektor Awam (PERBAKTI). Persidangan ini telah dianjurkan dengan jayanya dan saya percaya para Akauntan dan Pembantu Akauntan telah mendapat manfaat daripada program berkenaan. Program ini bertepatan dalam memastikan kelestarian peranan dan fungsi pegawai skim perkhidmatan perakaunan di sektor awam.

Akhir kata, sekali lagi saya melahirkan rasa gembira dan syukur ke hadrat Allah S.W.T di atas pencapaian JANM sepanjang tahun 2017. Saya juga berharap agar semua warga JANM dapat meneruskan kecemerlangan dengan semangat kerjasama yang luar biasa. Semoga Allah S.W.T mempermudahkan segala urusan dan tanggungjawab kita. Insya-Allah.

Sekian, terima kasih.

**"Membudayakan Inovasi Memperkasakan Perakaunan Akruan"**

**DATUK SAAT BIN ESA (C.A(M))**
Akauntan Negara Malaysia

# LATAR BELAKANG

Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) telah diwujudkan dengan jawatan Akauntan Negara Malaysia (ANM) di bawah Kementerian Kewangan sebelum Malaysia mencapai kemerdekaan. JANM bermula dari satu bangunan pejabat yang kecil bertempat di Bangunan Life Insurance Corporation of India di persimpangan Jalan Melaka dan Jalan Tun Perak (Mountbatten Road). Pejabat ini kemudiannya ditempatkan di Bangunan Sultan Abdul Samad, Kuala Lumpur dan seterusnya beroperasi di Blok 8, Kompleks Pejabat Kerajaan, Jalan Duta, Kuala Lumpur. Sejak beberapa dekad yang lalu, peranan dan fungsi JANM telah mengalami beberapa perubahan selaras dengan perkembangan sektor awam.

Bahagian-bahagian di JANM terdiri daripada:

1. Bahagian Pembangunan Perakaunan Dan Pengurusan (BPPP)
2. Bahagian Perkhidmatan Operasi Pusat Dan Agensi (BPOPA)
3. Bahagian Pengurusan Wang Tak Dituntut (BWTD)
4. Pasukan Pelaksanaan Perakaunan Akruan (PPPA)
5. Bahagian Pengurusan Operasi Pejabat Perakaunan (BPOPP)
6. Bahagian Pengurusan Teknologi Maklumat (BPTM)
7. Bahagian Khidmat Perunding (BKP)
8. Bahagian Pengurusan Audit Dalam (BPAD)
9. Bahagian Akaun, Kementerian Kewangan (BA MOF)
10. Institut Perakaunan Negara (IPN)
11. Unit Integriti (UI)
12. Unit Undang-undang (UU)

Kini, JANM beroperasi di Kompleks Kementerian Kewangan, Presint 2, Putrajaya dan mempunyai 24 pejabat Negeri/Cawangan di seluruh Malaysia.

## PENERAJU JANM

Jawatan Akauntan Negara yang pertama telah disandang oleh En. G.G.T Browne dalam tahun 1946. Pada tahun 1967, kepimpinan JANM telah diambil alih oleh anak tempatan. Senarai nama Akauntan Negara dari tahun 1946 hingga sekarang adalah seperti berikut:

| Bil. | Akauntan | Tahun |
|---|---|---|
| 1. | G.G.T Browne | 1946 |
| 2. | E.A. Joy | 1947 – 1949 dan 1951 – 1952 |
| 3. | J.H. Newbigging | 1953 – 1955<br>(memangku jawatan Akauntan Negara pada tahun 1950) |
| 4. | C.E. Gascoigne | 1956 – 1957 |
| 5. | H.C. Roberts | 1958 – 1962 |
| 6. | D. Mortimer | 1964 – 1966 |
| 7. | YBhg. Dato' Shamsir bin Omar | 1967 – 1989 |
| 8. | Y.M. Raja Dato' Seri Abdul Aziz bin Raja Salim | 1990 – 1993 |
| 9. | YBhg. Dato' Mohamed Adnan bin Ali | 1994 – 1999 |
| 10. | YBhg. Datuk Siti Maslamah binti Osman | 2000 – 2003 |
| 11. | YBhg. Dato' Othman bin Abdullah | 2003 – 2005 |
| 12. | YBhg. Dato' Mohd Salleh bin Mahmud | 2005 – 2010 |
| 13. | YBhg. Datuk Wan Selamah binti Wan Sulaiman | 2010 – 2014 |
| 14. | YBhg. Dato' Haji Che Pee bin Samsudin | 2015 – 2017 |
| 15. | YBrs. Tuan Saat bin Esa | 2017 – Sekarang |

*Nota:*
*a) En. Mohammad Raslan bin Abdullah memangku jawatan Akauntan Negara pada tahun 1963.*
*b) En. Zainul Abidin bin Yahya telah menanggung kerja sebagai Akauntan Negara pada 1989 – 1990.*

# VISI, MISI & OBJEKTIF

## VISI

Menjadi sebuah organisasi terbilang dalam perkhidmatan perakaunan dan kewangan sektor awam.

## MISI

Menyedia dan memantapkan perkhidmatan perakaunan dan kewangan kerajaan yang komprehensif bagi mempertingkatkan akauntabiliti sektor awam.

## OBJEKTIF

- Mempertingkatkan akauntabiliti dan ketelusan pengurusan perakaunan dan kewangan Kerajaan Persekutuan.
- Mempertingkatkan sistem pengurusan perakaunan dan kewangan agensi kerajaan.
- Membantu kerajaan dalam membuat keputusan yang berkesan.
- Membangun dan melaksanakan sistem pengurusan sumber manusia bagi perkhidmatan perakaunan.
- Mempertingkatkan penguatkuasaan Akta Wang Tak Dituntut 1965.

# CARTA ORGANISASI

(seperti pada 31 Disember 2017)




KETUA SETIAUSAHA PERBENDAHARAAN
AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
AKAUNTAN TURUS III
TIMBALAN AKAUNTAN NEGARA (OPERASI)
AKAUNTAN UTAMA "B/A"
BAHAGIAN AKAUN KEMENTERIAN KEWANGAN
AKAUNTAN UTAMA "C"
BAHAGIAN PENGURUSAN OPERASI PEJABAT PERAKAUNAN
AKAUNTAN UTAMA "C"
PASUKAN PELAKSANAAN PERAKAUNAN AKRUAN
AKAUNTAN UTAMA "C"
BAHAGIAN PENGURUSAN WANG TAK DITUNTUT
AKAUNTAN UTAMA "C"
BAHAGIAN PENGURUSAN AUDIT DALAM
AKAUNTAN UTAMA "C"
UNIT INTEGRITI
PEGAWAI TADBIR DIPLOMATIK M44
24 PEJABAT JANM NEGERI / CAWANGAN
NEGERI SARAWAK
AKAUNTAN (WA54)
NEGERI SABAH
AKAUNTAN (WA54)
NEGERI KELANTAN
AKAUNTAN (WA54)
NEGERI SEMBILAN
AKAUNTAN (WA52)
NEGERI MELAKA
AKAUNTAN (WA52)
NEGERI JOHOR
AKAUNTAN (WA54)
CAWANGAN BINTULU
AKAUNTAN (WA44)
CAWANGAN WP. LABUAN
AKAUNTAN (WA48)
CAWANGAN SANDAKAN
AKAUNTAN (WA48)
CAWANGAN TAWAU
AKAUNTAN (WA48)
CAWANGAN KENINGAU
AKAUNTAN (WA44)

# PENGURUSAN TERTINGGI TAHUN 2017/2018

1. **Datuk Saat bin Esa**
   Akauntan Negara Malaysia

2. **Dr. Yacob bin Mustafa**
   Timbalan Akauntan Negara (Operasi)

3. **Dato' Zamimi bin Awang**
   Timbalan Akauntan Negara (Korporat)

4. **Tn. Haji Ramli bin Chik**
   Pengarah Bahagian Perkhidmatan Operasi Pusat dan Agensi (BPOPA)

5. **En. Mohd Azmi bin Mohamed Yazid**
   Pengarah Pasukan Pelaksanaan Perakaunan Akruan (PPPA)

6. **Pn. Samsiah binti Ahmad**
   Pengarah Bahagian Akaun Kementerian Kewangan (BA MOF)

7. **En. Jafril bin Junit**
   Pengarah Bahagian Pembangunan Perakaunan dan Pengurusan (BPPP)

8. **Pn. Fauziah binti Abdullah**
   Pengarah Bahagian Pengurusan Audit Dalam (BPAD)

9. **Pn. Salmiah binti Ramli**
   Pengarah Bahagian Pengurusan Teknologi Maklumat (BPTM)

10. **En. Mohd Redzuan bin Hasan**
    Pengarah Bahagian Pengurusan Operasi Pejabat Perakaunan (BPOPP)

11. **Pn. Noraini binti Hj. Alias**
    Pengarah Bahagian Khidmat Perunding (BKP)

12. **En. Abd Hassan bin Mohmad**
    Pengarah Institut Perakaunan Negara (IPN)

**Tiada dalam gambar:**

1. **Dato' Haji Che Pee bin Samsudin**
   Akauntan Negara Malaysia
   *(Sehingga 14 Oktober 2017)*

2. **Dato' Roslan bin A. Rahman**
   Pengarah Bahagian Akaun Kementerian Kewangan (BA MOF)
   (*Sehingga 30 November 2017*)

3. **Pn. Rihatun Abddah binti Meor Zainal Abidin**
   Pengarah Bahagian Khidmat Perunding (BKP)
   (*Sehingga 31 Disember 2017*)

4. **En. Rosdi bin Abu**
   Pengarah Institut Perakaunan Negara (IPN)
   *(Sehingga 14 Oktober 2017)*

5. **En. Sadikin bin Aton**
   Pengarah Bahagian Pengurusan Wang Tak Dituntut (BWTD)
   *(Mulai 15 Mac 2018)*

# NILAI BERSAMA

## SPECIAL

**S**

**S : Mengutamakan Pelanggan *(Satisfying the customers)***

Komited dalam menyampaikan perkhidmatan yang berkualiti dan unggul untuk memenuhi kehendak pelanggan.

**P**

**P : Profesionalisme *(Professionalism)***

Kebolehan untuk mempamerkan kualiti dan kompetensi.

**EC**

**EC : Kerja Berpasukan *(Esprit de Corp)***

Bekerjasama sebagai satu pasukan bagi membentuk semangat kekitaan (*sense of belonging*) untuk mencapai visi dan misi.

**IA**

**IA : Integriti dan Akauntabiliti *(Integrity and Accountability)***

Beretika tinggi dalam melaksanakan tugas.

**L**

**L : Kesetiaan *(Loyalty)***

Setia kepada jabatan, kerajaan dan negara.

# ETIKA KERJA

S

**S : Mengutamakan Pelanggan *(Satisfying the customers)***

1. Memberi perkhidmatan yang mesra, cepat, tepat dan berintegriti kepada semua pelanggan dan *stakeholders*.
2. Meningkatkan kualiti perkhidmatan kepada pelanggan secara berterusan mengikut keperluan.
3. Meningkatkan kompetensi diri agar perkhidmatan yang diberikan memenuhi ekspektasi pelanggan.

P

**P : Profesionalisme *(Professionalism)***

1. Meningkatkan pengetahuan dan kemahiran melalui pembelajaran berterusan.
2. Mempamerkan semangat kerja yang tinggi.
3. Meningkatkan prestasi kerja untuk mencapai kualiti yang berterusan.
4. Peka terhadap perkembangan, kemajuan dan perubahan dalam teknologi dan profesion perakaunan.
5. Mempamerkan nilai dan tingkah laku yang berkualiti dan kompeten.
6. Bersopan santun, berbudi bahasa dan berhemah tinggi dalam segala urusan.
7. Berpenampilan kemas dan sesuai mengikut keadaan dan suasana.

EC

**EC : Kerja Berpasukan *(Esprit de Corp)***

1. Bekerjasama dalam menyelesaikan isu dan masalah.
2. Mempunyai sikap saling bantu membantu dalam usaha mencapai keberhasilan jabatan.
3. Berkongsi maklumat, pengalaman dan ilmu pengetahuan.
4. Menghargai sumbangan idea daripada anggota organisasi.
5. Saling hormat menghormati dan mengeratkan silaturahim.

IA

**IA : Integriti dan Akauntabiliti *(Integrity and Accountability)***

1. Mengamalkan sikap amanah, tulus, ikhlas, berpegang kepada prinsip dan boleh dipercayai.
2. Melaksanakan tugas dengan penuh tanggungjawab mengikut peraturan yang ditetapkan.
3. Bertanggungjawab ke atas semua tindakan dan keputusan yang diambil.
4. Berfikiran positif dan sedia memberi dan menerima cadangan serta maklum balas yang tepat dan benar.

L

**L : Kesetiaan *(Loyalty)***

1. Menunjukkan kesetiaan kepada jabatan, kerajaan dan negara.
2. Menjaga nama baik dan imej jabatan serta profesion perakaunan.
3. Memahami, menghayati dan mematuhi Nilai Bersama jabatan.

# PIAGAM PELANGGAN

OUTCOME 1

## Peningkatan tahap kebolehpercayaan dan ketepatan maklumat kewangan

- Menyediakan Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan (PKKP) dengan tepat dan lengkap berasaskan undang-undang, dasar dan prinsip perakaunan yang diterima umum dalam tempoh tiga (3) bulan dari tarikh akhir tahun kewangan.
- Menyedia maklumat perakaunan bulanan untuk pengurusan tidak lewat dari tujuh (7) hari bulan bulan berikutnya.
- Mengeluarkan laporan audit ke atas sistem terimaan dan bayaran dalam tempoh tidak lebih dari 30 hari dari tarikh selesai pengauditan.

OUTCOME 2

## Peningkatan tahap penyampaian pengurusan sistem perakaunan dan kewangan sektor awam yang cekap dan berkesan

- Menyempurnakan bayaran dalam tempoh empat (4) hari kalendar dari tarikh terima dokumen lengkap.
- Memperakaunkan terimaan dalam tempoh tiga (3) hari kalendar dari tarikh terima dokumen lengkap.
- Menyediakan sumber manusia perkhidmatan perakaunan yang mencukupi dan kompeten.
- Memproses dan membayar permohonan bayaran balik Wang Tak Dituntut dalam tempoh 14 hari kalendar dari tarikh terima permohonan bagi data dalam Sistem G-UMIS.
- Memproses permohonan pembaharuan kelulusan juruaudit dan penyelesai syarikat dalam tempoh tiga (3) bulan dari tarikh terima permohonan yang lengkap.
- Meluluskan 80% permohonan khidmat nasihat sistem perakaunan dan kewangan sektor awam dalam tempoh dua (2) bulan dari tarikh terima permohonan yang lengkap.
- Memberikan latihan yang sistematik dan berkualiti kepada anggota perkhidmatan awam.
- Memastikan setiap aduan daripada pengguna berkaitan gangguan penggunaan sistem dibuat akuterima dalam tempoh 15 minit selepas aduan diterima melalui sistem *Helpdesk*.
- Memuat naik maklumat ke dalam Sistem e-Penyata Gaji selewat-lewatnya pada tarikh gaji.

# TAGLINE

## *Excellent Accounting @ Your Service*

*Tagline* ***Excellent Accounting @ Your Service*** telah dibentuk semasa bengkel "*To Be Accounting Model*" yang telah diadakan pada 8 hingga 9 Ogos 2003. *Tagline* ini merangkumi keseluruhan aspek komitmen dan dedikasi JANM selaras dengan misi dan visi untuk menjadi organisasi terbilang dalam perakaunan dan kewangan sektor awam serta etika kerja Jabatan yang mengutamakan pelanggan.

### *Excellent Accounting*

Merujuk kepada sifat proaktif dan inovatif Jabatan dalam membangun dan melaksanakan sistem perakaunan yang terbaik. Ia juga membawa maksud JANM sentiasa responsif dan peka terhadap perkembangan semasa dari segi peraturan kewangan, teknologi dan keperluan pelanggan.

### *@*

Mewakili kemajuan teknologi JANM dalam menongkah arus pemodenan dengan implementasi dan perubahan kepada sistem perakaunan yang lebih efisien. Kedudukan simbol @ di tengah-tengah *tagline* mewakili kemajuan teknologi JANM yang bertindak sebagai penghubung dalam menyampaikan perkhidmatan cemerlang Jabatan kepada pelanggan.

### *Your Service*

Menunjukkan komitmen serta usaha Jabatan dalam mengutamakan pelanggan. Melalui pembangunan sistem pengurusan sumber manusia yang efektif dan berterusan akan mengukuhkan komitmen dan dedikasi Jabatan dalam menyampaikan perkhidmatan profesional yang cekap dan mesra pelanggan.

# LAGU JABATAN

Jujur setia ikhlas di jiwa
Murni pekerti amal mulia
Bersatu teguh sesama kita
Terus maju sentiasa

Terus berusaha menuju cita
Ikhlas membantu amalan kita
Khidmat diberi di mana saja
Demi bangsa dan negara

Setia kepada Jabatan
Maju mencapai kecemerlangan
Berkat bersatu usaha mulia
Untuk kejayaan bersama

Tekun berusaha setiap masa
Taat setia amanah bangsa
Sematkan jiwa rajin usaha
Maju Akauntan Negara

*Ciptaan : En. Affendi bin Ramli*

# DIARI

LAPORAN AKTIVITI 2017

JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA

# DIARI

**5 Januari 2017**
Majlis Perutusan ANM Tahun 2017

**12 Januari 2017**
Majlis Penyerahan Laporan Penyelidikan Perakaunan Dan Pelaporan Kewangan Islam Bagi Institusi Wakaf, Zakat Dan Baitulmal Di Malaysia

**24 Februari 2017**
Majlis Jasamu Dikenang JANM

**27 Februari 2017**
Majlis Penyerahan PKKP 2016 Kepada Ketua Audit Negara (KAN)

**13 Mac 2017**
*Courtesy Visit* UNDP, New York Ke JANM

**24 Mac 2017**
Program Pembinaan Ukhuwah Insan

**30 Mac 2017**
Majlis Anugerah Apresiasi Kecemerlangan JANM Tahun 2016

**22 – 25 Mei 2017**
Persidangan Pembantu Akauntan Sektor Awam (PERBAKTI) Kali Ke-7

**21 Julai 2017**
Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri

**28 – 30 Julai 2017**
Program CSR KESAN Bersama Bank Muamalat Malaysia Berhad (BMMB)

**15 – 16 Ogos 2017**
Persidangan Akauntan Sektor Awam Kebangsaan (NAPSAC) Kali Ke – 28

**24 September 2017**
Kejohanan Golf AG Vs EX – AG

**11 Oktober 2017**
Sambutan Hari Inovasi Dan Integriti JANM 2017

**10 November 2017**
Majlis Persaraan JANM Tahun 2017

**29 Disember 2017**
*Soft Launch* 1GFMAS *Go–Live* 2018

# LAPORAN PENCAPAIAN

## PENGURUSAN TERTINGGI

- BAHAGIAN PENGURUSAN AUDIT DALAM (BPAD)
- UNIT INTEGRITI (UI)
- UNIT UNDANG – UNDANG (UU)

# BAHAGIAN PENGURUSAN AUDIT DALAM (BPAD)

## PRA PENGAUDITAN INDEKS AKAUNTABILITI DAN PRESTASI PEJABAT PERAKAUNAN

Seksyen Kawalan Pengurusan (SKP), BPAD bertanggungjawab menjalankan Pra Pengauditan Indeks Akauntabiliti (IA) dan Audit Prestasi Pejabat Perakaunan di Bahagian, JANM Negeri dan JANM Cawangan. Sebanyak 31 pengauditan telah dijalankan sepanjang tahun 2017 bagi kedua-dua jenis pengauditan ini.

Objektif Pra Pengauditan Indeks Akauntabiliti adalah memberi jaminan (*assurance*) bahawa kawalan dalaman yang dilaksanakan di JANM adalah mencukupi dan berkesan dalam sistem pengurusan kewangan dan membantu JANM bersiap siaga bagi mendapat penarafan terbaik dalam penilaian Indeks Akauntabiliti oleh Jabatan Audit Negara. Manakala objektif untuk Pengauditan Prestasi Pejabat Perakaunan adalah untuk menilai keberkesanan dan kecekapan pengurusan dana di Pejabat Perakaunan. Di samping itu, objektif pengauditan ini juga adalah untuk menilai sama ada tahap kawalan dalaman operasi Pejabat Perakaunan yang dilaksanakan adalah mencukupi dan berkesan serta mematuhi peraturan dan prosedur yang telah ditetapkan.

Berdasarkan penarafan pengauditan yang diberikan terdapat 16 pejabat telah diberi penarafan Cemerlang iaitu 90% - 100%, berbanding hanya 10 pejabat sahaja pada tahun sebelumnya. Peningkatan sebanyak 60% menggambarkan bahawa kepatuhan terhadap peraturan serta pekeliling yang berkuat kuasa telah dipatuhi oleh kebanyakan pejabat JANM. Sebanyak 14 pejabat telah diberikan penarafan Baik iaitu 75% - 89% dan hanya satu (1) auditi telah diberikan penarafan Sederhana iaitu 50% - 74%. Perbandingan penarafan bagi tahun 2016 dan 2017 dapat dilihat dengan lebih lanjut pada Carta 1 di bawah:

Carta 1 : Perbandingan Penarafan Markah Audit Tahun 2016 Dan 2017




## SISTEM *SELF-ASSESSMENT* AUDIT (SAA)

Sistem *Self-Assessment* Audit (SAA) telah dibangunkan untuk membantu dalam pelaksanaan konsep penilaian *self-assessment* secara atas talian supaya proses penyampaian kriteria penilaian dan maklum balas antara pihak terlibat lebih mudah dan menjimatkan masa. Penilaian SAA Tahun 2017 telah diagihkan kepada 34 entiti yang terdiri daripada 10 Bahagian JANM, 13 JANM Negeri dan 11 JANM Cawangan. Penilaian SAA suku pertama telah berjaya mendapat 100% responden selesai menjawab, suku kedua menunjukkan hanya 88% responden yang selesai menjawab, suku ketiga 94% responden selesai menjawab dan suku keempat 97% responden selesai menjawab. Butiran adalah seperti di Carta 2.

Carta 2 : Responden Penilaian SAA




Berdasarkan penilaian yang telah dijalankan melalui SAA ini, dapat dirumuskan bahawa:

1. Perbezaan markah penilaian Pra Indeks Akauntabiliti melalui SAA didapati mencatatkan jurang perbezaan yang ketara di mana kebanyakan auditi kurang membuat pemantauan dan penambahbaikan secara berterusan apabila penilaian yang diisi dan dicatatkan di dalam SAA tidak menggambarkan keadaan sebenar semasa pengauditan di pejabat auditi.

2. Melalui penilaian Pra IA yang dijalankan menerusi SAA ini telah meningkatkan tahap kawalan dalaman dan prestasi setiap auditi dengan cepat dan mudah seterusnya dapat membantu pihak pengurusan setiap Bahagian JANM, JANM Negeri/Cawangan membuat penambahbaikan secara berterusan dengan merujuk kepada soalan penilaian SAA.

Maklumat berkenaan ketidakakuran membolehkan BPAD memberi tumpuan kepada masalah-masalah yang sering berlaku dan seterusnya mencari kaedah penyelesaian terbaik untuk membantu pihak auditi.

## PENGAUDITAN PEMANTAUAN PRAKTIS BAHAGIAN AKAUN KEMENTERIAN

Pada tahun 2017, Pengauditan Pemantauan Praktis telah dijalankan ke atas sembilan (9) auditi iaitu tujuh (7) Bahagian Akaun (BA) Kementerian (KDN, JPM, JKDM, MOA, KPDNKK, MOT dan KKM) serta Unit Audit Dalam Zon Sabah dan Zon Sarawak. Pengauditan merangkumi enam (6) skop iaitu Pematuhan Terhadap Sumber Rujukan Kawalan Terimaan, Pemantauan Umum Fail Pejabat Pemungut, Pemantauan Terperinci Fail Pejabat Pemungut, Pemantauan Pelaksanaan Naziran Terimaan, Pemantauan Laporan Prestasi Kawalan Terimaan dan Pemantauan Pemerhatian Ketidakpatuhan.

Hasil pengauditan tersebut mendapati semua BA Kementerian menggunakan Garis Panduan Kawalan Terimaan (GPKT) sebagai rujukan dalam penyemakan Dokumen Akaun Terimaan (DAT). Peratus ketidakpatuhan tertinggi adalah pada Skop B (Pemantauan Umum Fail Pejabat Pemungut) dan Skop C (Pemantauan Terperinci Fail Pejabat Pemungut). Semakan terperinci ke atas DAT Pejabat Pemungut mendapati berlakunya ketidakpatuhan peraturan kewangan yang tidak dibangkitkan oleh kesemua auditi. Peratus Prestasi Keseluruhan Auditi adalah seperti di Carta 3.

Carta 3 : Peratus Prestasi Keseluruhan Auditi Bagi Tahun 2017 Berbanding Tahun 2015/2016



## Pemantauan Pematuhan AP145

Pada tahun 2017, BPAD telah menjalankan pemantauan pematuhan AP145 berdasarkan Laporan Bulanan daripada BA Kementerian dan CA JKDM. Peratus pematuhan AP145 yang tertinggi ialah 85.31% pada bulan Ogos dan terendah 76.66% pada bulan Mei 2017. Kadar purata pematuhan AP145 pada tahun 2017 ialah 80.92%. Prestasi Pematuhan AP145 Bulanan bagi tahun 2017 ditunjukkan dalam Carta 4.

Carta 4 : Prestasi Pematuhan AP145 Bulanan Bagi Tahun 2017




# PENGAUDITAN TERIMAAN HASIL GST

Sepanjang tahun 2017, BPAD telah menjalankan dua (2) jenis pengauditan terimaan hasil GST iaitu Pengauditan Prestasi Pengurusan Pindahan Wang Terimaan Hasil GST dan Pengauditan Pematuhan Pengurusan Terimaan Hasil GST di Bahagian GST, JKDM.

Bagi Pengauditan Prestasi Pengurusan Pindahan Wang, BPAD telah menjalankan pengauditan sebanyak empat (4) kali di Unit Pengurusan Perakaunan Hasil (UPPH), Bahagian GST, JKDM. Antara penemuan audit ialah terimaan cek lewat ditunaikan dan terimaan lewat dikunci masuk oleh ejen bank. Berdasarkan penemuan audit, satu mesyuarat telah diadakan di antara BPOPA, BPAD, JKDM dan ejen bank bagi mengenal pasti masalah dan seterusnya mengambil langkah penambahbaikan. Pengauditan diteruskan bagi suku ke-3 tahun 2017 dan hasil penambahbaikan yang diambil oleh ejen bank dapat dilihat seperti di Carta 5 dan Carta 6.

Carta 5 : Peratus Kelewatan Menunaikan Maklumat Terimaan Cek Oleh RHB Bagi Tahun 2017



Carta 6 : Peratus Kelewatan RHB Mengunci Masuk Maklumat Terimaan Cek Bagi Tahun 2017




Bagi Pengauditan Pematuhan Pengurusan Terimaan Hasil GST, BPAD telah menjalankan pengauditan di GST *Processing Centre* (GPC) Kelana Jaya pada 9 Ogos hingga 18 Ogos 2017. Pengauditan ini dijalankan bagi mengkaji dan mengenal pasti tahap kawalan dalaman serta pematuhan terhadap peraturan dan prosedur pengurusan terimaan hasil GST di GPC. Hasil pengauditan yang merangkumi lima (5) skop iaitu pengurusan am, pengurusan terimaan, pengurusan cek tak laku, penggunaan peti besi/bilik kebal dan pemeriksaan mengejut di GPC, BPAD mendapati tahap kawalan dalaman Pengurusan Terimaan Hasil GST secara keseluruhannya adalah sederhana.

## PENGAUDITAN HASIL LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI (LHDNM)

Bagi tahun 2017, BPAD telah menjalankan penyemakan dan pengauditan Pengurusan Terimaan Hasil Cukai di Pusat Bayaran Kuala Lumpur, Pusat Bayaran Kuching dan Pusat Bayaran Kota Kinabalu sebanyak enam (6) kali di setiap lokasi. Antara penemuan audit ialah terimaan melalui mel lewat dikeluarkan resit, nombor resit dikeluarkan tidak berturutan, tiada Surat Kebenaran Bertulis disediakan, kelewatan menyediakan penyata pemungut dan baucar jurnal, perbezaan baki buku tunai antara sistem eRAS dan Penyata Penyesuaian Akaun Bank (PPAB) dan item penyata penyesuaian akaun bank lewat diambil tindakan.

Penyemakan juga telah dilakukan ke atas 970 Dokumen Akaun Terimaan (DAT) Hasil Duti Setem yang melibatkan 81 Pejabat Setem Cawangan/Pusat Khidmat Hasil LHDN. Di samping itu, Pengauditan Berasaskan Risiko Pengurusan Perakaunan Hasil Duti Setem turut dijalankan di 30 Pejabat Setem Cawangan/Pusat Khidmat Hasil LHDN dan ringkasan analisis penemuan seperti Carta 7.

Carta 7 : Analisis Pematuhan Hasil Duti Setem



## KELULUSAN PEMUSNAHAN REKOD KEWANGAN DAN PERAKAUNAN

Sebanyak 868 permohonan kelulusan pemusnahan rekod kewangan dan perakaunan telah diterima dan diproses sepanjang tahun 2017. Carta 8 menunjukkan peratus permohonan yang diproses.

Carta 8 : Peratus Permohonan Diproses




## PENGAUDITAN PENGURUSAN REKOD KEWANGAN DAN PERAKAUNAN

Pada tahun 2017, sebanyak 55 Jabatan Persekutuan di seluruh Malaysia telah diaudit. Pengauditan ini bertujuan untuk menilai tahap kawalan dalaman yang diamalkan dalam pengurusan rekod di jabatan-jabatan yang diaudit. Penarafan audit mengikut jabatan adalah seperti di Jadual 1.

Jadual 1 : Penarafan Audit Mengikut Jabatan Pada Tahun 2017

| Penarafan | Bilangan Jabatan | Peratus (%) |
|---|---|---|
| Cemerlang | 3 | 5 |
| Baik | 25 | 45 |
| Sederhana | 20 | 36 |
| Lemah | 7 | 14 |
| **Jumlah** | **55** | **100** |

## TAKLIMAT PROSEDUR PEMUSNAHAN REKOD KEWANGAN DAN PERAKAUNAN

Pada tahun 2017, sebanyak lapan (8) taklimat prosedur pemusnahan rekod kewangan dan perakaunan telah diadakan mengikut zon. Seramai 363 peserta daripada pelbagai jabatan telah menghadiri taklimat ini yang bertujuan memberi *awareness* kepada Jabatan/Pusat Tanggungjawab (PTJ) berkaitan prosedur pemusnahan rekod kewangan dan perakaunan di bawah Arahan Perbendaharaan (AP) 150. Berdasarkan maklum balas peserta, taklimat ini amat membantu Jabatan/PTJ bagi memberi pemahaman dalam melaksanakan pemusnahan rekod kewangan dan perakaunan.

Sesi Ceramah

Sesi Latih Amal

## VERIFIKASI LAPORAN PRESTASI PENGURUSAN KEWANGAN DAN AKAUN (LPPKA) UNTUK KENAIKAN PANGKAT GRED UTAMA BAGI KETUA JABATAN SEKTOR AWAM

Salah satu usaha bagi memastikan pengurusan kewangan dan akaun di semua agensi Kerajaan dilaksanakan dengan cekap dan teratur mengikut peraturan yang berkuat kuasa, urusan pengesahan kenaikan pangkat Ketua Jabatan perlu mengambil kira prestasi pengurusan kewangan dan akaun agensi berkenaan.

Ketua Jabatan perlu mengemukakan Laporan Prestasi Pengurusan Kewangan dan Akaun (LPPKA) kepada Kementerian Kewangan (MOF), Jabatan Akauntan Negara Malaysia dan Jabatan Audit Negara. Pengesahan kenaikan pangkat hanya akan dipertimbangkan setelah Jabatan Perkhidmatan Awam menerima ulasan dan perakuan daripada MOF.

Pada tahun 2017, BPAD telah melaksanakan Verifikasi LPPKA ke atas 46 Ketua Jabatan. Analisis menunjukkan peningkatan 70% daripada 43% Jabatan mendapat penarafan cemerlang dalam LPPKA dari tahun 2016 ke tahun 2017 seperti di Carta 9.

Carta 9 : Penarafan LPPKA Bagi Tahun 2016 Dan 2017




## ULASAN DAN SYOR AP59

AP59 merupakan satu tatacara pembayaran bagi perolehan sesuatu bekalan, perkhidmatan atau kerja yang dipesan, dibekalkan atau dilaksanakan dengan suci hati tetapi telah menyalahi peraturan kewangan yang berkuat kuasa. Di samping itu, AP59 juga bertujuan untuk menentukan punca berlakunya perolehan yang telah menyalahi peraturan kewangan yang berkuat kuasa serta mengesyorkan tindakan surcaj atau/dan tatatertib ke atas pegawai bertanggungjawab.

Pada tahun 2017, sebanyak 34 kes AP59 diterima oleh BPAD untuk dibuat ulasan dan syor yang melibatkan RM6,511,177.96. Berlaku penurunan sebanyak 29% dari tahun 2016 (48 kes) berbanding tahun 2017 (34 kes) yang dilaporkan dan dibuat ulasan seperti Carta 10 berikut. Ini menunjukkan Jabatan/Kementerian memastikan perolehan yang dilaksanakan mengikut peraturan kewangan semasa.

Carta 10 : Kes AP59 Bagi Tahun 2016 Dan 2017




Berikut adalah analisis kes AP59 mengikut Kementerian. Jadual 2 di bawah menunjukkan peningkatan kes AP59 yang ketara berlaku di Jabatan Perdana Menteri.

Jadual 2 : Kes AP59 Mengikut Kementerian

| Bil. | Kementerian | 2016 | | 2017 | |
|---|---|---|---|---|---|
| | | Bil. Kes Diterima | Jumlah (RM) | Bil. Kes Diterima | Jumlah (RM) |
| 1. | Jabatan Perdana Menteri | 1 | 17,690.00 | 10 | 770,039.50 |
| 2. | Kementerian Dalam Negeri | 16 | 3,958,874.83 | 2 | 3,574,889.73 |
| 3. | Kementerian Kesihatan Malaysia | 8 | 749,866.20 | 2 | 69,932.00 |
| 4. | Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia | 3 | 8,892,176.16 | 6 | 770,325.82 |
| 5. | Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat | 8 | 319,011.36 | 3 | 134,055.18 |
| 6. | Kementerian Pendidikan Malaysia | 3 | 538,225.20 | 3 | 166,488.17 |
| 7. | Kementerian Pengangkutan Malaysia | 6 | 44,941.40 | 4 | 597,892.00 |
| 8. | Kementerian Pertahanan Malaysia | 3 | 6,754,229.22 | 0 | - |
| 9. | Kementerian Kerja Raya | 0 | - | 1 | 41,650.00 |
| 10. | Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia | 0 | - | 2 | 322,441.16 |
| 11. | Kementerian Pengajian Tinggi | 0 | - | 1 | 63,464.40 |
| **Jumlah Keseluruhan** | | **48** | **21,275,014.37** | **34** | **6,511,177.96** |

# UNIT INTEGRITI (UI)

Unit Integriti JANM telah ditubuhkan pada awal tahun 2016 selaras dengan Pekeliling Perkhidmatan Bil. 6 Tahun 2013 dengan tujuan bagi memastikan penjawat awam mengamalkan budaya kerja unggul dengan ciri-ciri moral dan etika yang kukuh serta menyepadukan semua pengurusan yang berkaitan dengan integriti di bawah sebuah unit yang khusus. Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) telah membuat penarafan risiko yang bersesuaian dengan fungsi agensi dan JANM ditarafkan sebagai agensi berisiko rendah. Unit Integriti JANM bertanggungjawab untuk melaksanakan enam (6) fungsi teras iaitu:

1. Memastikan tadbir urus yang terbaik dilaksanakan.
2. Memastikan pembudayaan, penginstitusian dan pelaksanaan integriti dalam organisasi.
3. Pengesanan dan pengesahan aduan salah laku jenayah serta pelanggaran tatakelakuan.
4. Pengurusan aduan salah laku jenayah serta pelanggaran tatakelakuan.
5. Pematuhan terhadap undang-undang dan peraturan yang berkuatkuasa.
6. Melaksanakan fungsi urus setia Lembaga Tatatertib.

## PROGRAM/AKTIVITI UNIT INTEGRITI

Unit Integriti telah melaksanakan pelbagai program dan aktiviti sepanjang tahun 2017. Antara program yang telah dilaksanakan adalah pengurusan Mesyuarat Jawatankuasa Integriti dan Tadbir Urus (JITU) JANM, pelaksanaan kursus dan hebahan integriti.

### Mesyuarat Jawatankuasa Integriti dan Tadbir Urus (JITU) JANM

Keperluan mengadakan mesyuarat JITU adalah berasaskan kepada Arahan YAB Perdana Menteri No.1 Tahun 2014: Gerakan Pemantapan Keutuhan Sistem Pentadbiran Kerajaan Malaysia yang berkuatkuasa 3 Jun 2014. Mesyuarat JITU di JANM dipengerusikan oleh ANM dan dianggotai oleh kedua-dua Timbalan Akauntan Negara dan Pengarah-Pengarah Bahagian JANM.

Unit Integriti merupakan urus setia kepada Mesyuarat JITU JANM. Arahan YAB Perdana Menteri No.1 Tahun 2014 menetapkan supaya mesyuarat JITU diadakan sekurang-kurangnya tiga (3) kali setahun dan JANM berjaya mencapai sasaran mengadakan mesyuarat sebanyak tiga (3) kali setahun mengikut takwim yang telah ditetapkan. Mesyuarat JITU JANM bagi tahun 2017 telah diadakan pada tarikh seperti berikut:

Jadual 3 : Mesyuarat Jawatankuasa Integriti dan Tadbir Urus (JITU) JANM Bagi Tahun 2017

| Perkara | Tarikh |
|---|---|
| Mesyuarat JITU JANM Bil. 1/2017 | 15 Feb 2017 |
| Mesyuarat JITU JANM Bil. 2/2017 | 31 Mei 2017 |
| Mesyuarat JITU JANM Bil. 3/2017 | 11 Sep 2017 |

## Kursus Pengurusan Tatatertib Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM)

Unit Integriti telah menganjurkan Kursus Pengurusan Tatatertib JANM pada 27 Ogos hingga 29 Ogos 2017 bertempat di Avillion Admiral Cove, Port Dickson, Negeri Sembilan. Kursus ini telah dirasmikan oleh YBhg. Dato' Haji Che Pee bin Samsudin, Akauntan Negara Malaysia (ANM) dan disertai oleh 57 orang yang merupakan wakil pengurusan di setiap Bahagian JANM/JANM Negeri/Cawangan iaitu 20 orang dari Kumpulan Pengurusan dan Profesional, 33 orang dari Kumpulan Pelaksana dan empat (4) orang urus setia.

Objektif utama kursus ini diadakan adalah untuk memberi peringatan kepada peserta mengenai hal-hal tatakelakuan dan larangan dalam perkhidmatan awam dan meningkatkan kefahaman peserta berkenaan kaedah pelaporan dan pengurusan kes tatatertib yang betul sepertimana yang digariskan dalam Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993. Di samping itu, peserta kursus ini berpeluang untuk bertanyakan soalan kepada penceramah berkenaan kes-kes lazim yang berlaku dan cara pengendalian kes berdasarkan senario yang diberi oleh peserta.

Seramai enam (6) orang penceramah daripada Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA), SPRM dan Institut Integriti Malaysia (INTEGRITI) telah dijemput bagi menyampaikan ceramah dalam tujuh (7) sesi sepanjang kursus ini berlangsung.

Jadual 4 : Sesi Ceramah Sepanjang Kursus Pengurusan Tatatertib JANM

| Bil. | Sesi/Tajuk | Nama Penceramah | Agensi |
|---|---|---|---|
| 1. | Sesi 1: Pengenalan dan Peranan Ketua Jabatan/Penyelia dan Tatakelakuan | Encik Asrul Shah bin Razali | JPA |
| 2. | Sesi 2: Prosedur Kes Tatatertib Biasa dan Kes Tidak Hadir Bertugas | Puan Azirah binti Sehat | JPA |
| 3. | Sesi 3: Prosedur Tahan Kerja, Gantung Kerja dan Prosedur Sabitan Jenayah | Puan Azirah binti Sehat | JPA |
| 4. | Sesi 4: Rayuan Tatatertib berserta Contoh Kes | Puan Anis binti Mohd Mokhtar | SPA |
| 5. | Sesi 5: Kes Pernyataan Awam di Media Sosial dan Laporan Ketua Audit Negara | Encik Azlee bin Abu Bakar | JPA |
| 6. | Sesi 6: Langkah-langkah Pencegahan Rasuah, Penyelewengan Dan Salah Guna Kuasa | Encik Samsul bin Salip | SPRM |
| 7. | Sesi 7: Integriti Penjawat Awam | Puan Hajah Khuzaimah binti Sulaiman | INTEGRITI |

Kursus Pengurusan Tatatertib JANM di Avillion Admiral Cove, Port Dickson, Negeri Sembilan

## Hebahan Integriti @ Jabatan Akauntan Negara Malaysia

Bagi meningkatkan kesedaran warga JANM terhadap peraturan-peraturan pegawai awam yang berkuatkuasa, Unit Integriti telah membuat hebahan integriti yang dihantar melalui e-mel secara bulanan.

Di samping itu, hebahan integriti yang menekankan tentang peraturan-peraturan yang berkuatkuasa turut disampaikan melalui slot Kursus Program Transformasi Minda (PTM) anjuran JANM sepanjang tahun 2017 dan taklimat kepada Pengarah Bahagian JANM/ JANM Negeri/Cawangan.

## Bacaan Permata Integriti @ Jabatan Akauntan Negara Malaysia

Permata Integriti merupakan salah satu program bagi mengukuhkan integriti di kalangan warga JANM menerusi hebahan cerita yang membawa mesej integriti dan nilai-nilai murni kepada warga JANM. Teks Permata Integriti @ JANM dihebahkan melalui siar raya pada waktu pagi selepas bacaan doa dengan kekerapan dua (2) kali setiap bulan.

## Pengurusan Tatatertib Jabatan Akauntan Negara Malaysia

Sepanjang menjalankan fungsi sebagai Lembaga Tatatertib JANM pada tahun 2017, Unit Integriti telah mengendalikan pelbagai jenis kes pelanggaran tatakelakuan atau melakukan larangan seperti yang terkandung dalam Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993, iaitu tidak hadir bertugas (10 kes), surcaj (2 kes) dan jenayah (1 kes).

Sepanjang tahun 2017, Lembaga Tatatertib JANM telah mengadakan mesyuarat sebanyak empat (4) kali. Keputusan daripada mesyuarat tersebut, Lembaga Tatatertib JANM telah menjatuhkan hukuman iaitu buang kerja (6 kes), turun gaji (1 kes), tangguh pergerakan gaji (4 kes), denda (1 kes) dan amaran (4 kes).

Jadual 5 : Mesyuarat Lembaga Tatatertib Kumpulan Sokongan Bagi Tahun 2017

| Perkara | Tarikh |
|---|---|
| Mesyuarat Lembaga Tatatertib Kumpulan Sokongan (No.2) JANM Bil. 1/2017 | 2 Feb 2017 |
| Mesyuarat Lembaga Tatatertib Kumpulan Sokongan (No.1) JANM Bil. 1/2017 | 1 Ogos 2017 |
| Mesyuarat Lembaga Tatatertib Kumpulan Sokongan (No.1) JANM Bil. 2/2017 | 9 Nov 2017 |
| Mesyuarat Lembaga Tatatertib Kumpulan Sokongan (No.1) JANM Bil. 3/2017 | 15 Dis 2017 |

## Ikrar Bebas Rasuah

JANM telah mengadakan Majlis Ikrar Bebas Rasuah pada 22 Ogos 2017 sempena Perhimpunan Bulanan JANM. Ikrar Bebas Rasuah ini merupakan satu inisiatif baharu yang diperkenalkan oleh SPRM dan dalam ucapan YBhg. Dato' ANM telah melahirkan harapan agar ikrar yang dilafaz secara sukarela ini akan memberikan penekanan kepada kepimpinan dan warga JANM agar lebih bertanggungjawab dan menjauhkan diri daripada sebarang perlakuan rasuah.

Majlis tersebut diserikan dengan tayangan montaj berkenaan Ikrar Bebas Rasuah. Turut diadakan, Ikrar Bebas Rasuah oleh warga JANM yang dipimpin oleh YBhg. Dato' ANM. Dokumen Ikrar Bebas Rasuah ini kemudiannya ditandatangani oleh pengurusan tertinggi iaitu YBhg. Dato' ANM, Timbalan Akauntan Negara Operasi (TAN (O)) dan Timbalan Akauntan Negara Korporat (TAN (K)) serta disaksikan oleh YBhg. Dato' Sri Mohd Jamidan bin Abdullah, Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Pengurusan dan Profesional), SPRM.

YBhg. Dato' ANM Memimpin Bacaan Ikrar Bebas Rasuah Oleh Warga JANM

Penyerahan Dokumen Ikrar Bebas Rasuah Kepada Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Pengurusan dan Profesional), SPRM

## Sesi Kunjungan Hormat INTEGRITI Ke Pejabat ANM

JANM merancang untuk membuat semakan semula terhadap Pelan Integriti JANM (PIJANM) Tahun 2010 hingga 2014. Sebagai tanda *kick-off* kepada penggubalan semula PIJANM tersebut, telah berlangsung satu kunjungan hormat INTEGRITI ke Pejabat ANM pada 11 September 2017. Rombongan tersebut diketuai oleh YBrs. Dr. Ahmad Fadzli bin Ahmad Tajuddin, Timbalan Presiden INTEGRITI dengan diiringi oleh dua (2) orang pegawai INTEGRITI dan disambut oleh YBhg. Dato' ANM dan TAN (K).

Kunjungan hormat ini adalah untuk menzahirkan komitmen kerjasama antara INTEGRITI selaku fasilitator dan JANM sepanjang proses penggubalan semula PIJANM tersebut. Pelan Integriti yang baharu ini diharap akan meningkatkan kesedaran dan komitmen warga JANM tentang nilai-nilai kerja beretika dan berintegriti melalui program/aktiviti nilai Jabatan yang akan dirangka kelak.

Sesi Kunjungan Hormat INTEGRITI Ke Pejabat ANM

# UNIT UNDANG-UNDANG (UU)

## FUNGSI UNIT UNDANG-UNDANG

1. Memberi nasihat perundangan selaras dengan peruntukan Perlembagaan Persekutuan dan undang-undang Negara dengan mengambil kira dasar Kerajaan dan kepentingan awam.
2. Menyemak dan menggubal semua undang-undang, peraturan, kaedah dan dokumen perundangan lain yang melibatkan JANM.
3. Menggubal dan menyemak dokumen perjanjian dan kontrak.
4. Menguatkuasakan Akta Wang Tak Dituntut.

## AKTIVITI YANG MELIBATKAN UNIT UNDANG-UNDANG

| Bil. | Aktiviti | Tarikh | Tempat |
|---|---|---|---|
| 1. | Menghadiri Persidangan Pegawai Undang-undang (Peguam Kanan Persekutuan dan Peguam Persekutuan), Jabatan Peguam Negara | 11 – 13 Jan 2017 | Swiss Garden Hotel & Residences, Melaka |
| 2. | Menyampaikan ceramah mengenai pelaksanaan denda dan kompaun semasa Kursus Pelaksanaan Denda dan Kompaun Akta Wang Tak Dituntut 1965 | 10 – 13 Apr 2017 | Institut Perakaunan Negara (IPN), Sabak Bernam |
| 3. | Menghadiri Mesyuarat Penolong Pendaftar Wang Tak Dituntut Bil. 1/2017 | 17 – 19 Mei 2017 | Hotel Adya, Langkawi |
| 4. | Menghadiri lawatan sambil belajar ke Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) bersama pegawai pemeriksa dan pegawai penyiasat daripada Bahagian Wang Tak Dituntut (BWTD) untuk pemahaman lebih lanjut mengenai bidang pemeriksaan dan siasatan kes SSM di mahkamah | 30 Mei 2017 | Menara SSM |
| 5. | Menghadiri ceramah berkenaan Kaedah Pemeriksaan, Siasatan dan Pendakwaan oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) yang turut melibatkan pegawai pemeriksa serta pegawai penyiasat daripada BWTD | 4 Jul 2017 | Menara Maybank |
| 6. | Menghadiri Mesyuarat Penyelarasan Wang Tak Dituntut Bil. 2/2017 | 16 – 18 Jul 2017 | Hotel Perdana, Kota Bharu, Kelantan |
| 7. | Menghadiri Mesyuarat Penolong Pendaftar Wang Tak Dituntut Bil. 2/2017 | 24 – 27 Sep 2017 | Hotel Promenade, Tawau, Sabah |
| 8. | Menyampaikan ceramah kepada pegawai pemeriksa dari Bahagian Wang Tak Dituntut (BWTD) semasa Bengkel *Hands-On* Arahan Penguatkuasaan Akta Wang Tak Dituntut 1965 Bil. 2/2017 | 3 – 5 Okt 2017 | Hotel Heritage, Tanah Rata, Cameron Highlands |
| 9. | Menghadiri Mesyuarat Penyelarasan Sasaran Kerja Tahunan (SKT) Bahagian Pembangunan Perakaunan dan Pengurusan untuk membincangkan mengenai SKT unit masing-masing bagi tahun 2018 | 21 – 22 Nov 2017 | Hotel Awana, Genting Highlands |

Peserta Bengkel *Hands-On* Arahan Penguatkuasaan Akta Wang Tak Dituntut 1965
Bergambar Bersama Penceramah Dari Cybersecurity Malaysia

Pegawai Undang-Undang Menyampaikan Ceramah Mengenai Pelaksanaan Denda Dan Kompaun Semasa Kursus Pelaksanaan Denda Dan Kompaun Akta Wang Tak Dituntut 1965 Di IPN, Sabak Bernam

# LAPORAN PENCAPAIAN

## PENGURUSAN KORPORAT

- BAHAGIAN PEMBANGUNAN PERAKAUNAN DAN PENGURUSAN (BPPP)
- BAHAGIAN KHIDMAT PERUNDING (BKP)
- BAHAGIAN PENGURUSAN TEKNOLOGI MAKLUMAT (BPTM)
- INSTITUT PERAKAUNAN NEGARA (IPN)

# BAHAGIAN PEMBANGUNAN PERAKAUNAN DAN PENGURUSAN (BPPP)

## EKOSISTEM KONDUSIF SEKTOR AWAM (EKSA)

JANM telah menerima pensijilan EKSA dengan kategori Cemerlang daripada Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) pada 14 Februari 2016. Kejayaan JANM menerima Sijil EKSA ini adalah usaha sama dan kegigihan daripada warga JANM yang disokong penuh oleh Pengurusan Tertinggi yang menjadikan pensijilan EKSA ini salah satu daripada Sasaran Kerja Tahunan (SKT).

EKSA perlu dijadikan amalan dan budaya kerja warga JANM sepanjang masa. Amalan budaya EKSA secara konsisten dapat meningkatkan kualiti dan produktiviti kerja.

Bagi memastikan budaya EKSA ini sentiasa tersemai di dalam hati setiap pegawai di JANM, pelbagai aktiviti telah dilaksanakan sepanjang tahun 2017 seperti berikut:

| Bil. | Perkara | Tarikh |
|---|---|---|
| 1. | Pengemaskinian *Blogspot* Zon | Setiap bulan |
| 2. | Kempen Kesedaran EKSA | Dilaksanakan dua (2) bulan sekali melalui emel rasmi |
| 3. | Mesyuarat Jawatankuasa Kerja | 9 Jan 2017<br>7 Feb 2017<br>27 Ogos 2017 |
| 4. | Audit Kendiri Selepas Genap Setahun Pensijilan EKSA | 19 – 20 Jan 2017<br>1 – 2 Mac 2017 |
| 5. | Laporan Penilaian Kendiri Selepas Genap Setahun Pensijilan EKSA ke MAMPU | 14 Mac 2017 |
| 6. | Gotong-Royong Perdana | 8 Sep 2017 |
| 7. | Kursus Pembudayaan EKSA | 21 Sep 2017 |
| 8. | Audit Dalam Pensijilan Semula | 28 – 29 Sep 2017<br>23 – 24 Okt 2017 |
| 9. | Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu | 30 Nov 2017<br>13 Dis 2017 |
| 10. | Laporan Audit Dalam Pensijilan Semula ke MAMPU | 27 Dis 2017 |
| 11. | Lawatan Penandaarasan ke JPN | 28 Dis 2017 |

JANM juga telah mengemukakan permohonan pensijilan semula EKSA kepada MAMPU pada 27 Disember 2017.

## PENILAIAN INDEKS PENARAFAN BINTANG (SSR) 2017

SSR merupakan penilaian untuk menilai dan mengukur prestasi penyampaian perkhidmatan di kalangan agensi-agensi sektor awam berpandukan kriteria-kriteria yang ditetapkan oleh Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancang Pengurusan Malaysia (MAMPU).

Bagi penilaian pada tahun 2017, aplikasi *My*SSR telah diperkenalkan bagi menggantikan kaedah penilaian konvensional. Menerusi aplikasi *MySSR*, semua dokumen pembuktian penilaian perlu dimuat naik ke dalam sistem *MySSR* untuk penilaian oleh panel penilai.

Tempoh penilaian SSR bagi tahun 2017 telah dijalankan sepanjang bulan Mei hingga Oktober 2017 di mana peringkat penilaian terbahagi kepada dua (2) iaitu modul pra-penilaian dan modul penilaian. Peringkat pertama iaitu modul pra-penilaian, Jabatan dikehendaki untuk memuat naik dokumen pembuktian bagi penilaian berdasarkan senarai semak yang disediakan. Bagi peringkat kedua pula iaitu modul penilaian, Jabatan dikehendaki untuk memberikan maklumat tambahan sekiranya diperlukan oleh panel penilai. JANM telah berjaya melengkapkan kedua-dua modul dalam penilaian SSR bagi tahun 2017. Secara keseluruhannya, berdasarkan penilaian kendiri, JANM telah memenuhi kriteria penilaian bagi kedudukan lima (5) bintang.

## PROGRAM INOVASI DAN INTEGRITI JANM

### Bengkel Kumpulan Inovatif Dan Kreatif (KIK)

Bengkel KIK JANM telah diadakan pada 10 Julai hingga 14 Julai 2017 bertempat di IPN, Sabak Bernam. Penceramah bagi bengkel tersebut ialah Tuan Haji Baharin bin Haji Yahaya, seorang pesara Kastam Diraja Malaysia. Bengkel ini telah dihadiri oleh 34 orang pegawai yang terdiri daripada pegawai dari Bahagian JANM, JANM Negeri dan Cawangan.

### Pertandingan Mencipta Tema Inovasi

Pertandingan ini diadakan bermula pada 14 Jun hingga 31 Julai 2017. Tema "Membudayakan Inovasi Memperkasakan Perakaunan Akruan" telah dipilih oleh pihak juri untuk memenangi pertandingan ini. Senarai pemenang pertandingan adalah seperti berikut:

Jadual 6 : Senarai Pemenang Pertandingan Mencipta Tema Inovasi

| Kedudukan | Nama Pemenang | Bahagian/JANM Negeri/Cawangan |
|---|---|---|
| Pertama | Puan Suziana binti Lipoh | JANM Sandakan |
| Kedua | Puan Siti Aishah binti Bahrom | BWTD |
| Ketiga | Puan Sofiana binti Osman | JANM Terengganu |

## Pertandingan Menulis Artikel Inovasi Dan Integriti

Pertandingan Artikel Inovasi dan Integriti diadakan bertujuan untuk mencungkil dan mengasah bakat menulis di kalangan warga JANM. Tempoh pertandingan bermula dari 14 Jun hingga 31 Julai 2017. Artikel-artikel pemenang telah dikongsikan di dalam portal *Knowledge Management* JANM. Senarai pemenang adalah seperti berikut:

Jadual 7 : Senarai Pemenang Pertandingan Menulis Artikel Inovasi Dan Integriti

| Kedudukan | Nama Pemenang | Bahagian | Tajuk Artikel |
|---|---|---|---|
| Pertama | Mazlina binti Mohd Rasit | BKP | Integriti@NEGARAKU |
| Kedua | Noraida binti Alias | BKP | Transformasi Manual Kepada *Online* : Garapan Inovasi Melalui *Consultancy Management System (COMS)* |
| Ketiga | Gloria Angela James Noah | BKP | Cetusan Idea Asli - Inovasi "Konsep *Reversal & Reclassification* (R&R)" Sistem Perakaunan Akruan Kerajaan Negeri (1SPEKS) |

## Pertandingan Idea Inovasi

Pertandingan Idea Inovasi diadakan bertujuan untuk memupuk budaya inovasi dan kreativiti di kalangan warga JANM yang boleh diketengahkan untuk kebaikan organisasi. Sebanyak enam (6) penyertaan telah diterima oleh urus setia pertandingan. Tempoh pertandingan bermula dari 19 Julai hingga 18 Ogos 2017. Tiga (3) pemenang yang telah dipilih oleh juri adalah seperti berikut:

Jadual 8 : Senarai Pemenang Pertandingan Idea Inovasi

| Kedudukan | Nama Pemenang | Idea Inovasi | Bahagian/JANM Negeri/ Cawangan |
|---|---|---|---|
| Pertama | Encik Ahmad Badri bin Abu Bakar | Sistem pelaporan latihan 1GFMAS menggunakan sistem *Dashboard* Latihan 1GFMAS. | JANM Perak |
| Kedua | Puan Hamimah binti Abdul Aziz | Permohonan penyata gaji lama dan *reset* kata laluan melalui penghantaran notifikasi SMS menggunakan BOSS *code*. | BPTM |
| Ketiga | Encik Saufi bin Mat Hassan | Mewujudkan satu sistem aplikasi berkaitan dokumentasi kontrak dan perolehan JANM. | BPTM |

## Pertandingan Poster Inovasi

Pertandingan ini bertujuan untuk mencungkil kreativiti warga JANM. Pertandingan yang bertemakan 'Inovasi dan Integriti Pemangkin Merealisasikan Perakaunan Akruan' ini telah bermula dari 18 Julai hingga 22 Ogos 2017.

Poster pemenang tempat pertama telah dijadikan *backdrop* dan *bunting* sempena Sambutan Hari Inovasi dan Integriti JANM 2017, manakala poster pemenang tempat kedua telah dijadikan *backdrop* dan *bunting* bagi Konvensyen KIK JANM 2017. Keputusan pertandingan adalah seperti berikut:

Jadual 9 : Senarai Pemenang Pertandingan Poster Inovasi

| Kedudukan | Nama Pemenang | Bahagian/JANM Negeri/Cawangan |
|---|---|---|
| Pertama | Encik Mohd Shukry bin Md. Nor | BPTM |
| Kedua | Puan Nurul Aida binti Mohamed Amin | JANM Pulau Pinang |
| Ketiga | Encik Mohd Shyazali bin Salleh | IPN |

Pemenang Tempat Pertama

Pemenang Tempat Kedua

Pemenang Tempat Ketiga

## Pertandingan Video Pendek Inovasi

Tema yang diberikan untuk pertandingan video pendek inovasi adalah "Aspirasi Pencetus Inovasi". Pertandingan ini terbuka kepada semua warga JANM termasuk JANM Negeri dan Cawangan. Namun begitu, hanya satu (1) penyertaan diterima untuk pertandingan video pendek pada tahun ini iaitu daripada JANM Negeri Sabah dengan tajuk "Kesihatan Teras Inovasi". Hadiah saguhati telah disampaikan kepada JANM Negeri Sabah pada Majlis Sambutan Hari Inovasi dan Integriti JANM 2017.

## Lawatan Inovasi

Program lawatan inovasi merupakan salah satu program inovasi tahunan JANM. Lawatan ini telah diadakan pada 3 Oktober 2017 bertempat di LHDN Cyberjaya dan KPJ Healthcare Bhd. Seramai 25 orang pegawai dari JANM Ibu Pejabat telah menyertai lawatan tersebut.

Lawatan ini bertujuan mendapatkan pendedahan dan perkongsian ilmu terutamanya dalam etika kerja dan budaya inovasi yang diterapkan dalam organisasi ini sekaligus melayakkan mereka menerima anugerah berkaitan inovasi.

Lawatan Inovasi Ke KPJ Healthcare Bhd

Lawatan Inovasi Ke LHDN Cyberjaya

## Jom Fiesta 2017

Program Jom Fiesta 2017 telah dianjurkan dengan beberapa aktiviti seperti berikut:

Jadual 10 : Program Jom Fiesta 2017

| Bil. | Aktiviti | Butiran | Tarikh |
|---|---|---|---|
| 1. | *Running Man* | *Running Man* – JANM 2017 adalah gabungan di antara *Amazing Race* dan *Treasure Hunt*.<br>Para peserta mengharungi beberapa jenis cabaran di samping menyelesaikan soalan-soalan *treasure hunt* (Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris) berdasarkan kepada panduan-panduan yang diberikan. | 3 Okt 2017 |
| 2. | AG *Bazaar* | *AG Bazaar* menyediakan pelbagai jualan makanan, pakaian dan barang-barang menarik di perkarangan tangga. | 4 Okt 2017 |
| 3. | *Kahoot Stairs Challenge* Siri 1 | Permainan *kahoot* berlangsung di Dewan Serbaguna JANM di mana soalan-soalan yang diberikan adalah berkisar aktiviti inovasi dan keceriaan tangga di bangunan JANM. | 4 Okt 2017 |
| 4. | *Kahoot Stairs Challenge* Siri 2 | Pertandingan *kahoot* dijalankan di Dewan Serbaguna JANM. | 21 Dis 2017 |

Majlis Perasmian Jom Fiesta 2017 Oleh YBhg. Dato' ANM

Para Peserta Jom Fiesta 2017 Bergambar Bersama Pengurusan Tertinggi JANM

## Demo Inovasi Kadbod

Demo Inovasi Kadbod dijalankan bersama dengan *Kahoot Stairs Challenge* Siri 2 pada 21 Disember 2017 bagi mencungkil kreativiti warga JANM dalam menghasilkan peralatan pejabat daripada kadbod dan barangan terpakai. Hasil ciptaan telah dipamerkan semasa Perhimpunan Bulanan JANM bulan Disember 2017.

Proses Pembinaan Perabot Menggunakan Kadbod

Hasil Ciptaan Perobot

## Konvensyen KIK

Konvensyen KIK peringkat JANM telah diadakan pada 10 Oktober 2017 bertempat di Dewan Serbaguna, JANM Putrajaya.

Objektif KIK JANM diadakan antaranya adalah:

1. Mekanisme untuk melibatkan pekerja dalam proses penyelesaian masalah atau penambahbaikan proses kerja sedia ada atau memperkenalkan sesuatu yang baharu.
2. Memupuk dan menyemarakkan budaya kreatif dan inovatif dalam cara kerja yang diamalkan.
3. Menerapkan konsep *knowledge-based* dan *creativity-driven* bagi membolehkan organisasi menghasilkan inovasi yang memberi nilai tambah kepada produk atau perkhidmatan.

Konvensyen ini diadili oleh tiga (3) orang hakim daripada JKDM, INTAN dan MAMPU. Keputusan konvensyen adalah seperti berikut :

Jadual 11 : Senarai Pemenang Konvensyen KIK JANM 2017

| Kedudukan | Nama Kumpulan | Bahagian/JANM Negeri/Cawangan |
|---|---|---|
| Pertama | HARMONI | BKP |
| Kedua | iSYNC | IPN |
| Ketiga | SMART 10 | JANM Melaka |

Pembentangan Daripada Kumpulan Yang Bertanding

Johan Konvensyen KIK JANM 2017

Pemenang Tempat Kedua

Pemenang Tempat Ketiga

## Sambutan Hari Inovasi Dan Integriti JANM Tahun 2017

Sambutan Hari Inovasi dan Integriti JANM dilaksanakan setiap tahun dengan disokong oleh penganjuran program/aktiviti inovasi dan integriti sebagai galakan penyertaan daripada warga JANM. Tema sambutan pada tahun ini ialah "Membudayakan Inovasi Memperkasakan Perakaunan Akruan".

Sambutan Hari Inovasi dan Integriti JANM 2017 telah disempurnakan oleh YB. Dato' Wira Othman bin Aziz, Timbalan Menteri Kewangan I pada 11 Oktober 2017. Pada majlis itu juga YB. Dato' Wira telah berbesar hati melancarkan sistem 1SPEKS dan menyampaikan hadiah kepada para pemenang pertandingan inovasi yang dianjurkan sepanjang tahun 2017.

Majlis Dirasmikan Oleh YB. Dato' Wira Othman Bin Aziz, Timbalan Menteri Kewangan I

# MAJLIS ANUGERAH APRESIASI KECEMERLANGAN (AAK) JANM TAHUN 2016

Majlis AAK JANM Tahun 2016 yang berkonsepkan Kesultanan Melayu telah diadakan pada 30 Mac 2017 di Dewan Serbaguna, JANM. Majlis tersebut telah disempurnakan oleh YBhg. Dato' Haji Che Pee bin Samsudin, Akauntan Negara Malaysia dan majlis turut dimeriahkan dengan kehadiran YBrs. Encik Saat bin Esa, Timbalan Akauntan Negara (Operasi).

Majlis ini diadakan bertujuan untuk memberikan penghargaan kepada warga JANM yang telah menunjukkan prestasi perkhidmatan cemerlang pada tahun 2016. Seramai 181 pegawai dari semua Bahagian JANM dan JANM Negeri/Cawangan telah menerima anugerah ini. Daripada senarai penerima, seramai 35 penerima dari kumpulan Pengurusan dan Profesional manakala 146 penerima dari kumpulan pelaksana. Para penerima anugerah telah menerima Sijil Simpanan Premium (SSP) berjumlah RM1,000 berserta sijil penghargaan.

Penyampaian Sijil Kepada Penerima AAK Tahun 2016

Pengurusan Tertinggi JANM Bergambar Kenangan Bersama Penerima AAK Tahun 2016

## MAJLIS JASAMU DIKENANG JANM TAHUN 2017

Majlis Jasamu Dikenang JANM Tahun 2017 telah diadakan pada 24 Februari 2017 bertempat di Palm Garden Hotel, IOI Resort City, Putrajaya sempena persaraan YBhg. Dato' Mohamad Azmi bin Ali, mantan Timbalan Akauntan Negara (Operasi). Majlis ini juga turut meraikan mantan Pengarah Pasukan Pelaksanaan Perakaunan Akruan (PPPA), Bahagian Pembangunan Perakaunan dan Pengurusan (BPPP), Bahagian Wang Tak Dituntut (BWTD) dan Ketua Akauntan yang telah bersara pada tahun 2016 dan 2017 sebagai mengenang dan menghargai jasa serta pengorbanan yang telah dicurahkan dalam perkhidmatan awam dan perakaunan.

Seramai 600 orang tetamu jemputan telah menghadiri majlis Hi-Tea ini yang terdiri daripada warga JANM di Ibu Pejabat, JANM Negeri Melaka, Perak, Selangor, Johor dan Negeri Sembilan serta warga perakaunan di sekitar Lembah Klang. Pesara yang diraikan telah menerima cenderamata hasil sumbangan daripada warga JANM dan warga perakaunan.

## MAJLIS SELUHUR BUDI SEHARUM KASIH JANM TAHUN 2017

Majlis Seluhur Budi Seharum Kasih JANM Tahun 2017 yang berkonsepkan 1 Malaysia (Etnik Malaysia) telah diadakan pada 10 November 2017 bertempat di BoraOmbak, Marina Putrajaya dan telah disempurnakan oleh YBhg. Dato' Wira Othman bin Aziz, Timbalan Menteri Kewangan I. Majlis ini diadakan bertujuan untuk mengenang dan menghargai jasa serta pengorbanan yang telah dicurahkan oleh warga JANM yang telah bersara dan akan bersara sama ada bersara wajib atau pilihan pada tahun 2017.

Seramai 51 pegawai telah diraikan dalam majlis ini. Enam (6) pegawai yang diraikan daripada Pengurusan Tertinggi, sembilan (9) pegawai daripada kumpulan Pengurusan & Profesional dan 36 pegawai daripada kumpulan Pelaksana. Pecahan pesara mengikut kumpulan dan jantina adalah seperti berikut:

Jadual 12 : Pecahan Pesara Mengikut Kumpulan Dan Jantina Pada Tahun 2017

| Jenis Persaraan | Pengurusan Tertinggi | | Kumpulan Pengurusan & Profesional | | Kumpulan Pelaksana | | Jumlah |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | Lelaki | Perempuan | Lelaki | Perempuan | Lelaki | Perempuan | |
| Wajib | 3 | 2 | 1 | 3 | 6 | 11 | 26 |
| Pilihan | 1 | 0 | 1 | 3 | 6 | 8 | 19 |
| Meninggal dunia | 0 | 0 | 1 | 0 | 3 | 1 | 5 |
| Dibersarakan atas sebab kesihatan | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 1 | 1 |
| **Jumlah** | **4** | **2** | **3** | **6** | **15** | **21** | **51** |

Pesara Yang Diraikan Dalam Majlis Seluhur Budi Seharum Kasih JANM Tahun 2017

## LAWATAN AKADEMIK DARI INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI

Sepanjang tahun 2017, JANM telah menerima lawatan akademik daripada lima (5) buah Institusi Pengajian Tinggi Awam dan Swasta. Antaranya adalah seperti berikut:

Jadual 13 : Lawatan Akademik Dari Institusi Pengajian Tinggi Awam Dan Swasta

| Nama Institusi | Tarikh Lawatan | Bilangan | |
|---|---|---|---|
| | | Pelajar | Pengiring |
| Politeknik Seberang Perai, Pulau Pinang | 16 Feb 2017 | 32 | 2 |
| Kolej Islam Antarabangsa | 1 Mac 2017 | 37 | 3 |
| Politeknik Port Dickson, Negeri Sembilan | 3 Ogos 2017 | 69 | 4 |
| Universiti Selangor (UNISEL) | 28 Ogos 2017 | 97 | 3 |
| Kolej Antarabangsa Unifield | 6 Dis 2017 | 16 | 4 |

Objektif lawatan akademik ini adalah bertujuan untuk memberi gambaran lebih jelas mengenai fungsi dan peranan JANM, memberi pendedahan kepada pelajar mengenai sistem perakaunan di dalam sektor awam serta mendedahkan pelajar terhadap isu-isu dan cabaran di dalam dunia pekerjaan terutama di dalam bidang perakaunan sektor awam.

Lawatan Akademik Dari Kolej Antarabangsa Unifield

Lawatan Akademik Dari Universiti Selangor (UNISEL)

Lawatan Akademik Dari Politeknik Port Dickson, Negeri Sembilan

## PERJAWATAN

Perkhidmatan awam merupakan nadi kepada kekuatan sistem pengurusan sesebuah negara. Bagi mencapai matlamat negara dengan lebih komprehensif, penjawat awam perlu berdaya saing dan memiliki kompetensi yang diperlukan bagi memastikan kelestarian matlamat tersebut. Justeru, pengurusan sumber manusia yang efektif memainkan peranan penting dalam mempersiapkan modal insan yang kompeten dan berkualiti.

BPPP bertanggungjawab ke atas perancangan dan pembangunan Skim Perkhidmatan Perakaunan sebagai tunggak utama sistem Perakaunan Kerajaan Persekutuan. BPPP juga berperanan dalam memastikan pembangunan organisasi yang efektif dan padu dengan pengurusan sumber manusia yang optimum selaras dengan dasar semasa Kerajaan.

Melalui sumber manusia yang efektif, pengisian bagi perjawatan skim perkhidmatan perakaunan dapat diisi. Ini dapat dilihat melalui peratusan pengisian sebanyak 94% iaitu pengisian sebanyak 5,812 daripada 6,182 perjawatan di Kementerian dan Jabatan seluruh Malaysia.

Carta 11 : Pecahan Pengisian Perjawatan Skim Perkhidmatan Perakaunan Di Kementerian Dan Jabatan Pada Tahun 2017




Carta 12 : Perbandingan Pengisian Perjawatan Skim Perkhidmatan Perakaunan Di Kementerian Dan Jabatan Bagi Tahun 2016 Dan 2017




Dengan pengurusan yang baik juga, peningkatan pengisian jawatan adalah stabil atau meningkat bagi semua gred jawatan. Dengan peratus pengisian yang tinggi, tugas di bidang kewangan dan akaun dapat dilaksanakan dengan baik.

## PEMANGKUAN

Urusan pemangkuan adalah merupakan salah satu aspek penting dalam pengurusan sumber manusia. Urusan ini merupakan satu insentif dalam bentuk kemajuan kerjaya kepada pegawai dan juga dorongan dalam peningkatan prestasi kerja pegawai. Pelaksanaan pengurusan pemangkuan skim perakaunan dilaksanakan setiap tahun bagi mengisi kekosongan jawatan sedia ada dan selaras dengan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 7 Tahun 2010.

Jadual 14 : Statistik Perbandingan Pegawai Perkhidmatan Perakaunan Untuk Urusan Pemangkuan Bagi Tahun 2016 Dan 2017

| Kumpulan Perkhidmatan | Gred | Bilangan Pegawai | |
|---|---|---|---|
| | | Tahun 2016 | Tahun 2017 |
| Pengurusan Tertinggi | JUSA | 4 | 6 |
| Pengurusan Dan Profesional | WA54 | 11 | 8 |
| | WA52 | 11 | 5 |
| | WA48 | 22 | 13 |
| | WA44 | 39 | 11 |
| Pelaksana | W36 | 25 | 21 |
| | W32 | 42 | 32 |
| | W26 | 16 | 19 |
| | W22 | 63 | 31 |
| **Jumlah** | | **233** | **146** |

## LAPOR DIRI PEGAWAI LANTIKAN BAHARU

Sepanjang tahun 2017, tiada lantikan baharu dilaksanakan bagi skim perkhidmatan perakaunan. Ini adalah berikutan dasar Kerajaan dalam mengoptimumkan penggunaan sumber manusia dalam Perkhidmatan Awam.

Carta 13 : Perbandingan Jumlah Pegawai Skim Perkhidmatan Perakaunan Lantikan Baharu Bagi Tahun 2016 Dan 2017



# KURSUS DAN SEMINAR

## Kursus Bulanan

Objektif kursus bulanan anjuran BPPP adalah untuk memberi pendedahan kepada warga JANM mengenai kemahiran *soft skills* bagi meningkatkan pengetahuan dan kemahiran dalam membantu pegawai menjalankan tugas hakiki. Sepanjang tahun 2017, sebanyak lapan (8) siri kursus bulanan telah dilaksanakan oleh Unit Pembangunan Kerjaya dan Kompetensi (UPKK). Kesemua kursus tersebut telah diadakan di Dewan Serbaguna, JANM dan melibatkan seramai 1,311 orang peserta.

Jadual 15 : Kursus Bulanan Yang Telah Diadakan Tahun 2017

| Bil. | Tajuk Kursus | Tarikh | Bilangan Peserta |
|---|---|---|---|
| 1. | *Creativity Begins With Me* | 8 Feb 2017 | 158 |
| 2. | *Keep It Short and Simple* | 14 Mac 2017 | 181 |
| 3. | Kerja Kuat, Diri Hebat, Rezeki Berkat | 9 Mei 2017 | 206 |
| 4. | Mendidik Hati dan Peribadi Melalui Keberkatan Ramadan | 13 Jun 2017 | 166 |
| 5. | Etiket, Protokol dan Keterampilan Diri | 27 Jul 2017 | 190 |
| 6. | Pembentukan Keluarga Sakinah | 17 Ogos 2017 | 113 |
| 7. | Perspektif Gender dalam Perkhidmatan Awam | 6 Sep 2017 | 100 |
| 8. | Forensik Diri | 4 Okt 2017 | 134 |
| 9. | Transformasi Organisasi dan Insan Berintegriti | 25 Okt 2017 | 63 |

Kursus Bulanan Bilangan 2/2017

## Kursus, Lawatan Dan Persidangan Di Luar Negara

Antara objektif utama JANM menganjurkan kursus, lawatan dan persidangan di luar negara adalah untuk memberikan pendedahan yang lebih luas berhubung perkembangan semasa, teknologi, ekonomi dan pembangunan di peringkat antarabangsa sekali gus memberi peluang kepada pegawai JANM untuk menimba ilmu pengetahuan serta amalan (praktis) yang diamalkan di luar negara untuk dipraktikkan di Jabatan dan secara langsung meningkatkan kompetensi pegawai.

Jadual 16 : Senarai Pegawai Yang Menghadiri Kursus, Lawatan Dan Persidangan Di Luar Negara Sepanjang Tahun 2017

| Bil. | Nama Pegawai | Kursus/Lawatan/Persidangan | Tarikh |
|---|---|---|---|
| 1. | Encik Mohd Sabree bin Yaakub | Lawatan Sambil Belajar LHDN | 21 – 24 Feb 2017 |
| 2. | Cik Saadiah binti Yaakub | | |
| 3. | Dr. Yacob bin Mustafa | Persidangan Tahunan Sektor Awam *The Chartered Institute of Public Finance and Accountancy* (CIPFA) | 30 Mac – 2 Apr 2017 |
| 4. | Encik Jafril bin Junit | | |
| 5. | Encik Jafril bin Junit | Lawatan Kerja Ke *Accounting and Auditing Organization For Islamic Financial Institution* (AAOIFI) | 24 – 25 Apr 2017 |
| 6. | Dr. Shahril bin Baharim | | |
| 7. | Puan Eba Juiata binti Taib | Program *Building A High Performance Organization Culture* | 8 – 14 Mei 2017 |
| 8. | Encik Abdul Majid bin Salleh | Persidangan Tahunan Sektor Awam *The Chartered Institute of Public Finance and Accountancy* (CIPFA) | 10 – 15 Jul 2017 |
| 9. | Puan Ruzinah binti Rukun | *The Institute of Internal Auditors* (IIA) *International Conference 2017* | 23 – 26 Jul 2017 |
| 10. | Dato' Hj. Che Pee bin Samsudin | 2017 *Censof Global Conference* | 3 – 7 Sep 2017 |
| 11. | Puan Rihatun Abddah binti Meor Zainal Abidin | | |
| 12. | Puan Gloria Angela James Noah | | |
| 13. | Puan Intan Sharizat binti Ramli | | |
| 14. | Puan Maziah binti Musa | CPA *Congress: Connecting The Biggest Minds* | 16 – 18 Okt 2017 |
| 15. | Puan Siti Norhayati binti Mohd Ali | CPA *Congress 2017* | 16 – 18 Okt 2017 |
| 16. | Encik Suryamulyono bin Jakobus | CPA *Congress : Connecting The Biggest Minds* | 23 – 25 Okt 2017 |
| 17. | Puan Khairunnisa binti Yahya | IPSAS *Training Workshop* | 24 – 27 Okt 2017 |
| 18. | Dato' Zamimi bin Awang | *Building High Performance Directors 2.0 : Organisational Sustanability* | 28 Okt – 3 Nov 2017 |
| 19. | Puan Naharriah binti Mohamed | Transformasi Organisasi Melalui Tadbir Urus Bersepadu | 19 – 23 Nov 2017 |
| 20. | Puan Maniza binti Mahfuz | *Strategic Leadership : How to Build, Lead and Sustain a High Performance Organisation* | 26 Nov – 3 Dis 2017 |
| 21. | Puan Shabibah binti Bachok | *Driving Sustainable Growth Through Outcome Based Performance Management* | 26 Nov – 3 Dis 2017 |
| 22. | Encik Afandi bin Ab Ghani | *Fundamentals of Risk Management (FoRM)* | 27 – 28 Nov 2017 |
| 23. | Encik Badrul Hisam bin Ismail | *Certified Training Manager/Director* | 4 – 8 Dis 2017 |

## Kursus Swasta Dalam Negeri

Kursus swasta dalam negeri juga adalah medium bagi memantapkan kompetensi pegawai JANM merangkumi ilmu dari segi teknikal, kemahiran dan sikap. Kursus-kursus yang dipilih juga menepati objektif JANM untuk meningkatkan profesionalisme pegawai dengan menambah pengetahuan serta melengkapkan pegawai dengan isu-isu semasa untuk diaplikasikan dalam menjalankan tugas seharian.

Jadual 17 : Kursus Swasta Dalam Negeri Yang Dihadiri Sepanjang Tahun 2017

| Bil. | Kursus | Tarikh | Bilangan Pegawai |
|---|---|---|---|
| 1. | Penyediaan Laporan Siasatan | 22 – 23 Feb 2017 | 1 |
| 2. | *Roadmap to* MPSAS : *Assets* | 6 – 8 Mac 2017 | 2 |
| 3. | *Oasis Job Interest Inventory Certification* | 11 Mac 2017 | 1 |
| 4. | *Roadmap to* MPSAS : *Revenue* | 22 – 23 Mac 2017 | 2 |
| 5. | *4th* MFPC *International Conference* | 15 Apr 2017 | 1 |
| 6. | *Roadmap to* MPSAS : *Financial Instruments* | 17 – 18 Apr 2017 | 1 |
| 7. | *Transition From* PERS *to* MPSAS - *Closing The Gap* | 18 – 19 Apr 2017 | 2 |
| 8. | Raikan Setiausaha Bersama Imam Muda Asyraf | 26 Apr 2017 | 8 |
| 9. | *An Overview And Its Significant Impact On Auditors* | 27 Apr 2017 | 2 |
| 10. | *Leadership In Crises* | 3 – 4 Mei 2017 | 1 |
| 11. | *Consolidation* MPSAS *6,7,8,34 & 35* | 4 – 5 Mei 2017 | 2 |
| 12. | *Roadmap to* MPSAS : *Consolidation* | 4 – 5 Mei 2017 | 2 |
| 13. | Seminar Pemantapan Juruaudit Dalam Melalui Pengurusan Pengauditan Yang Berkesan | 8 – 9 Mei 2017 | 5 |
| 14. | *Roadmap to* MPSAS : *Foreign Exchange Transactions & Entities* | 15 – 16 Mei 2017 | 1 |
| 15. | BIGIT GOV 2017 | 16 – 17 Mei 2017 | 2 |
| 16. | IPv6 *Forum Certified Engineer (Silver)* | 16 – 18 Mei 2017 | 3 |
| 17. | *Roadmap to* MPSAS : *Other Matters* | 22 – 23 Mei 2017 | 2 |
| 18. | Persidangan dan Pameran Antarabangsa GRCCS-BC1 | 22 – 23 Mei 2017 | 1 |
| 19. | *VMWare* NSX : *Install, Configure and Manage* | 22 – 26 Mei 2017 | 2 |
| 20. | *How To Maintain Harmony In The Workplace by Managing Difficult People* | 5 – 6 Jun 2017 | 1 |
| 21. | Pengaturcaraan PHP *Laravel Framework* & MySQL | 17 – 20 Jul 2017 | 2 |
| 22. | BOE320 : SAP *Business Objects Intelligence Platform - Administering Serves (Windows)* | 26 – 28 Jul 2017 | 2 |
| 23. | Konvensyen Wilayah *Team Excellence* 2017 | 8 – 9 Ogos 2017 | 2 |
| 24. | IIUM *World Prosumer Convention* INTAC *Series* 2017 | 10 Ogos 2017 | 3 |
| 25. | EP200 : SAP *Enterprise Portal-System Administration* | 14 – 18 Ogos 2017 | 3 |
| 26. | Persidangan Akauntan Sektor Awam Kebangsaan Kali Ke-28 | 15 – 16 Ogos 2017 | 1 |
| 27. | *Programming In* HTML5 *With Javascript And* CSS3 | 4 – 8 Sep 2017 | 2 |
| 28. | Seminar Skim Pensijilan ISO 37001:2016 Sistem Pengurusan Anti Rasuah | 11 – 12 Sep 2017 | 5 |
| 29. | ISMS ISO/IEC *27001:2013 Auditor/Lead Auditor* | 11 – 15 Sep 2017 | 1 |
| 30. | Persidangan Pengurusan Dan Kepimpinan Dinamik 2017 | 13 – 14 Sep 2017 | 1 |
| 31. | MFPC *Professional & Ethics* Conference 2017 | 4 Okt 2017 | 1 |
| 32. | Seminar Kebangsaan Pemantapan Kaunselor 2017 | 4 – 5 Okt 2017 | 1 |
| 33. | 2017 IIA *Malaysia National Conference* | 9 Okt 17 | 1 |
| 34. | *Roadmap to* MPSAS : *Expenses & Liabilities* | 30 – 31 Okt 2017 | 1 |
| 35. | *Lead Auditor* ISO/IEC *27001:2013* | 30 Okt – 3 Nov 2017 | 5 |
| 36. | Persidangan Antarabangsa MIA 2017 | 7 – 8 Nov 2017 | 10 |

| Bil. | Kursus | Tarikh | Bilangan Pegawai |
|---|---|---|---|
| 37. | Kursus Tatacara Siasatan Dalaman dan Kes Salah Laku | 13 – 14 Nov 2017 | 2 |
| 38. | VSICM6.5-*VMware vSphere : Install, Configure & Manage 6.5* | 20 – 24 Nov 2017 | 2 |
| 39. | *Half Day Talk for Management Accountants* | 22 Nov 2017 | 1 |
| 40. | Seminar Mengenal Pasti Punca dan Kesan Salah Laku Integriti Serta Tatacara Pengendalian Kes Tatatertib 'Kerusi Bersawang' Perkhidmatan Awam | 29 – 30 Nov 2017 | 3 |

## PELAN LATIHAN OPERASI (*TRAINING ROADMAP*)

Seiring dengan objektif Jabatan, Pelan Latihan Operasi dianjurkan bertujuan untuk meningkatkan tahap profesionalisme dan kompetensi pegawai perakaunan. Ia merupakan salah satu platform penting ke arah peningkatan kemajuan kerjaya warga perakaunan. Sepanjang tahun 2017, sebanyak 14 kursus melibatkan penyertaan seramai 392 pegawai terdiri daripada Akauntan, Penolong Akauntan dan Pembantu Akauntan seperti berikut:

| Kumpulan | Siri | Kehadiran | Tempat |
|---|---|---|---|
| Akauntan | 6 | 162 | IPN-CPD, Cyberjaya |
| Penolong Akauntan | 4 | 129 | IPN, Sabak Bernam |
| Pembantu Akauntan | 4 | 101 | |
| **Jumlah Keseluruhan** | **14** | **392** | |

Pelan Latihan Operasi (*Training Roadmap*) Tahun 2017

## PERSIDANGAN AKAUNTAN ANTARABANGSA *MALAYSIAN INSTITUTE OF ACCOUNTANTS* (MIA) 2017

MIA telah menganjurkan Persidangan Akauntan 2017 pada 7 November hingga 8 November 2017 bertempat di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC). Persidangan pada kali ini bertemakan "Expanding Horizon : Be Future Relevant" telah dirasmikan oleh YB. Datuk Chua Tee Yong, Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI). Persidangan dua (2) hari itu dihadiri kira-kira 3,000 delegasi dari 30 buah negara termasuk 100 orang pegawai dari JANM. Persidangan ini adalah untuk memberi persediaan kepada para Akauntan untuk menjadi lebih cekap dalam memainkan peranan mereka yang pelbagai terutamanya sebagai penasihat kewangan dalam sektor awam.

Persidangan Akauntan Antarabangsa *Malaysian Institute Of Accountants* (MIA) 2017

# SISTEM PENGURUSAN MAKLUMAT SUMBER MANUSIA (HRMIS)

## Pencapaian KPI HRMIS Tahun 2016

JANM telah memperolehi pencapaian 100% bagi KPI HRMIS Tahun 2016 dan merupakan satu-satunya agensi di bawah Kementerian Kewangan yang mencapai keputusan 100%. Penganugerahan sijil kecemerlangan tersebut telah disampaikan oleh Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (KPPA), YBhg. Dato' Sri Zainal Rahim bin Seman kepada wakil JANM iaitu YBrs. Dr. Yacob bin Mustafa, Timbalan Akauntan Negara Malaysia (Korporat) semasa pelancaran Program HRMIS *User Group Summit* (HUGS) 2017 anjuran Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) pada 8 Mei 2017.

Rajah 1 : Statistik Pencapaian HRMIS JANM Tahun 2016

Rajah 2 : Sijil Pencapaian 100% KPI HRMIS Tahun 2016

# MESYUARAT KERJA PENYELARASAN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA (JANM) TAHUN 2017

Mesyuarat Kerja Penyelarasan Pengurusan Sumber Manusia JANM Tahun 2017 telah diadakan pada 20 November hingga 24 November 2017 di Hotel Awana, Genting Highland. Mesyuarat ini merupakan satu usaha untuk menambah pengetahuan, kemahiran dan kecekapan pentadbir sumber manusia JANM dalam melaksanakan urusan pentadbiran, perkhidmatan dan HRMIS di samping memastikan pengurusan pentadbiran, perkhidmatan dan HRMIS di JANM dilaksanakan dengan teratur, seragam serta mematuhi peraturan yang berkuat kuasa. Pelaksanaan mesyuarat kerja ini telah disertai oleh 36 orang pegawai yang merupakan wakil pentadbir sumber manusia dari setiap JANM Bahagian/Negeri/Cawangan.

# PRESTASI KEWANGAN

## Prestasi Perbelanjaan Mengurus (B10)




Pada tahun 2017 jumlah peruntukan vot mengurus yang diluluskan kepada JANM ialah sebanyak RM251.437 juta iaitu meningkat sebanyak 9.37% berbanding RM229.89 juta pada tahun 2016. Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM215.57 juta diluluskan di bawah peruntukan Dasar Sedia Ada, RM7.69 juta di bawah peruntukan Dasar Baru, RM24.88 juta di bawah peruntukan *One-off* dan sebanyak RM3.28 juta adalah di bawah Program Khusus. Pecahan peruntukan mengurus JANM adalah seperti di Carta 14.

Berdasarkan kepada jumlah keseluruhan peruntukan Dasar Sedia Ada yang diluluskan sebanyak RM215.57 juta, 96.69% iaitu RM208.44 juta telah dibelanjakan pada tahun 2017.

Carta 14 :
Agihan Peruntukan Mengurus B10 JANM Bagi Tahun 2017

Prestasi perbelanjaan Dasar Sedia Ada mengikut butiran bagi tahun 2017 adalah seperti di Jadual 18.

Jadual 18 : Prestasi Perbelanjaan Dasar Sedia Ada Mengikut Butiran Bagi Tahun 2017

| Kod | Maksud Perbelanjaan | Peruntukan Kemaskini (RM Juta) | Perbelanjaan (RM Juta) | % Belanja |
|---|---|---|---|---|
| 10000 | Emolumen | 128.10 | 122.24 | 95.43 |
| 20000 | Perkhidmatan dan Bekalan | 87.40 | 86.13 | 98.55 |
| 40000 | Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap | 0.07 | 0.05 | 80.38 |
| **Jumlah Keseluruhan Perkhidmatan Perakaunan** | | **215.57** | **208.44** | **96.69** |

Perbelanjaan Emolumen merupakan perbelanjaan terbesar JANM iaitu mewakili sebanyak 57.17% (RM122.24 juta) daripada jumlah keseluruhan perbelanjaan. Lain-lain perbelanjaan iaitu perbelanjaan Perkhidmatan dan Bekalan sebanyak 40.28% (RM86.13 juta), perbelanjaan Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap sebanyak 2.55% (RM5.46 juta) daripada jumlah keseluruhan perbelanjaan JANM. Ini digambarkan melalui Carta 15 berikut.

Carta 15 : Prestasi Perbelanjaan Dasar Sedia Ada Mengikut Butiran Bagi Tahun 2017



Prestasi perbelanjaan mengurus bagi tahun 2017 berdasarkan kepada Program/Aktiviti JANM adalah seperti Jadual 19.

Jadual 19 : Prestasi Perbelanjaan Mengikut Program/Aktiviti JANM

| Kod Aktiviti | Program/Aktiviti | Peruntukan (RM Juta) | Perbelanjaan (RM Juta) | % |
|---|---|---|---|---|
| **Dasar Sedia Ada** | | | | |
| 020101 | Pembangunan Perakaunan Dan Pengurusan | 33.43 | 31.90 | 95.41 |
| 020201 | Pengurusan Wang Amanah Dan Sekuriti | 9.89 | 9.76 | 98.64 |
| 020301 | Pengurusan Teknologi Maklumat | 48.43 | 47.09 | 97.23 |
| 020401 | Pengurusan Operasi Pejabat Perakaunan | 83.47 | 81.04 | 97.10 |
| 020501 | Pengurusan Operasi Pusat Dan Agensi | 6.37 | 6.09 | 95.73 |
| 020601 | Pengurusan Audit Dalam | 9.70 | 9.18 | 94.61 |
| 020701 | Institut Perakaunan Negara | 12.71 | 12.22 | 96.16 |
| **Jumlah Dasar Sedia Ada** | | **215.57** | **208.444** | **96.69** |
| **Dasar Baru** | | | | |
| 070201 | Bayaran Perkhidmatan, Pemberian Dan Bayaran Balik Hasil | 0.28 | 0.28 | 98.64 |
| 070301 | Sewaan Dan Penyelenggaraan | 4.14 | 3.52 | 85.03 |
| 070401 | Perluasan Skop Sedia Ada IPN | 1.82 | 1.39 | 76.30 |
| 070501 | Pengurusan 1GFMAS Dan Verifikasi Aset | 1.20 | 1.19 | 98.80 |
| 070601 | Bayaran Yuran Dan Lesen | 0.24 | 0.24 | 98.44 |
| **Jumlah Dasar Baru** | | **7.68** | **6.61** | **86.03** |
| ***One-Off*** | | | | |
| 080100 | Harta Modal | 3.60 | 3.56 | 98.83 |
| 080501 | Pelaksanaan Sistem 1GFMAS | 1.87 | 1.86 | 99.53 |
| 080600 | Naik Taraf Dan Penyelenggaraan | 2.98 | 2.60 | 87.42 |
| 080700 | Pembangunan Perakaunan | 3.30 | 3.03 | 91.83 |
| 080801 | *Global Shared Service Centre* (UNDP) | 12.08 | 11.74 | 97.22 |
| 080901 | *Accountant General's Assessment* (AGAC) | 0.27 | 0.22 | 80.56 |
| 081001 | Pelaksanaan 1SPEKS | 0.78 | 0.66 | 84.60 |
| **Jumlah *One-Off*** | | **24.88** | **23.67** | **95.16** |
| **Program Khusus** | | | | |
| 060101 | Bertugas Di Luar Negara | 0.90 | 0.68 | 75.79 |
| 070201 | Emolumen Kakitangan Kontrak | 2.36 | 2.07 | 87.70 |
| **Jumlah Program Khusus** | | **3.26** | **2.75** | **86.42** |
| **Jumlah Keseluruhan** | | **239.82** | **230.28** | **96.02** |

Jadual 20 dan Carta 16 menunjukkan perbandingan peruntukan dan perbelanjaan vot mengurus bagi tahun 2015, 2016 dan 2017.

Jadual 20 : Perbandingan Peruntukan Dan Perbelanjaan Vot Mengurus Bagi Tahun 2015, 2016 Dan 2017

| Jumlah Peruntukan Dan Perbelanjaan | Tahun 2015 | Tahun 2016 | Tahun 2017 |
|---|---|---|---|
| Peruntukan (RM Juta) | 238.22 | 229.89 | 239.82 |
| Perbelanjaan (RM Juta) | 231.78 | 219.15 | 230.28 |
| Prestasi Perbelanjaan (%) | 97.30 | 95.33 | 95.96 |

Carta 16 : Perbandingan Peruntukan Dan Perbelanjaan Vot Mengurus Bagi Tahun 2015, 2016 Dan 2017




## Prestasi Perbelanjaan Pembangunan (P10)

Bagi tahun kewangan 2017, peruntukan pembangunan yang diluluskan kepada JANM ialah sebanyak RM45.60 juta. Prestasi perbelanjaan projek pembangunan JANM bagi tahun 2017 adalah seperti di Jadual 21.

Jadual 21 : Prestasi Perbelanjaan Vot Pembangunan (P10) Tahun 2017 JANM

| Kod Siri Projek | Nama Projek | Peruntukan Dipinda (RM Juta) | Perbelanjaan (RM Juta) | % |
|---|---|---|---|---|
| 0090000 | Perluasan Pelaksanaan SAGA | 5.30 | 5.20 | 100 |
| 0110000 | *Data Conversion* Dan Migrasi Maklumat WTD Dari Sistem Imejan Ke Sistem G-UMIS | 3.00 | 3.00 | 100 |
| 0120001 | Naik Taraf Perkakasan ICT Selaras Dengan IPV6 | 1.46 | 1.46 | 100 |
| 0130001 | Sistem Penguatkuasaan Wang Tak Dituntut (SPWTD) | 0.02 | 0.02 | 98.44 |
| **Jumlah Projek Bagi Butiran 06000 - Pengkomputeran Jan** | | **9.78** | **9.78** | **100** |
| 0040001 | SRI – Pembangunan 1 AG *System* | 35.81 | 35.81 | 100 |
| **Jumlah Projek Bagi Butiran 86000 – *Strategic Reform Initiative* (SRI)** | | **35.81** | **35.81** | **100** |
| **Jumlah Keseluruhan** | | **45.59** | **45.59** | **100** |

Jadual 22 dan Carta 17 menunjukkan perbandingan peruntukan dan perbelanjaan vot pembangunan bagi tahun 2015, 2016 dan 2017.

Jadual 22 : Perbandingan Peruntukan Dan Perbelanjaan Vot Pembangunan Bagi Tahun 2015, 2016 Dan 2017

| Jumlah Peruntukan Dan Perbelanjaan | Tahun 2015 | Tahun 2016 | Tahun 2017 |
|---|---|---|---|
| Peruntukan Yang Diluluskan (RM Juta) | 76.07 | 92.33 | 45.59 |
| Perbelanjaan (RM Juta) | 71.34 | 92.33 | 45.59 |
| Prestasi Perbelanjaan (%) | 93.79 | 100 | 100 |

Carta 17 : Perbandingan Peruntukan Dan Perbelanjaan Vot Pembangunan Bagi Tahun 2015, 2016 Dan 2017




## Prestasi Pengurusan Perolehan

Perolehan bekalan dan perkhidmatan JANM dilaksanakan secara tender, sebut harga dan rundingan harga berdasarkan tatacara perolehan dan peraturan kewangan yang berkuatkuasa. Perbandingan amaun dan bilangan perolehan bekalan dan perkhidmatan mengikut kaedah perolehan bagi tahun 2015 hingga 2017 adalah seperti Jadual 23 dan Carta 18 berikut:

Jadual 23 : Nilai Perolehan Mengikut Kaedah Dan Tahun Perolehan Dilaksanakan

| Perolehan | Tahun 2015 (RM) | Tahun 2016 (RM) | Tahun 2017 (RM) |
|---|---|---|---|
| Tender | 26,650,920 | 10,793,055 | 11,029,853 |
| Sebut Harga | 2,285,885 | 1,989,748 | 1,297,264 |
| Rundingan Terus | 105,993,822 | 37,631,703 | 47,369,932 |
| **Jumlah** | **134,930,627** | **50,414,506** | **59,697,049** |

Carta 18 : Bilangan Perolehan Mengikut Kaedah Perolehan Dan Tahun Perolehan Dilaksanakan



## KELULUSAN JURUAUDIT DAN PENYELESAI SYARIKAT TAHUN 2017

Selaras dengan peruntukan di bawah Seksyen 263(5) Akta Syarikat 2016, YBhg. Menteri Kewangan II telah bersetuju mewakilkan kuasa kepada Akauntan Negara Malaysia berkenaan urusan kelulusan Juruaudit Syarikat.

Sepanjang tahun 2017, sebanyak 24 sesi temu duga untuk 145 calon telah dijalankan bagi mempertimbangkan kelulusan baharu sebagai Juruaudit Syarikat. Peratusan calon yang lulus temu duga telah meningkat kepada 57.93% pada tahun 2017 berbanding 46.21% pada tahun 2016. Prestasi temu duga kelulusan Juruaudit dan Penyelesai Syarikat bagi tahun 2015 hingga 2017 ditunjukkan di Jadual 24.

Jadual 24 : Prestasi Temu Duga Kelulusan Baharu Juruaudit Dan Penyelesai Syarikat Bagi Tahun 2015 Hingga 2017

| Tahun | Bilangan Sesi Temu Duga | Calon Dipanggil Temu Duga | Calon Tidak Hadir Temu Duga | Calon Yang Lulus Temu Duga | % | Calon Yang Gagal Temu Duga | % |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 2015 | 25 | 117 | 1 | 56 | 47.86 | 61 | 52.14 |
| 2016 | 24 | 145 | 3 | 67 | 46.21 | 78 | 53.79 |
| **2017** | **24** | **145** | **0** | **84** | **57.93** | **61** | **42.07** |

Analisis yang dibuat ke atas keputusan temu duga sepanjang tahun 2017 mendapati seramai 25 orang calon gagal dalam kompetensi berkaitan Akta Syarikat 2016, 39 orang calon gagal dalam aspek Akta Akauntan 1967 MIA *By Law* dan Standard Pengauditan, 31 orang calon gagal dalam aspek Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007 dan 42 orang calon gagal dalam aspek Pengauditan Perbankan dan Akta Perkhidmatan Kewangan 2013. Rajah 3 menunjukkan analisis aspek-aspek teknikal yang gagal dijawab oleh calon-calon.

Rajah 3 : Analisis Aspek-Aspek Teknikal Yang Gagal Dijawab Oleh Calon-Calon



Bagi tahun 2017, sebanyak 91 sijil kelulusan baharu bagi Juruaudit telah diproses dan dikeluarkan bagi calon yang telah lulus temu duga seperti Jadual 25.

Jadual 25: Bilangan Sijil Kelulusan Baharu Yang Dikeluarkan Bagi Tahun 2015 Hingga 2017

| Tahun | Bilangan Sijil Kelulusan Baharu Yang Dikeluarkan | |
|---|---|---|
| | Juruaudit | Penyelesai Syarikat |
| 2015 | 63 | 1 |
| 2016 | 58 | 2 |
| 2017 | 91 | 0 |

Bagi permohonan pembaharuan kelulusan Juruaudit dan Penyelesai Syarikat, sebanyak 909 permohonan telah diproses pada tahun 2017. Sijil pembaharuan kelulusan Juruaudit dan Penyelesai Syarikat adalah dikeluarkan bagi tempoh dua (2) tahun sahaja melainkan dibatalkan lebih awal oleh YB. Menteri Kewangan. Sebanyak 803 sijil pembaharuan kelulusan Juruaudit dan Penyelesai Syarikat telah dikeluarkan pada tahun 2017. Prestasi pembaharuan sijil kelulusan Juruaudit dan Penyelesai Syarikat adalah seperti di Jadual 26.

Jadual 26 : Bilangan Sijil Pembaharuan Kelulusan Juruaudit Dan Penyelesai Syarikat Yang Dikeluarkan Bagi Tahun 2015 Hingga 2017

| Tahun | Bilangan Sijil Pembaharuan Kelulusan Yang Dikeluarkan | |
|---|---|---|
| | Juruaudit | Penyelesai Syarikat |
| 2015 | 575 | 89 |
| 2016 | 749 | 104 |
| 2017 | 719 | 84 |

Secara keseluruhannya, semua urusan permohonan dan kelulusan Juruaudit dan Penyelesai Syarikat pada tahun 2017 telah dilaksanakan melalui sistem *Business Licensing Electronic Support System* (BLESS) dan pelaksanaan ini amat membantu Jabatan dalam menyampaikan perkhidmatan yang lebih cepat dan berkesan kepada pelanggan.

## PEMBANGUNAN PIAWAIAN PERAKAUNAN ISLAM (PPI)

Inisiatif pembangunan Piawaian Perakaunan Islam yang bermula dengan aktiviti penyelidikan terhadap 26 entiti berkaitan Wakaf, Zakat dan Baitulmal telah memasuki fasa penggubalan piawaian pada tahun 2017. Pada tahun 2017, beberapa aktiviti yang melibatkan penyelidikan, penggubalan piawaian perakaunan Islam dan pengurusan perubahan telah dilaksanakan mengikut Pelan Pembangunan Piawaian Perakaunan Islam.

### Penyelidikan Piawaian Perakaunan Islam Fasa 1

Dapatan penyelidikan Fasa 1 yang telah selesai pada Disember 2016, telah dibentangkan dalam Mesyuarat *Post-mortem* Laporan Penyelidikan Piawaian Perakaunan Islam Fasa 1 pada 10 Julai hingga 12 Julai 2017. Penyelidik daripada tiga (3) buah universiti telah membentangkan hasil dapatan kajian kepada wakil Majlis Agama Islam Negeri, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR), Jabatan Peguam Negara, Audit Negara dan Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia.

### Program Libat Urus Akauntan Negara Malaysia (ANM) Dengan Ahli Majlis Agama Islam Negeri (MAIN)

Program Libat Urus adalah satu program yang direka bentuk untuk menerangkan inisiatif pembangunan piawaian perakaunan Islam kepada Ahli Majlis Agama Islam Negeri. Program ini juga memberi peluang kepada pengurusan tertinggi JANM dan Ahli Majlis Agama Islam Negeri untuk bertukar pendapat dan pandangan berkaitan perakaunan dan kewangan di MAIN. Program Libat Urus ini melibatkan 14 buah negeri dan sebanyak tujuh (7) buah negeri telah dilaksanakan iaitu Negeri Sembilan, Terengganu, Johor, Sabah, Kedah, Perak dan Kelantan. Manakala satu (1) Program Libat Urus di antara ANM dengan Menteri Kewangan II, Y.B. Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani telah diadakan pada 14 Mac 2017.

Perjumpaan ANM Dengan Ahli Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Kelantan Di Kota Bharu, Kelantan

Perjumpaan ANM Dengan Menteri Kewangan II Di Sasana Kijang, Bank Negara Malaysia

## Penggubalan Draf Piawaian Perakaunan Islam Bagi Wakaf, Zakat Dan Baitulmal (PPIWZB) Fasa 1

Penggubalan bagi PPIWZB Fasa 1 telah dilaksanakan dan sebanyak lima (5) *retreat* telah diadakan dengan dihadiri oleh kumpulan penulis dan pakar syariah. Lapan (8) *Retreat* Penulisan PPIWZB Fasa 1 telah diadakan seperti di Jadual 27 bagi menyempurnakan penggubalan PPIWZB bagi Fasa 1.

Jadual 27 : *Retreat* Penulisan PPIWZB Fasa 1

| Bil | Aktiviti | Tarikh | Tempat |
|---|---|---|---|
| 1. | *Retreat* PPIWZB Fasa 1: PPIWZB 1 | 23 – 26 Okt 2017 | Hotel Holiday Inn, Melaka |
| 2. | *Retreat* PPIWZB Fasa 1: PPIWZB 2 | 14 – 17 Nov 2017 | Hotel Hype Motorsports, Nilai |
| 3. | *Retreat* PPIWZB Fasa 1: PPIWZB 3 | 27 – 30 Nov 2017 | Hotel Concorde, Shah Alam |
| 4. | *Retreat* PPIWZB Fasa 1: PPIWZB 4 | 5 – 8 Dis 2017 | JANM, Putrajaya |
| 5. | *Retreat* PPIWZB Fasa 1: PPIWZB 5 | 18 – 21 Dis 2017 | JANM, Putrajaya |

*Retreat* PPIWZB Fasa 1: PPIWZB 2 Di Hotel Hype Motorsports, Nilai, Negeri Sembilan

*Retreat* PPIWZB Fasa 1: PPIWZB 3 Di Hotel Concorde, Shah Alam, Selangor

## Konvensyen Perakaunan Dan Pelaporan Kewangan Islam Bagi Institusi Wakaf, Zakat Dan Baitulmal Di Malaysia Tahun 2017

Konvensyen PPIWZB telah diadakan pada 5 Oktober 2017 bertempat di Hotel Marriott, Putrajaya. Konvensyen ini telah dirasmikan oleh YB. Dato' Wira Othman bin Aziz, Timbalan Menteri Kewangan I. Seramai 250 orang peserta telah menghadiri konvensyen ini yang terdiri daripada wakil pelbagai agensi seluruh negara seperti Majlis Agama Islam Negeri, Jabatan Audit Negara dan Audit Negeri, Jabatan Peguam Negara serta Universiti Pertahanan Nasional Malaysia.

Konvensyen Perakaunan dan Pelaporan Kewangan Islam Bagi Institusi Wakaf, Zakat Dan Baitulmal Di Malaysia Tahun 2017 di Hotel Marriott, Putrajaya

# BAHAGIAN KHIDMAT PERUNDING (BKP)

## MESYUARAT PROSEDUR KERJA DAN SENARAI SEMAK INTEGRASI 1SPLN-1GFMAS

Selaras dengan peralihan sistem Perakaunan Kerajaan Persekutuan kepada perakaunan berasaskan akruan iaitu 1GFMAS (*Government Financial Management and Accounting System*) mulai Januari 2018, terdapat keperluan untuk mengadakan mesyuarat berkaitan Prosedur Kerja dan Senarai Semak Integrasi antara 1SPLN dan 1GFMAS. Ini bagi memastikan operasi di peringkat Pusat Tanggungjawab (PTJ), Kementerian/Jabatan dan Pejabat Perakaunan berjalan lancar dan pengemaskinian maklumat dari 1SPLN kepada 1GFMAS dapat dilaksanakan.

Prosedur Kerja dan Senarai Semak meliputi perkara seperti berikut:

1. Penutupan Akaun Tahunan
2. Migrasi Data (Pendahuluan, Amanah, Deposit & Vot S)
3. Penggunaan Carta Akaun Akruan
4. Data Induk/*Master Data*
5. Waran Peruntukan
6. Perolehan dan Pengemaskinian Aset

Sehubungan dengan itu, Mesyuarat Prosedur Kerja dan Senarai Semak Integrasi 1SPLN-1GFMAS telah diadakan di Hotel Ramada Plaza, Melaka dari 8 hingga 10 November 2017. Mesyuarat ini dihadiri oleh seramai 29 orang pegawai dari Kementerian/Jabatan, BPOPA, BPTM dan juga BKP.

Mesyuarat Prosedur Kerja Dan Senarai Semak Integrasi Antara 1SPLN-1GFMAS Dan Memuktamadkan Laporan 1SPLN

## PERSIDANGAN CENSOF *GLOBAL USER CONFERENCE* (GUC)

Persidangan ini dianjurkan oleh Century Software Sdn. Bhd. (Censof) dengan tema *Reinventing the Public Sector Financial Management Landscape* pada 3 hingga 7 September 2017 bertempat di Seoul, Korea Selatan.

Objektif utama persidangan adalah bertujuan untuk:

1. Memberi pendedahan berkaitan perkembangan teknologi dan aplikasi perakaunan terkini yang berada di pasaran antarabangsa seperti *Cloud Intregration*, *Blockchain*, *Big Data*; dan
2. Memberi pendedahan mengenai pemakaian dan pelaksanaan standard atau piawaian perakaunan akruan di peringkat antarabangsa.

Akauntan Negara Malaysia (ANM) iaitu YBhg. Dato' Haji Che Pee bin Samsudin telah dijemput untuk menyampaikan ucaptama, manakala Puan Intan Sharizat binti Ramli dari BKP telah dijemput sebagai salah seorang *speaker* pada persidangan tersebut.

Delegasi-delegasi Persidangan *Censof Global User Conference*

## BENGKEL *AWARENESS MALAYSIAN PUBLIC SECTOR ACCOUNTING STANDARDS* (MPSAS) KEPADA BADAN BERKANUN NEGERI (BBN), PIHAK BERKUASA TEMPATAN (PBT) DAN MAJLIS AGAMA ISLAM BAGI NEGERI SARAWAK DAN SABAH

BKP telah menganjurkan bengkel *awareness* MPSAS kepada BBN, PBT dan Majlis Agama Islam (MAIN) bagi Negeri Sarawak dan Sabah seperti berikut:

Jadual 28 : Bengkel *Awareness* MPSAS Kepada BBN, PBT Dan Majlis Agama Islam (MAIN) Bagi Negeri Sarawak Dan Sabah

| Bil | Tempat | Tarikh | Peserta |
|---|---|---|---|
| 1. | Hotel Pullman, Kuching, Sarawak | 16 – 17 Okt 2017 | 48 orang |
| 2. | Hotel Promenade, Kota Kinabalu, Sabah | 27 – 28 Nov 2017 | 71 orang |

Objektif utama bengkel ini diadakan adalah bagi memberikan pendedahan awal dan pengetahuan mengenai peralihan piawaian perakaunan kepada BBN, PBT dan Majlis Agama Islam di Negeri Sarawak dan Sabah berkenaan pemakaian piawaian perakaunan MPSAS dan seterusnya menggalakkan agensi untuk mengguna pakai piawaian MPSAS sebelum tahun 2020.

Bengkel *Awareness* MPSAS Yang Telah Dianjurkan Oleh BKP Kepada BBN, PBT Dan Majlis Agama Islam Di Negeri Sabah Dan Sarawak

## BENGKEL PROSEDUR KERJA & ARAHAN KERJA (PK & AK) *CONSULTANCY MANAGEMENT SYSTEM* (COMS)

BKP telah mengadakan Bengkel Prosedur Kerja & Arahan Kerja (PK & AK) COMS pada 2 hingga 4 Ogos 2017 bertempat di Hotel Rosa Passadena, Cameron Highlands, Pahang. Bengkel ini diadakan dengan objektif menyediakan Manual Prosedur Kerja dan Arahan Kerja COMS yang komprehensif serta mesra pengguna. Bengkel ini dirasmikan oleh Puan Rihatun Abddah binti Meor Zainal Abidin, Pengarah BKP. Seramai 26 orang pegawai telah menghadiri bengkel ini yang terdiri daripada pemilik-pemilik modul COMS. Sistem COMS mempunyai 10 modul yang boleh digunakan di peringkat Bahagian-bahagian JANM, Kementerian/Jabatan Kerajaan Persekutuan, Badan Berkanun Persekutuan & Negeri, Majlis Agama Islam Negeri dan Agensi Swasta.

COMS merupakan salah satu projek transformasi JANM yang telah disenaraikan dalam *System Star Rating* (SSR) MAMPU dan telah dilancarkan pada 20 Disember 2016 oleh YBhg. Dato' Haji Che Pee bin Samsudin, Akauntan Negara Malaysia. COMS direalisasikan sebagai salah satu inisiatif JANM di bawah strategi yang digariskan di dalam Teras Strategik JANM 2012-2016 dalam usaha memantapkan kecekapan dan keberkesanan penyampaian perkhidmatan.

Peserta Bengkel Bergambar Bersama Pengarah BKP

## KETERHUTANGAN SERIUS : MENGEKALKAN PENDAPATAN BERSIH PENJAWAT AWAM PADA PARAS MINIMUM 40%

Jadual 29 : Kajian Keterhutangan Serius Dan Penambahbaikan Peraturan Dan Pekeliling Berkaitan Had Potongan Maksimum Pendapatan Penjawat Awam Pada Tahun 2017

| Sesi | Tarikh | Slot *Engagement* | Kehadiran Agensi |
|---|---|---|---|
| 1. | 19 Jan 2017 | Malaysia Building Society Berhad (MBSB) | Malaysia Building Society Berhad (MBSB) |
| 2. | 23 Jan 2017 | Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (ANGKASA) | Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (ANGKASA) |
| 3. | 23 Jan 2017 | Agensi Potongan Gaji: Swasta | 1. Yayasan Ihsan Rakyat<br>2. I. Destinasi Sdn. Bhd.<br>3. Coshare Holdings Berhad |
| 4. | 23 Jan 2017 | Agensi Potongan Gaji: Koperasi/ Badan Berkanun/Swasta | 1. Perbadanan Pinjaman Sabah<br>2. Seri Wang Enterprise |
| 5. | 23 Jan 2017 | Agensi Potongan Gaji: Syarikat Insurans/ Takaful | 1. Etiqa Insurance Berhad<br>2. Syarikat Takaful Malaysia Berhad |

## PENYERTAAN ANUGERAH INOVASI PENGURUSAN KEWANGAN (AIPK) DAN PERTANDINGAN KUMPULAN INOVATIF DAN KREATIF (KIK) JANM

Peserta KIK BKP Bergambar Bersama YB. Timbalan Menteri Kewangan I Dan YBhg. Dato' ANM

BKP telah menghantar penyertaan dalam AIPK 2017 dan Konvensyen KIK JANM 2017 yang telah diadakan pada 17 Julai dan 10 Oktober 2017. Pasukan KIK BKP telah berjaya dinobatkan sebagai juara pertandingan KIK JANM 2017 menerusi projek Fungsi *Reversal & Reclassification* (R&R) Sistem Perakaunan Akruan Kerajaan Negeri (1SPEKS).

## MAJLIS PELANCARAN 1SPEKS

Majlis Pelancaran 1SPEKS telah dirasmikan oleh YB. Dato' Wira Othman bin Aziz, Timbalan Menteri Kewangan I pada 11 Oktober 2017 iaitu pada sambutan Hari Inovasi dan Integriti JANM. Penghargaan juga telah diberikan kepada negeri perintis iaitu Kerajaan Negeri Johor, Perlis dan Kedah bersama Theta Technologies Sdn Bhd (*System Integrator*) dan KPMG (Konsultan).

Majlis Pelancaran 1SPEKS Dirasmikan Oleh YB. Timbalan Menteri Kewangan I Pada Sambutan Hari Inovasi Dan Integriti JANM

## PELAKSANAAN *GO-LIVE* BAGI KERAJAAN NEGERI KEDAH

Pada 4 Julai 2017, YBhg. Dato' Haji Che Pee bin Samsudin, Akauntan Negara Malaysia diiringi oleh Puan Rihatun Abddah binti Meor Zainal Abidin, Pengarah BKP serta delegasi telah membuat kunjungan hormat ke Pejabat Pegawai Kewangan Negeri Kedah, YB. Dato' Haji Mohd Fuzi bin Mohaidin. Tujuan lawatan ini adalah simbolik kepada pelaksanaan *Go-Live* 1SPEKS di Kerajaan Negeri Kedah yang berlangsung pada 9 Julai 2017.

Rajah 5 : Perancangan *Go-Live* 1SPEKS Di Kerajaan Negeri Bagi Tahun 2018 Hingga 2019



Kunjungan Hormat YBhg. Dato' ANM Serta Pengarah BKP Bersama Delegasi Ke Pejabat Pegawai Kewangan Negeri Kedah

## MESYUARAT PERANCANGAN KERJA TAHUNAN BAGI TAHUN 2018 DAN PENCAPAIAN KPI 2017

BKP telah mengadakan Mesyuarat Perancangan Kerja Tahunan bagi tahun 2018 dan Pencapaian KPI 2017 pada 1 hingga 3 November 2017 bertempat di Hotel Ramada Plaza, Melaka. Mesyuarat ini diadakan bertujuan untuk membuat perancangan strategik tahunan BKP bagi memastikan sasaran kerja dicapai dengan cemerlang.

Mesyuarat Perancangan Kerja Tahunan Bagi Tahun 2018 Dan Pencapaian KPI 2017 Telah Dirasmikan Oleh Pengarah BKP

## KURSUS PENGUKUHAN PASUKAN PEGAWAI BKP TAHUN 2017

Kursus yang bertemakan "*Team Bonding High Impact*" telah dilaksanakan pada 1 hingga 3 Disember 2017 bertempat di Hotel Tower Regency, Ipoh, Perak. Pelbagai aktiviti menarik telah dilaksanakan termasuk aktiviti di Gua Tempurung seperti ekspedisi mengembara di dalam gua, menaiki lori serta *water rafting*. Selain itu, aktiviti *indoor* dan *outdoor* turut dijalankan di sekitar hotel penginapan.

Secara keseluruhannya, program ini telah berjaya mencapai objektifnya iaitu untuk memupuk semangat berpasukan yang tinggi, menjalinkan kerjasama serta hubungan silaturahim yang erat di kalangan warga BKP. Faktor-faktor tersebut merupakan antara penyumbang besar kepada kejayaan sesebuah organisasi seterusnya bagi mencapai matlamat "*Rebranding* BKP".

Peserta Bergambar Bersama Pengarah BKP Selepas Aktiviti Mengembara Di Dalam Gua Tempurung

# BAHAGIAN PENGURUSAN TEKNOLOGI MAKLUMAT (BPTM)

## *BUSINESS WAREHOUSE BUSINESS INTELLIGENCE* (BWBI)

*Direct End User Training* BWBI telah diadakan sebanyak dua (2) kali iaitu pada 6 November 2017 dan 13 November hingga 14 November 2017 di Bilik Latihan GFMAS, BPTM. Bengkel ini telah dihadiri seramai 105 orang peserta yang terdiri daripada wakil setiap Kementerian dan beberapa Pejabat Perakaunan Negeri. Bengkel ini diadakan bertujuan untuk melatih pengguna mengakses Laporan BW menggunakan BW dan BI *tools* iaitu BEx, *crystal report*, *dashboard* dan *webi*.

*Direct End User Training* BWBI

## SISTEM ePENYATA GAJI & eLAPORAN (eSPGL)

Sepanjang tahun 2017, bilangan pengguna yang berjaya daftar masuk *(login)* ke dalam Sistem ePenyata Gaji dan eLaporan adalah sebanyak 21,508,526. Bilangan ini terdiri daripada pengguna individu yang mendapatkan penyata gaji bulanan sepanjang tahun 2017. Bilangan ini juga termasuk pengguna individu yang mewakili Pusat Pembayar Gaji dan Pusat Tanggungjawab (PTJ) dalam mendapatkan Laporan Gaji dan Laporan Siri C daripada sistem. Pecahan maklumat bilangan pengguna yang mengakses sistem ePenyata Gaji dan eLaporan bagi tahun 2017 adalah seperti Jadual 30 dan Carta 19 berikut:

Jadual 30 : Statistik Capaian Pengguna eSPGL Mengikut Bulan Dalam Tempoh Januari Hingga Disember 2017

| Bulan | Bilangan Capaian Pengguna |
|---|---|
| Januari | 2,025,121 |
| Februari | 1,706,245 |
| Mac | 1,835,656 |
| April | 2,152,453 |
| Mei | 1,779,779 |
| Jun | 1,840,894 |
| Julai | 2,119,804 |
| Ogos | 1,879,866 |
| September | 1,379,549 |
| Oktober | 1,721,056 |
| November | 1,568,664 |
| Disember | 1,499,439 |
| **Jumlah Keseluruhan** | **21,508,526** |

Carta 19 : Statistik Capaian Pengguna eSPGL Mengikut Bulan Bagi Tempoh Januari Hingga Disember 2017




## BENGKEL PERSEDIAAN *DISASTER RECOVERY* 1GFMAS 2017

Bengkel ini telah diadakan pada 11 November 2017 bertempat di Dewan Serbaguna JANM, Putrajaya yang melibatkan seramai 102 orang peserta dan urus setia. Objektif bengkel ini dilaksanakan adalah seperti berikut:

1. Mengenal pasti keperluan laporan, transaksi dan dokumentasi yang diperlukan oleh pihak aplikasi untuk memenuhi keperluan *Recovery Time Objective* (RTO) tiga (3) jam seperti yang dicadangkan oleh pihak *System Integrator* (SI).
2. Menyedia dan mengemas kini maklumat dan dokumen DRS, DRP dan SOP yang berkaitan.
3. Memberi kefahaman awal mengenai pentingnya kebergantungan setiap unit/ seksyen dan peranan yang perlu dimainkan dalam menjalankan aktiviti DR sebelum sistem 1GFMAS *go-live*.

**Agenda utama bengkel adalah seperti berikut:**

- Sesi Penerangan Mengenai Pelan Pemulihan Bencana (DRP)
- Sesi Penerangan Mengenai Strategi Pemulihan Bencana (DRS)
- Pembentangan Proses Simulasi DR: Sebelum & Semasa
- Perbincangan Mengenai *Checklist* Aktiviti DR (*Real Situation*)

## MESYUARAT KHAS KEPERLUAN PEROLEHAN INFRASTRUKTUR 1GFMAS

Mesyuarat ini telah diadakan pada 10 Disember hingga 12 Disember 2017 bertempat di Kinrara Resort, Puchong dan melibatkan peserta dan urus setia seramai 36 orang.

Mesyuarat diadakan adalah untuk mengenal pasti perolehan infrastruktur 1GFMAS selepas kontrak tamat pada 9 Ogos 2018. Agenda utama mesyuarat adalah seperti berikut:

1. Keperluan *Data Centre* (DC)
2. Keperluan *Server* – HP
3. Keperluan *Server* – IBM
4. Perbincangan Keperluan *Server*
5. Keperluan *Server* – LENOVO
6. Keperluan *Server* – FUJITSU
7. Keperluan Keselamatan Rangkaian – *Switch*
8. Keperluan Keselamatan Rangkaian – *Load Balancer, Reverse Proxy, Web Application Firewall* (WAF)
9. Keperluan Keselamatan Rangkaian – *Firewall*
10. Penyenggaraan Perisian – *VMware*
11. Penyenggaraan Perisian – *Netbackup*
12. Keperluan *Server* – *Nutanix*
13. Mesyuarat Keperluan *Server*, Rangkaian & Perisian
14. Rumusan Keseluruhan Mesyuarat
15. Sambungan Rumusan Keseluruhan Mesyuarat

Hasil daripada mesyuarat berkenaan dapat dirumuskan bahawa perbincangan lanjut perlu diadakan antaranya adalah:

1. Perbincangan dengan pihak SAP mengenai hala tuju SAP (S4HANA dan HANA DB).
2. Perbincangan dengan pihak JKR untuk tujuan *upgrade* DC 1GFMAS.
3. Perbincangan dengan pihak Strateq bagi mendapatkan maklum balas mengenai perlanjutan perkhidmatan, pelanggan yang sedia ada dan peranan sebagai DC *provider*.
4. Semakan sama ada *Value Management* perlu dibuat ataupun tidak.
5. Perbincangan dengan pihak MAMPU untuk mengekalkan lokasi DC yang sedia ada di i-City Shah Alam ataupun untuk *upgrade* DC di Ibu Pejabat JANM.
6. Penyediaan kos terlibat untuk penempatan DC dan DRC di lokasi baharu.
7. Perbandingan kos DC dan DRC dari *provider* dan *owner* berbeza.
8. Penyediaan senarai keperluan lengkap untuk DC dan DRC di lokasi baharu.

## eMAKLUM

Laman web eMaklum merupakan aplikasi web yang membolehkan pengguna membuat pertanyaan status bayaran EFT secara *online* di **http://emaklumweb.anm.gov.my**. Kemudahan status bayaran ini hanya melaporkan bayaran yang telah disempurnakan bagi tempoh enam (6) bulan yang lepas sahaja. Bagi bulan November dan Disember, servis penghantaran SMS terpaksa ditangguh kerana terdapat masalah pada pembaharuan kontrak pihak DAPAT dengan pihak Akauntan Negara. Oleh sebab itu, servis terpaksa dihentikan buat sementara waktu sehingga kontrak antara pihak DAPAT dan Akauntan Negara disambung semula.

Jadual 31 : Statistik Penghantaran Notifikasi Pembayaran EFT Melalui SMS Bagi Tahun 2017

| Tahun 2017<br>Bulan | Bilangan Fail JANM ke DAPAT | Bilangan SMS DAPAT ke TELCO |
|---|---|---|
| Januari | 201,364 | 175,913 |
| Februari | 458,050 | 384,491 |
| Mac | 599,674 | 549,556 |
| April | 482,466 | 425,102 |
| Mei | 645,587 | 538,103 |
| Jun | 632,538 | 537,545 |
| Julai | 422,251 | 366,958 |
| Ogos | 666,562 | 584,345 |
| September | 644,819 | 539,874 |
| Oktober | 532,486 | 446,663 |
| November | 0 | 0 |
| Disember | 0 | 0 |
| **Jumlah** | **5,285,797** | **4,548,550** |

Carta 20 : Statistik Penghantaran Notifikasi Pembayaran EFT Melalui SMS Bagi Tahun 2017




Berdasarkan Jadual 31, bilangan SMS meningkat dari bulan Januari hingga Mac tetapi menurun pada bulan April dan kemudian mengalami peningkatan dan penurunan tidak ketara hingga bulan Disember. Ini disebabkan oleh pertambahan dan kekurangan jumlah bayaran kepada penerima.

Pendaftaran dengan eMaklum hanya terbuka untuk syarikat/organisasi sahaja. Antara nilai tambah yang diberikan kepada pengguna berdaftar adalah membenarkan kemasukan melalui nombor akaun bank yang unik dan lebih tepat. Pengguna berdaftar juga diberi kata laluan bagi memastikan capaian terhad ke atas maklumat terperinci status bayaran. Maklumat pembayaran boleh dimuat turun dalam bentuk *PDF file* untuk kegunaan syarikat.

Jadual 32 : Laporan Ringkasan Permohonan Bulanan Pengguna Berdaftar eMaklum Sehingga 31 Disember 2017

| Bil. | Bulan | Bil. Permohonan Diterima | Bil. Permohonan Diluluskan | Bil. Permohonan Ditolak |
|---|---|---|---|---|
| 1. | Januari | 40 | 29 | 11 |
| 2. | Februari | 30 | 19 | 11 |
| 3. | Mac | 70 | 50 | 20 |
| 4. | April | 81 | 44 | 37 |
| 5. | Mei | 77 | 49 | 28 |
| 6. | Jun | 38 | 19 | 19 |
| 7. | Julai | 128 | 76 | 52 |
| 8. | Ogos | 102 | 74 | 28 |
| 9. | September | 79 | 63 | 16 |
| 10. | Oktober | 111 | 75 | 36 |
| 11. | November | 108 | 67 | 41 |
| 12. | Disember | 99 | 56 | 43 |
| **Jumlah Keseluruhan** | | **963** | **621** | **342** |

Berdasarkan Jadual 32, terdapat tiga (3) kategori yang akan disemak oleh Pentadbir eMaklum iaitu bilangan permohonan yang diterima, bilangan permohonan yang diluluskan dan bilangan permohonan yang akan ditolak.

Apabila sesebuah syarikat/organisasi ingin berdaftar dengan eMaklum, syarikat/organisasi tersebut perlu menghantar permohonan melalui laman sesawang eMaklum berserta maklumat syarikat yang lengkap dengan menggunakan sijil Suruhanjaya Syarikat Malaysia. Jika maklumat syarikat lengkap, permohonan akan diterima manakala jika tidak lengkap, permohonan terpaksa ditolak dan e-mel atau panggilan akan dibuat kepada syarikat tersebut memohon supaya disertakan maklumat yang lengkap. Segala permohonan ini sama ada yang lengkap atau tidak akan direkodkan.

Carta 21 : Statistik Pendaftaran Pengguna eMaklum Bagi Tahun 2017




Berdasarkan Carta 21 di atas, jumlah keseluruhan bagi permohonan yang diterima oleh pengguna adalah sebanyak 963. Bilangan permohonan yang diluluskan adalah sebanyak 621, manakala bilangan permohonan yang ditolak adalah sebanyak 342.

Berdasarkan perbandingan rekod pada tahun 2016 dan 2017, dapat dilihat berlaku sedikit penurunan pada tahun 2017 berbanding tahun 2016. Pada tahun 2017 jumlah pengguna adalah sebanyak 963, manakala pada tahun 2016 adalah sebanyak 1,266 iaitu penurunan sebanyak 23.93%.

Jadual 33 : Statistik Bulanan Transaksi MyID

Kementerian/SUK: Kementerian Kewangan
Agensi: Jabatan Akauntan Negara

| Bil | Nama Perkhidmatan (Seperti yang telah dilaporkan kepada MAMPU) | Tarikh Mula Menggunakan MyID | Bilangan Transaksi 2017 | | | | | | | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | | Jan | Feb | Mac | Apr | Mei | Jun | Jul | Ogos | Sept | Okt | Nov | Dis | JUMLAH |
| 1 | Carian Maklumat Penerimaan Pembayaran dari Agensi Kerajaan | | | | | | | | | | | | | | |
| | Jumlah transaksi pada 1 hb | | | | | | | | | | | | | | |
| | Jumlah transaksi Bulanan | | 215896 | 723888 | 941169 | 1288872 | 1652739 | 1986250 | 2293232 | 2593442 | 2915330 | 805380 | 0 | 0 | 15416198 |
| 2 | Pendaftaran untuk pengguna syarikat/ | | | | | | | | | | | | | | |
| | JUMLAH | | 215896 | 723888 | 941169 | 1288872 | 1652739 | 1986250 | 2293232 | 2593442 | 2915330 | 805380 | 0 | 0 | 15416198 |

carian berdasarkan pangkalan data emaklum.

carian berdasarkan portal emaklum.

Berdasarkan Jadual 33 di atas, bilangan transaksi bagi tahun 2017 pada bulan Januari adalah sebanyak 215,896. Bilangan ini terus meningkat pada setiap bulan sehingga bulan September iaitu sebanyak 2,915,330. Manakala pada bulan Oktober bilangan transaksi menurun sehingga 805,380. Pada bulan November dan Disember pula tiada transaksi direkodkan. Kadar kenaikan dan penurunan yang sama direkodkan bagi jumlah transaksi bulanan.

# INSTITUT PERAKAUNAN NEGARA (IPN)

IPN telah diamanatkan sebagai Institut Latihan Awam (ILA) *Core Centre* Kursus Generik Kewangan dan Perakaunan serta berperanan untuk melaksanakan Kursus Generik Kewangan dan Perakaunan sektor awam seperti berikut:

1. Asas Perakaunan Kerajaan
2. Perakaunan Terimaan/Hasil Kerajaan
3. Sistem Pembayaran Kerajaan
4. Pemahaman Penyata Kewangan Kerajaan
5. Perakaunan Akaun Amanah, Deposit dan Panjar
6. Kawalan Perbelanjaan
7. Sistem Belanjawan Negara (Asas)
8. Gaji, Elaun dan Kemudahan Penjawat Awam
9. Pengurusan Aset Alih dan Stor Kerajaan
10. Asas Pengurusan Perolehan Kerajaan
11. Akauntabiliti Dalam Pengurusan Kewangan
12. Asas Pengurusan Kewangan
13. Perakaunan Akruan (Peringkat Asas)
14. Perakaunan Akruan (Peringkat Pertengahan)

Secara keseluruhan, bagi tahun 2017 IPN telah melaksanakan sebanyak 265 kursus atau 99% daripada 269 kursus yang telah dirancang. Dari jumlah tersebut, 219 adalah kursus yang dijadualkan dalam Program Latihan IPN manakala 46 kursus adalah di luar Program Latihan IPN. Jumlah keseluruhan peserta pada tahun 2017 adalah seramai 6,912 orang yang terdiri daripada Kumpulan Pengurusan dan Profesional seramai 1,036 orang manakala Kumpulan Pelaksana adalah seramai 5,876 orang.

## LAPORAN PELAKSANAAN KURSUS DALAM TAKWIM LATIHAN IPN 2017

Bagi tahun 2017, sebanyak 223 kursus telah dirancang di dalam Takwim Latihan IPN. Kursus-kursus ini merangkumi Kursus Perakaunan, Kewangan, Pengauditan, Sistem Maklumat Perakaunan, Kursus Baharu dan juga kursus Generik Kewangan dan Perakaunan yang dijalankan di lima (5) zon iaitu Zon Utara, Selatan, Timur, Sabah dan Sarawak.

Daripada 223 kursus yang dirancang, IPN berjaya melaksanakan sebanyak 219 kursus atau 98% dan telah mencapai sasaran KPI yang telah ditetapkan. Perincian pelaksanaan takwim latihan adalah seperti di Jadual 34.

Jadual 34 : Prestasi Pelaksanaan Takwim Latihan Tahun 2017

| Bil. | Tajuk Kursus | Bil. Kursus Dilaksanakan | | Bil. Peserta |
|---|---|---|---|---|
| | | IPN | Zon (JANM Negeri/ Cawangan) | |
| **A** | **Kursus Generik Kewangan** | | | |
| 1. | Asas Perakaunan Kerajaan | 2 | 5 | 166 |
| 2. | Perakaunan Terimaan/Hasil Kerajaan | 8 | 5 | 273 |
| 3. | Sistem Pembayaran Kerajaan | 3 | 6 | 217 |
| 4. | Asas Pengurusan Kewangan | 10 | 5 | 299 |
| 5. | Perakaunan Akaun Amanah, Deposit dan Panjar | 7 | 5 | 243 |
| 6. | Kawalan Perbelanjaan | 2 | 5 | 150 |
| 7. | Sistem Belanjawan Negara (Asas) | 2 | 5 | 150 |
| 8. | Gaji, Elaun dan Kemudahan Penjawat Awam | 18 | 5 | 465 |
| 9. | Pengurusan Aset Alih dan Stor Kerajaan | 10 | 5 | 323 |
| 10. | Asas Pengurusan Perolehan Kerajaan | 6 | 7 | 298 |

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| 11. | Akauntabiliti Dalam Pengurusan Kewangan | 2 | 5 | 152 |
| 12. | Perakaunan Akruan (Peringkat Asas) | 14 | 6 | 405 |
| 13. | Perakaunan Akruan (Peringkat Pertengahan) | 5 | 5 | 246 |
| | **Jumlah** | **89** | **69** | **3,387** |
| **B** | **Kursus Perakaunan** | | | |
| 1. | Perakaunan Forensik (Asas) | 2 | - | 31 |
| 2. | Perakaunan Forensik (Pertengahan) | 1 | - | 15 |
| | **Jumlah** | **3** | **-** | **46** |
| **C** | **Kursus Kewangan** | | | |
| 1. | Bajet Berasaskan *Outcome* (OBB) | 2 | - | 27 |
| 2. | Pengurusan Perolehan Kerja | 1 | - | 16 |
| | **Jumlah** | **3** | **-** | **43** |
| **D** | **Kursus Pengauditan** | | | |
| 1. | Audit Kira-Kira Wang Tunai | **1** | **-** | **11** |
| **E** | **Kursus Sistem Maklumat Perakaunan** | | | |
| 1. | ePerolehan – Kontrak Pusat/Pembelian Terus | 2 | - | 26 |
| 2. | ePerolehan – Sebut Harga/Tender/*eBidding* | 2 | - | 31 |
| 3. | ePerolehan – Kontrak Kementerian | 2 | - | 27 |
| 4. | Carta Akaun Akruan | 6 | - | 122 |
| 5. | Sistem Pengurusan Aset | 6 | - | 93 |
| 6. | Sistem Pengurusan Stor | 6 | - | 100 |
| | **Jumlah** | **24** | - | **399** |
| **F** | **Kursus Baharu** | | | |
| 1. | Perolehan Secara Pembelian Terus dan Sebut Harga B | 4 | - | 71 |
| 2. | Perolehan Secara Sebut Harga dan Tender | 3 | - | 52 |
| 3. | Perolehan Khidmat Perunding | 1 | - | 15 |
| 4. | MPSAS : Persembahan Penyata Kewangan Perakaunan Akruan | 2 | - | 49 |
| 5. | MPSAS : Perakaunan Aset | 2 | - | 51 |
| 6. | MPSAS : Perakaunan Hasil | 2 | - | 32 |
| 7. | MPSAS : Perakaunan Belanja | 2 | - | 54 |
| 8. | Penyesuaian Bank Kerajaan Persekutuan | 1 | - | 16 |
| 9. | Asas Pengurusan Kewangan PBT | 1 | - | 16 |
| 10. | *Accounting For Non-Accounting Manager* | 1 | - | 19 |
| 11. | Pengenalan kepada MPSAS | 2 | - | 64 |
| 12. | Sistem Perakaunan Kumpulan Wang Sekolah (eSPKWS) | 4 | - | 78 |
| 13. | *Comprehensive Microsoft Excel* | 2 | - | 53 |
| 14. | *Comprehensive Microsoft Power Point* | 2 | - | 36 |
| 15. | *Comprehensive Microsoft Word* | 2 | - | 32 |
| 16. | *Comprehensive Microsoft Project* | 1 | - | 17 |
| | **Jumlah** | **32** | - | **655** |
| | **Jumlah Keseluruhan** | **152** | **69** | **4,541** |

Bilangan peserta yang telah dilatih adalah seramai 4,541 penjawat awam terdiri daripada pelbagai skim perkhidmatan dari pelbagai Kementerian/Jabatan dan Agensi Kerajaan. Daripada jumlah ini, 245 peserta atau 5% adalah terdiri daripada Kumpulan Pengurusan dan Profesional manakala 4,296 peserta atau 95% adalah daripada Kumpulan Pelaksana.

Setiap kursus yang dijalankan akan dinilai oleh peserta melalui penilaian secara *online* berdasarkan tiga (3) komponen utama iaitu kandungan kursus, kemudahan dan juga penceramah. Skor purata minima yang ditetapkan adalah 5.63. Secara keseluruhannya, skor purata yang diperolehi bagi tahun 2017 bagi kandungan kursus (6.33), kemudahan (6.13) dan penceramah (6.47).

Suasana Kursus Yang Sedang Berjalan Di IPN

## LAPORAN PELAKSANAAN KURSUS LUAR TAKWIM LATIHAN IPN TAHUN 2017

Selain daripada pelaksanaan kursus yang dijadualkan dalam takwim latihan tahunan, IPN juga turut melaksanakan kursus-kursus lain yang telah diluluskan dari semasa ke semasa oleh Jawatankuasa Latihan IPN. Kursus-kursus yang telah dijalankan sepanjang tahun 2017 adalah seperti di Jadual 35.

Jadual 35 : Pelaksanaan Kursus Luar Takwim Latihan IPN Tahun 2017

| Bil. | Tajuk Kursus | Bil. Kursus Dilaksanakan | Jumlah Peserta |
|---|---|---|---|
| 1. | Kursus Profesional | 1 | 106 |
| 2. | Kelas Persediaan Peperiksaan | 7 | 129 |
| 3. | *Executive Talk* | 4 | 165 |
| 4. | *Training of Trainers* | 9 | 252 |
| 5. | Program Transformasi Minda dan Pra Penempatan | 11 | 1177 |
| 6. | *Training Road Map* | 6 | 168 |
| 7. | Kursus Dalaman | 8 | 374 |
| **Jumlah** | | **46** | **2,731** |

Bilangan peserta yang telah dilatih adalah seramai 2,731 penjawat awam yang terdiri daripada pelbagai skim perkhidmatan dari pelbagai Kementerian/Jabatan dan Agensi Kerajaan. Daripada jumlah ini, 791 peserta atau 29% adalah terdiri daripada Kumpulan Pengurusan dan Profesional manakala 1,580 peserta atau 71% adalah daripada Kumpulan Pelaksana.

# PUSAT PEMBANGUNAN PROFESIONAL INSTITUT PERAKAUNAN NEGARA (IPNCPD)

## Pembangunan Profesional

Tahun 2017 menyaksikan seramai 19 orang calon program keahlian dalam badan profesional telah berjaya lulus semua subjek peperiksaan. Sehingga kini, jumlah keseluruhan calon program keahlian dalam badan profesional yang telah menamatkan program dengan jayanya adalah seramai 48 orang.

Jadual 36 : Status Calon Program Keahlian Dalam Badan Profesional Sehingga 31 Disember 2017

| Bil. | Program | Bilangan Pengambilan | | | Bilangan Lulus Semua Subjek | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | Tahun 2012 - 2016 | Tahun 2017 | Jumlah | Tahun 2012 - 2016 | Tahun 2017 | Jumlah |
| 1. | ACCA *Normal Pathway* | 86 | - | 86 | 6 | 5 | 11 |
| 2. | ACCA – MIA *Special Pathway* | - | 8 | 8 | - | - | - |
| 3. | CIMA – MIA *Strategic Leaders* | 20 | 29 | 49 | 6 | 12 | 18 |
| 4. | CPA Australia – MIA *Special Pathway: Senior Professional* | 49 | 19 | 68 | 17 | 2 | 19 |
| **Jumlah** | | **155** | **56** | **211** | **29** | **19** | **48** |

Jadual 37 : Skop MPSAS Bagi Projek Penyelidikan Perakaunan Dan Pelaporan Kewangan Islam Bagi Institusi Wakaf, Zakat Dan Baitulmal Di Malaysia, Fasa 2 2017

| Bil. | Program | Jumlah Pengambilan | Jumlah Calon Lulus Semua Subjek |
|---|---|---|---|
| 1. | ACCA *Normal Pathway* | 86 | 11 |
| 2. | ACCA – MIA *Special Pathway* | 22 | - |
| 3. | CIMA – MIA *Strategic Leaders* | 74 | 18 |
| 4. | CPA Australia – MIA *Special Pathway: Senior Professional* | 78 | 19 |
| **Jumlah** | | **260** | **48** |

Ketika Majlis Sambutan Hari Inovasi dan Integriti JANM 2017 pada 11 Oktober 2017, wakil badan-badan profesional perakaunan yang terdiri daripada CPA Malaysia, CPA Australia, ACCA dan CIMA telah menyerahkan sijil pengiktirafan dan penghargaan kepada JANM sebagai rakan strategik. Pengiktirafan dan penghargaan ini adalah bukti bahawa inovasi JANM dalam membangun dan memperkasa profesion Akauntan sektor awam adalah berimpak tinggi, mempunyai merit dan menepati piawaian antarabangsa yang ditetapkan oleh badan-badan profesional ini. Pengiktirafan ini membolehkan Akauntan lantikan JANM yang mempunyai keahlian penuh dalam badan-badan profesional ini mendapat akses terhadap maklumat terkini berkaitan pembangunan profesion perakaunan yang meluas dan faedah-faedah sampingan lain yang ditawarkan kepada ahli oleh badan-badan profesional ini. Jenis pengiktirafan yang diterima oleh JANM pada majlis tersebut adalah seperti di Jadual 38.

Jadual 38 : Jenis Pengiktirafan Yang Diterima Oleh JANM Daripada Badan Profesional Perakaunan

| Bil. | Badan Profesional | Jenis Pengiktirafan |
|---|---|---|
| 1. | *The Malaysian Institute of Certificate Public Accountants* (CPA Malaysia) | *Stream II – Approved Training Organization* |
| 2. | *The Certified Practicing Accountants Australia* (CPA Australia) | *Recognised Employer Partner* |
| 3. | *The Association of Chartered Certified Accountants UK* (ACCA) | *Approved Employer – Trainee Development, Gold* |
| 4. | *The Chartered Institute of Management Accountants UK* (CIMA) | *Exclusive Enrichment Partner* |

Timbalan Menteri Kewangan I, YBhg. Dato' Othman Bin Aziz Menyaksikan Penyerahan Sijil Pengiktirafan Dan Penghargaan Yang Diterima Oleh JANM Daripada Badan Profesional Perakaunan

Pada 7 Disember 2017, Mesyuarat Khas Inisiatif Strategik Dan Program Profesional Institut Perakaunan Negara Bil. 1 Tahun 2017, yang dipengerusikan oleh YBhg. Dato' ANM telah meluluskan polisi baharu bagi pembiayaan mengikuti program keahlian dalam badan profesional perakaunan tajaan JANM. Polisi yang berkuatkuasa 1 Januari 2018 ini digubal khusus untuk perkhidmatan Akauntan lantikan JANM mengikuti program keahlian dalam badan profesional yang dianjurkan oleh IPNCPD di Cyberjaya. Polisi baharu ini adalah selaras dengan keperluan Pekeliling Perkhidmatan Bil. 1 Tahun 2016 berkaitan dengan inovasi yang diperkenalkan dalam skim perkhidmatan Akauntan yang memberi keutamaan kenaikan pangkat kepada Akauntan yang memiliki kelayakan profesional dalam badan profesional perakaunan yang diiktiraf oleh Institut Akauntan Malaysia berdasarkan Akta Akauntan 1967.

## Aktiviti Penyelidikan

Projek Penyelidikan Perakaunan dan Pelaporan Kewangan Islam bagi Institusi Wakaf, Zakat dan Baitulmal di Malaysia telah diteruskan bagi fasa kedua pada tahun 2017. Bagi projek penyelidikan fasa pertama, skop MPSAS adalah meliputi aspek-aspek persembahan penyata kewangan secara keseluruhan dan telah diselesaikan pada akhir tahun 2016. Manakala skop MPSAS bagi fasa kedua pula memfokuskan kepada aspek pendedahan, pengiktirafan, pengukuran dan pelaporan maklumat aset di dalam penyata kewangan institusi-institusi yang terlibat.

Seperti tahun 2016, projek ini diteruskan oleh para penyelidik dari tiga (3) buah universiti iaitu Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Utara Malaysia (UUM) dan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM). Projek ini telah dijalankan selama 11 bulan mulai 1 Februari hingga 31 Disember 2017. JANM telah memperuntukkan geran sebanyak RM100,000 kepada setiap universiti bagi membiayai perjalanan projek ini. Laporan penuh projek penyelidikan ini telah diterima pada 31 Disember 2017 yang akan digunakan sebagai sumber maklumat penting untuk membangunkan Piawaian Perakaunan Islam yang dijangka akan diterima pakai oleh Institusi Wakaf, Zakat dan Baitulmal di Malaysia.

Selain daripada mesyuarat bulanan wajib bersama pasukan penyelidikan dan pakar perakaunan Islam, terdapat beberapa mesyuarat projek penyelidikan turut dipengerusikan oleh Akauntan Negara Malaysia seperti Mesyuarat Dapatan Awal Kajian dan Mesyuarat Dapatan Kajian Penyelidikan. Ini adalah bagi memastikan projek penyelidikan tersebut menepati dan memenuhi kehendak pemegang-pemegang taruh. Jadual 39 berikut adalah senarai aktiviti dan mesyuarat berkaitan projek penyelidikan yang telah dijalankan sepanjang tahun 2017.

Jadual 39 : Senarai Aktiviti Dan Mesyuarat Berkaitan Projek Penyelidikan Yang Telah Dijalankan Sepanjang Tahun 2017

| Bil. | Aktiviti | Tarikh |
|---|---|---|
| 1. | Mesyuarat Penetapan Hala Tuju Fasa Kedua Projek Penyelidikan Perakaunan dan Pelaporan Kewangan Islam bagi Institusi Wakaf, Zakat dan Baitulmal di Malaysia di IPNCPD Cyberjaya | 11 Jan 2017 |
| 2. | Bengkel Perbincangan Pembentangan Kertas Kerja Fasa Kedua Projek Penyelidikan Perakaunan dan Pelaporan Kewangan Islam bagi Institusi Wakaf, Zakat dan Baitulmal di Malaysia | 23 Jan 2017 |
| 3. | Mesyuarat Jawatankuasa Interim Piawaian Perakaunan Islam di Bilik Gerakan, Aras 8, JANM Putrajaya | 24 Feb 2017 |
| 4. | Mesyuarat Khas JK Interim Piawaian Perakaunan Islam di Bilik Gerakan, Aras 8, JANM Putrajaya | 10 Mac 2017 |
| 5. | Pembentangan Piawaian Perakaunan Islam kepada Menteri Kewangan II di Sasana Kijang, Bank Negara Malaysia | 14 Mac 2017 |
| 6. | Perbincangan Bersama Kumpulan Pakar Berkaitan Perakaunan dan Pelaporan Kewangan Islam bagi Institusi Wakaf, Zakat dan Baitulmal di Malaysia di IPNCPD Cyberjaya | 17 Mac 2017 |
| 7. | Program Libat Urus Projek Penyelidikan di Majlis Agama Islam Negeri Sabah dan Perjumpaan YBhg. Dato' ANM dengan Timbalan YDP dan Ahli Majlis Ugama Islam Sabah | 3 Mei 2017 |
| 8. | Program Libat Urus Projek Penyelidikan di Majlis Agama Islam Negeri Kedah dan Perjumpaan YBhg. Dato' ANM dengan Timbalan YDP dan Ahli Majlis Agama Islam Negeri Kedah | 16 Mei 2017 |
| 9. | Program Libat Urus Projek Penyelidikan di Majlis Agama Islam Negeri Perak dan Perjumpaan YBhg. Dato' ANM dengan Timbalan YDP dan Ahli Majlis Agama Islam Negeri Perak | 23 Mei 2017 |
| 10. | Mesyuarat Dapatan Awal Kajian | 12 Sep 2017 |
| 11. | Konvensyen Perakaunan dan Pelaporan Kewangan Islam bagi Institusi Wakaf, Zakat dan Baitulmal di Malaysia 2017 di Hotel Marriott, Putrajaya | 5 Okt 2017 |
| 12. | Mesyuarat Dapatan Kajian Penyelidikan | 13 Nov 2017 |

**Skop Projek untuk Fasa Kedua**

**Fasa 2 (2017)**

**Aset, Belanja dan Ekuiti***

**8 MPSAS**

- Inventori (MPSAS 12)
- Harta Pelaburan (MPSAS 16)
- Hartanah, Logi dan Peralatan (MPSAS 17)
- Aset Tak Ketara (MPSAS 31)
- Rosot Nilai Aset Yang Tidak Menjana Tunai (MPSAS 21)
- Rosot Nilai Aset Yang Menjana Tunai (MPSAS 26)
- Pajakan (MPSAS 13)
- Pertanian (MPSAS 27)

Program Libat Urus Projek Penyelidikan Di Majlis Agama Islam Negeri Johor

# PENGURUSAN OPERASI

- BAHAGIAN PERKHIDMATAN OPERASI PUSAT DAN AGENSI (BPOPA)
- BAHAGIAN PENGURUSAN OPERASI PEJABAT PERAKAUNAN (BPOPP)
- BAHAGIAN PENGURUSAN WANG TAK DITUNTUT (BWTD)
- BAHAGIAN AKAUN KEMENTERIAN KEWANGAN (BA MOF)
- PASUKAN PELAKSANAAN PERAKAUNAN AKRUAN (PPPA)

# BAHAGIAN PERKHIDMATAN OPERASI PUSAT DAN AGENSI (BPOPA)

BPOPA bertanggungjawab memastikan Penyata Kewangan Persekutuan dikemukakan kepada Ketua Audit Negara dan seterusnya dibentangkan di Parlimen. Selain itu, BPOPA juga bertanggungjawab ke atas pengurusan wang tunai, akaun amanah dan deposit, panjar, pelaburan dan pinjaman Kerajaan Persekutuan serta transaksi yang melibatkan Kerajaan Negeri.

## PENYATA KEWANGAN KERAJAAN PERSEKUTUAN (PKKP) 2016

PKKP bagi tahun 2016 telah disiapkan dan diserahkan kepada Ketua Audit Negara pada 27 Februari 2017. Mesyuarat *Exit Conference* bagi pengauditan PKKP 2016 telah diadakan pada 8 Mei 2017 yang dipengerusikan oleh YBhg. Tan Sri Dr. Madinah binti Mohamad, Ketua Audit Negara dan JANM telah menerima Sijil Audit Bersih ke atas pengauditan PKKP tersebut. PKKP tahun 2016 telah dibentangkan di Parlimen pada 31 Julai 2017 bersama-sama Laporan Ketua Audit Negara.

Sesi Penyerahan PKKP Tahun 2016 Kepada Ketua Audit Negara

## PENGURUSAN PELABURAN KERAJAAN PERSEKUTUAN

Sepanjang tahun 2017, sebanyak 2,558 akaun Pelaburan Kumpulan Wang Amanah yang berjumlah RM17.15 bilion dan 300 akaun Pelaburan Am yang berjumlah RM6.97 bilion telah diuruskan oleh BPOPA. Pelaburan Kumpulan Wang Amanah meningkat sebanyak RM0.95 bilion (5.87%) berbanding RM16.20 bilion pada tahun 2016. Jumlah Pelaburan Am pula menurun sebanyak RM0.14 bilion (1.97%) berbanding RM7.11 bilion pada tahun 2016.

Keuntungan simpanan tetap yang diterima daripada Pelaburan Kumpulan Wang Amanah dan Pelaburan Am pada tahun 2017 adalah berjumlah RM0.522 bilion di mana terdapat penurunan sebanyak RM0.242 bilion (31.69%) berbanding RM0.764 bilion pada tahun sebelumnya. Faktor penurunan ini kerana terdapat pengeluaran simpanan tetap berjumlah RM8.7 bilion mulai Oktober 2017 hingga Disember 2017 bagi menampung operasi harian dan tiada lebihan wang untuk dilaburkan. Tambahan juga, terdapat pengeluaran simpanan tetap dan pengeluaran pramatang oleh Pemegang Akaun Amanah. Butiran pecahan keuntungan simpanan tetap yang diterima bagi tahun 2016 dan 2017 dinyatakan seperti di Jadual 40.

Jadual 40 : Jumlah Keuntungan Pelaburan Yang Diterima Bagi Tahun 2016 Dan 2017

| Faedah/Keuntungan Simpanan Tetap Dikreditkan Ke Akaun | 2016 (RM) | 2017 (RM) | Peratusan Perbezaan (%) |
|---|---|---|---|
| Hasil | 513,518,660 | 330,223,833 | (35.69) |
| Amanah | 250,664,953 | 191,771,646 | (23.49) |
| **Jumlah** | **764,183,613** | **521,995,479** | **(31.69)** |

## PENGURUSAN WANG TUNAI

Pemantauan pengurusan wang tunai dilaksanakan di peringkat pengurusan atasan Kementerian Kewangan melalui Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Wang Tunai Kerajaan Persekutuan yang telah diadakan setiap bulan bagi tahun 2017. Di samping itu, Laporan Aliran Wang Tunai Kerajaan Persekutuan Mingguan dan Bulanan juga telah diedarkan kepada Pengurusan Atasan JANM.

Sebanyak 3,964 permohonan dana daripada pejabat perakaunan dengan amaun berjumlah RM255.4 bilion telah diproses sepanjang tahun 2017. Ini menunjukkan peningkatan dari segi bilangan permohonan dana yang diproses iaitu sebanyak 96 bilangan permohonan (2.48%) dan penambahan amaun dana sebanyak RM30.1 bilion (13.3%) berbanding tahun 2016.

## PENGURUSAN AKAUN KUMPULAN WANG AMANAH DAN DEPOSIT

Sepanjang tahun 2017, sebanyak 156 Akaun Amanah dari Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan yang terdiri daripada Akaun Penyelesaian, Akaun Perniagaan Stor dan Worksyop Belum Diuntukkan, Akaun Pinjaman, Kumpulan Wang Luar Jangka dan Pelbagai Kumpulan Wang Amanah telah dipantau yang melibatkan transaksi debit berjumlah RM382.10 bilion dan transaksi kredit berjumlah RM382.24 bilion.

Manakala bagi Kumpulan Wang Amanah Awam sebanyak 25 Akaun Amanah Khas dan 338 Akaun Amanah Am telah diselenggarakan sepanjang tahun 2017. Transaksi keseluruhan Kumpulan Wang Amanah Awam melibatkan amaun terimaan berjumlah RM14.40 bilion dan bayaran berjumlah RM13.36 bilion. Jumlah Akaun Amanah tahun 2017 diplotkan di Carta 22.

Carta 22 : Jumlah Akaun Amanah Tahun 2017



Sejumlah 530 akaun deposit yang terdiri daripada deposit am dan deposit pelarasan di pelbagai Kementerian/ Jabatan telah dipantau sepanjang tahun 2017, melibatkan terimaan dan pelarasan sebanyak RM6.6 bilion dan pembayaran (pulangan balik deposit dan pelarasan) sebanyak RM5 bilion. Baki wang deposit pada 31 Disember 2017 adalah berjumlah RM11.11 bilion, meningkat sebanyak RM1.56 bilion berbanding 2016. Baki wang deposit bagi tahun 2015 hingga 2017 diplotkan di Carta 23.

Carta 23 : Baki Wang Deposit Tahun 2015 Hingga 2017




## PENGURUSAN PINJAMAN PERSEKUTUAN

Pada 31 Disember 2017, baki Pinjaman Persekutuan adalah berjumlah RM56,719 juta melibatkan peminjam daripada pelbagai kategori seperti di Jadual 41.

Jadual 41 : Maklumat Berkaitan Pinjaman Persekutuan Bagi Tahun 2017

| Kategori Peminjam | Bilangan Pinjaman | Baki Pada 31 Dis 2017 (RM Juta) | Pengeluaran (RM Juta) | Bayaran Balik (RM Juta) |
|---|---|---|---|---|
| Negeri | 866 | 17,426 | 751 | 417 |
| Pihak Berkuasa Tempatan | 25 | 298 | 0 | 7 |
| Badan Berkanun | 30 | 6,338 | 70 | 116 |
| Syarikat | 162 | 30,522 | 2,895 | 512 |
| Koperasi | 15 | 271 | 50 | 40 |
| Pelbagai | 21 | 1,864 | 160 | 31 |
| **Jumlah** | **1,119** | **56,719** | **3,926** | **1,123** |

Manakala bilangan dan jumlah Hutang Awam Kerajaan Persekutuan yang diuruskan sepanjang tahun 2017 adalah seperti di Jadual 42.

Jadual 42 : Pengurusan Instrumen Hutang Sepanjang Tahun 2017

| Kategori | Bilangan | Pengeluaran (RM Juta) | Bayaran Balik (RM Juta) |
|---|---|---|---|
| Pinjaman Dalam Negeri | 93 kod stok | 129,185.01 | 88,452.61 |
| Pinjaman Luar Negeri | 5 terbitan | - | - |
| Bantuan Luar Negeri | 28 projek | 62.88 | 404.57 |

## 2017 PEMNA T-COP *MEETINGS* DAN *PLENARY CONFERENCE* 2017

*Public Expenditure Management Network in Asia* (PEMNA) ialah rangkaian *peer*-pembelajaran pegawai pengurusan perbelanjaan awam di Asia Timur dan Pasifik (EAP). Ditubuhkan pada 2012, PEMNA menyediakan satu forum yang unik untuk pegawai-pegawai awam berkongsi pengetahuan serta membantu mereka untuk membina sistem belanjawan negara dan perbendaharaan yang mampan di rantau ini. PEMNA dibahagikan kepada dua (2) kumpulan utama iaitu *Treasury Community of Practice* (T-CoP) dan *Budgetary Community of Practice* (B-CoP), yang mana JANM merupakan ahli di bawah T-CoP.

Pada tahun 2017, T-CoP *Meeting* telah diadakan sebanyak dua (2) kali. T-CoP *Meeting* pertama telah diadakan pada 1 Mac hingga 2 Mac 2017 di Bangkok, Thailand dengan tajuk "Reducing/Eliminating Use of Cash for Government Transactions". Malaysia telah diwakili oleh Puan Zahara binti Mohd. Salleh (Ketua Penolong Pengarah), Cik Haryati binti Sapihis (Ketua Penolong Pengarah) dan Puan Khairunnisa binti Yahya (Penolong Pengarah). Manakala *T-CoP Meeting* kedua telah diadakan pada 14 November hingga 15 November 2017 di Seoul, Korea dengan tajuk "Improving Treasury Service for Spending Units/Line Ministries". Malaysia telah diwakili oleh Tuan Haji Ramli bin Chik (Pengarah BPOPA), Encik Zakaria bin Ahmad (Ketua Penolong Pengarah Kanan) dan Encik Khairul Arman bin Mahari (Ketua Penolong Pengarah Kanan).

PEMNA *Plenary Conference* 2017 telah diadakan pada 9 Mei 2017 di Bali, Indonesia dengan tajuk "Ensuring Adequate Funds Flow for Achieving Better Social Outcomes in the Education Sector". Malaysia telah diwakili oleh Puan Maslina binti Kamarudin (Timbalan Pengarah), Encik Amiruddin bin Abd. Manaf (Penolong Pengarah Kanan) dan Encik Muhammad Akmal bin Radzi (Penolong Pengarah). Persidangan tahunan ini merupakan satu platform perkongsian ilmu di antara T-CoP dan B-CoP.

PEMNA *Plenary Conference* 2017 Di Bali, Indonesia

## PENGANJURAN MESYUARAT BENDAHARI NEGERI

BPOPA telah mengadakan Mesyuarat Bendahari/Akauntan Negeri bagi tahun 2017 yang bersidang sebanyak dua (2) kali setahun dan dipengerusikan oleh YBhg. Dato' ANM. Mesyuarat ini diadakan bertujuan untuk membincangkan dan menyelesaikan permasalahan yang berlaku di peringkat Pejabat Perbendaharaan Negeri berkaitan dasar dan operasi agar keputusan dan tindakan yang diambil adalah sentiasa seragam dan terkini termasuk isu-isu pelaksanaan perakaunan akruan.

Mesyuarat pertama telah diadakan di Duyong Marina & Resort, Terengganu pada 26 Mac hingga 27 Mac 2017 dan mesyuarat kedua telah diadakan di Hotel Sutera Harbour, Kota Kinabalu, Sabah pada 13 September hingga 14 September 2017. Mesyuarat ini dihadiri oleh Bendahari Negeri/Akauntan Negeri (BN/AN), wakil daripada Bahagian Khidmat Perunding (BKP) dan wakil daripada Pasukan Pelaksanaan Perakaunan Akruan (PPPA). Penganjuran mesyuarat ini adalah mengikut giliran negeri sebagai tuan rumah.

Mesyuarat Bendahari/Akauntan Negeri Bil. 2/2017 Di Hotel Sutera Harbour, Kota Kinabalu, Sabah

## MAJLIS MAKAN MALAM AKAUN AWAM 2016

Pada 10 Oktober 2017, BPOPA telah menganjurkan Majlis Makan Malam Akaun Awam 2016 bertempat di Putrajaya International Convention Centre (PICC) dengan tema *Masquerade* dan *Royal Blue*. Majlis ini dihadiri oleh YBhg. Dato' ANM, YBrs. TAN (O), YBrs. TAN (K), Pengarah-pengarah Bahagian, Negeri, Cawangan dan Ketua-ketua Akauntan Kementerian serta Bendahari-bendahari Negeri.

Majlis ini merupakan acara tahunan BPOPA untuk menghargai semua yang terlibat dalam penyediaan PKKP Tahun 2016 seterusnya untuk merasmikan terbitan buku PKKP 2016 yang akan digunakan oleh pelbagai Kementerian, Jabatan dan Agensi Kerajaan serta pihak berkepentingan untuk mendapatkan maklumat dan statistik penting berkaitan kedudukan kewangan Kerajaan. Selain itu, penyampaian Anugerah Kementerian dan Pejabat Perakaunan Cemerlang turut diberikan kepada Kementerian dan JANM Negeri/Cawangan. Majlis ini turut diserikan lagi dengan persembahan nyanyian oleh penyanyi jemputan dan warga JANM.

Pengurusan Tertinggi JANM Di Majlis Makan Malam Akaun Awam Tahun 2016

## *DISCUSSION LAB* PENYATA KEWANGAN KERAJAAN PERSEKUTUAN AKRUAN

Pada 26 September dan 27 September 2017, BPOPA telah menganjurkan *Discussion Lab* Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Akruan bertempat di Dewan Serbaguna, JANM yang dihadiri oleh Ketua Akauntan dan wakil Kementerian, wakil-wakil Bahagian JANM dan semua Akauntan BPOPA.

*Discussion Lab* Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan tahun 2017 merupakan kesinambungan kepada seminar yang diadakan pada tahun 2016 bertujuan untuk memberi pendedahan kepada Kementerian mengenai konsep asas akruan dalam penyediaan Penyata Kedudukan Kewangan Kementerian dan Nota, Penyata Kewangan Akaun Amanah serta simulasi berdasarkan beberapa senario untuk penyediaan Penyata Kewangan Kementerian.

*Discussion Lab* Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Tahun 2017

## KURSUS PEMANTAPAN ORGANISASI BPOPA 2017

Pada 15 Oktober hingga 17 Oktober 2017, BPOPA telah menganjurkan Kursus Pemantapan Organisasi BPOPA 2017 bertempat di Felda Residence Tekam, Jerantut, Pahang. Seramai 40 orang peserta warga BPOPA dari pelbagai gred telah menyertai program ini.

Program ini diadakan bertujuan untuk membangunkan dan memantapkan budaya kerja berpasukan di kalangan warga BPOPA bagi memastikan pelaksanaan tugas dan perkongsian maklumat dapat dijalankan dengan harmoni dan berkesan serta memberi impak yang positif terhadap pencapaian misi dan visi Bahagian. Program ini turut menerapkan pendekatan keagamaan dan kerohanian yang menekankan pembinaan kekuatan mental dan kerjasama di kalangan ahli pasukan. Antara aktiviti yang dijalankan adalah qiamullail, *cave explorer* dan *rafting*.

Kursus Pemantapan Organisasi BPOPA 2017

# BAHAGIAN PENGURUSAN OPERASI PEJABAT PERAKAUNAN (BPOPP)

## BENGKEL PENSTRUKTURAN SEMULA PROGRAM NAZIRAN PEJABAT PERAKAUNAN

Bengkel pertama yang telah dilaksanakan adalah pada 17 Januari hingga 19 Januari 2017 bertempat di Dewan Serbaguna, JANM. Bengkel ini diadakan bagi tujuan format pindaan kepada Lembaran Kerja Sistem Penilaian Prestasi PTJ (SPPP) dengan mengambil kira cadangan penstrukturan semula program naziran pelaporan dan format pindaan Laporan Naziran yang lebih berstruktur dan berkesan.

Sesi Bergambar Sempena Bengkel Penstrukturan Semula Program Naziran Pejabat Perakaunan

## MESYUARAT KETUA NAZIRAN

Tujuan mesyuarat ini diadakan adalah untuk membincangkan dan menyelesaikan permasalahan yang berlaku di JANM Negeri/Cawangan dan Bahagian Akaun (BA) Kementerian berkaitan isu-isu operasi serta isu-isu dasar agar keputusan dan tindakan yang diambil adalah sentiasa seragam dan terkini. Selain itu, melalui mesyuarat ini juga dapat mewujudkan hubungan baik sesama Ketua Naziran dari 49 Pejabat Perakaunan supaya dapat saling membantu sekiranya timbul masalah semasa menjalankan naziran di PTJ serta semasa penyediaan Laporan Naziran.

### Mesyuarat Ketua Naziran Bil. 1/2017

Pada 1 Februari 2017, bertempat di The Zenith Hotel, Kuantan telah berlangsung Mesyuarat Ketua Naziran Bil. 1/2017. Mesyuarat ini membentangkan penstrukturan semula program naziran pejabat perakaunan kepada Pengarah JANM Negeri/Cawangan, Ketua Akauntan dan Ketua Naziran yang mengambil kira perkara seperti berikut:

1. Ekstrak sampel data berstrategik menggunakan perisian *Audit Command Language* (ACL) bagi membantu pejabat perakaunan menganalisa isu-isu tertumpu seperti tatacara perolehan, elaun lebih masa dan lain-lain tuntutan. Penekanan terhadap tatacara perolehan dengan menyediakan garis panduan tambahan.
2. Penyeliaan kepada kontrak-kontrak secara fizikal. Penyeliaan kontrak secara fizikal ini terbahagi kepada kontrak kerja, perkhidmatan dan bekalan. Penyeliaan kontrak-kontrak ini akan menumpukan pada semakan dokumen berkaitan berbanding pembayaran yang telah dilaksanakan dan juga semakan fizikal sebelum interim terakhir dibayar.
3. Penekanan terhadap tatacara pengendalian terimaan dan pembayaran melalui Akaun Amanah dan Kawalan Terimaan.
4. Laporan naziran berasaskan *Risk Based Auditing* (RBA).

Mesyuarat Ketua Naziran Bil. 1/2017 di The Zenith Hotel, Kuantan

## Mesyuarat Ketua Naziran Bil. 2/2017

Mesyuarat Ketua Naziran Bil. 2/2017 telah diadakan pada 15 November 2017 di Dewan Serbaguna, JANM. Mesyuarat ini telah dihadiri oleh 24 orang Ketua Naziran JANM Negeri/Cawangan dan 25 orang Ketua Naziran dari BA Kementerian. Turut dijemput adalah dua (2) orang wakil dari BPAD dan tiga (3) orang pembentang dari KPM, JANM Miri dan BPAD.

Perbincangan Masalah Yang Berlaku Di JANM Negeri/ Cawangan Dan Bahagian Akaun Kementerian

Pembentangan Isu-isu Operasi

## MESYUARAT PENGARAH DAN KETUA AKAUNTAN (MPKA) DAN MESYUARAT PENGARAH JANM NEGERI/CAWANGAN (MPNC)

MPKA dan MPNC telah diadakan di The Zenith Hotel, Kuantan pada 2 Februari hingga 3 Februari 2017. Mesyuarat ini dihadiri oleh Pengurusan Tertinggi JANM, Pengarah Bahagian, Ketua Akauntan Bahagian Akaun Kementerian dan Pengarah JANM Negeri/Cawangan serta Ketua Naziran. Secara keseluruhannya, mesyuarat ini telah berjaya membincangkan dan menyelesaikan permasalahan di Pejabat Perakaunan berkaitan isu-isu operasi dan dasar agar keputusan dan tindakan yang diambil adalah sentiasa seragam dan terkini. Selain itu, isu-isu berkaitan permasalahan dan pelaksanaan 1GFMAS turut dibincangkan bagi memastikan arahan-arahan/ pekeliling-pekeliling terbaharu dilaksanakan di setiap Pejabat Perakaunan.

# KURSUS KECEMERLANGAN DIRI DAN MOTIVASI MINDA WARGA BPOPP BERSAMA PENGARAH JANM NEGERI/CAWANGAN

Pada 31 Mac hingga 2 April 2017, Kursus Kecemerlangan Diri dan Motivasi Minda Warga BPOPP bersama Pengarah JANM Negeri/Cawangan telah diadakan di Best Western Hotel, Shah Alam, Selangor. Kursus ini diadakan bertujuan untuk:

1. Memantapkan kefahaman pegawai mengenai pentingnya mengawal emosi dalam meningkatkan kepuasan bekerja dalam setiap tugasan yang dipertanggungjawabkan.
2. Memberi kepuasan kepada pelanggan yang berurusan dengan BPOPP dan JANM Negeri/Cawangan.
3. Meningkatkan komitmen yang berterusan dalam mencapai produktiviti organisasi yang lebih cemerlang.
4. Membangunkan pegawai ke arah kecemerlangan diri, kerjaya dan organisasi, menyeimbangkan jati diri, mental, kerohanian dan kecergasan fizikal serta mengharmonikan diri.

Antara Aktiviti Yang Dijalankan Sepanjang Kursus

Peserta Kursus Bergambar Bersama Penceramah

# *LAB HANDS-ON* PERISIAN *AUDIT COMMAND LANGUAGE* (ACL) SIRI 1

Pada 17 April hingga 21 April 2017, bertempat di Makmal Komputer, JANM Negeri Sabah telah berlangsung *Lab Hands-On* Perisian ACL Siri 1 yang disertai oleh dua (2) orang wakil dari setiap JANM Negeri/Cawangan bagi zon Sabah dan Sarawak. Wakil-wakil ini terdiri daripada Pengarah dan Ketua/Wakil Unit Naziran.

Tujuan *Lab Hands-On* Perisian ACL Siri 1 dilaksanakan adalah untuk:

1. Mengetahui kaedah untuk mengekstrak data GFMAS dengan menggunakan Perisian ACL dalam bentuk CSV (*comma-separated values*) dan *text* (.txt).

2. Memahami struktur *table* yang akan digunakan dalam Sistem Perisian ACL untuk menjana sampel data yang dikehendaki dan dapat menguji proses skrip ACL yang disediakan oleh pihak vendor.

Sesi Kuliah Sistem Perisian *Audit Command Language* (ACL)

# BAHAGIAN PENGURUSAN WANG TAK DITUNTUT (BWTD)

## PROGRAM PEMERIKSAAN DI BAWAH AKTA WANG TAK DITUNTUT 1965

Antara fungsi utama BWTD ialah menjalankan program pemeriksaan ke atas syarikat/firma yang tertakluk kepada Akta Wang Tak Dituntut (WTD) 1965. Seksyen 12 Akta WTD 1965 memperuntukkan Pendaftar WTD atau pegawai yang diberi kuasa olehnya boleh melakukan pemeriksaan terhadap rekod yang disimpan oleh syarikat/firma bagi memastikan pematuhan terhadap Akta tersebut. Mengikut Seksyen 12(1) Akta WTD 1965, pegawai pemeriksa juga diberi kuasa untuk mengambil dan menahan apa-apa dokumen sebagai bukti yang menunjukkan ketidakpatuhan akta.

Program Pemeriksaan di bawah Akta WTD 1965 adalah penting kerana diambil kira sebagai salah satu *Key Performance Indicator* (KPI) YBhg. Dato' ANM selaku Pendaftar WTD dan KPI TAN (O) selaku Timbalan Pendaftar WTD. Sehingga 31 Disember 2017, sebanyak 120 buah syarikat telah diperiksa meliputi negeri Selangor dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur iaitu 100% pencapaian seperti yang telah ditetapkan di dalam KPI. Pemeriksaan bagi tahun ini bertumpu kepada sektor pembinaan, pendidikan, pembuatan, peruncitan, koperasi, seni dan hiburan.

## PROGRAM TAKLIMAT KESEDARAN AKTA WANG TAK DITUNTUT 1965

Program Taklimat Kesedaran Akta WTD 1965 diadakan bagi memberi pendedahan kepada syarikat/firma yang tertakluk kepada akta ini serta hebahan dan kefahaman kepada orang awam. Objektif utama program ini adalah untuk meningkatkan kesedaran sekali gus meningkatkan tahap pematuhan terhadap Akta WTD 1965.

Sehingga 31 Disember 2017, sebanyak 23 kali taklimat telah dilaksanakan. Walau bagaimanapun, hanya satu (1) taklimat sahaja dilaksanakan di Pejabat Pendaftar WTD di Menara Maybank, Kuala Lumpur. Selain itu, taklimat turut diadakan melalui kerjasama dengan pelbagai jabatan/agensi/persatuan seperti berikut:

Jadual 43 : Senarai Program Taklimat Kesedaran Akta Wang Tak Dituntut 1965

| Bil. | Jabatan/Agensi/Persatuan | Tarikh | Penceramah |
|---|---|---|---|
| 1. | Jabatan Audit Negara, Negeri Selangor<br><br>(Peserta: Pegawai dari Jabatan Audit Negara, Negeri Selangor) | 17 Jul 2017 | En. Khairul Anuar<br><br>Penolong Pengarah Kanan (Penguatkuasaan) |
| 2. | *Hall* 11, Menara Maybank<br><br>(Peserta: Wakil syarikat dan firma di Kuala Lumpur dan Selangor) | 10 Ogos 2017 | Pn. Suhaili binti Hussin<br><br>Penolong Pengarah (Penguatkuasaan) |
| 3. | Program Transformasi Minda<br><br>(Peserta: Penolong Akauntan, Institut Perakaunan Negara (IPN), Sabak Bernam) | 14 Ogos 2017 | En. Ismail bin Yaakub<br><br>Penolong Akauntan Kanan (Penguatkuasaan) |
| 4. | Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan<br><br>(Peserta: Warga kerja Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan) | 24 Ogos 2017 | Cik Izza Azlin binti Ab Rasid<br><br>Penolong Pengarah (Penguatkuasaan) |

Taklimat Kesedaran Akta WTD Kepada Penolong Akauntan Di IPN, Sabak Bernam

Taklimat Kesedaran Akta WTD Kepada Warga Jabatan Ketua Pengarah Tanah Dan Galian Di Wisma Sumber Asli, Putrajaya

## KURSUS DAN BENGKEL WANG TAK DITUNTUT (WTD)

Pada tahun 2017, Kursus Pelaksanaan Denda dan Kompaun Akta WTD 1965 telah diadakan pada 10 April hingga 13 April 2017 bertempat di IPN, Sabak Bernam. Kursus ini melibatkan semua pegawai Unit Penguatkuasaan dan pegawai dari Unit WTD JANM Negeri. Kursus ini bertujuan sebagai persediaan Pegawai Pemeriksa WTD untuk menguatkuasakan denda dan kompaun mengikut Akta WTD. Kursus ini turut memberikan penerangan secara terperinci mengenai pemakaian prosedur pemeriksaan dan siasatan baharu yang berkuat kuasa pada 1 Januari 2018.

Rentetan dari Kursus Pelaksanaan Denda dan Kompaun telah dijalankan Bengkel *Hands-on* Arahan Penguatkuasaan WTD 1965 pada 3 Oktober hingga 5 Oktober 2017 bertempat di Hotel Heritage, Cameron Highlands. Kursus ini melibatkan semua pegawai Unit Penguatkuasaan dan pegawai dari Unit WTD JANM Negeri. Bengkel ini bertujuan untuk persediaan kepada *subject matter expert* di BWTD.

Kursus Pelaksanaan Denda Dan Kompaun Akta WTD Di IPN, Sabak Bernam

Bengkel *Hands-on* Arahan Penguatkuasaan WTD

## MESYUARAT PENOLONG PENDAFTAR DAN MESYUARAT PENYELARASAN WANG TAK DITUNTUT (WTD)

BWTD juga turut menganjurkan lima (5) mesyuarat pada tahun 2017. Mesyuarat Penolong Pendaftar (MPP) WTD diadakan dua (2) kali setiap tahun dan dipengerusikan oleh ANM, YBhg. Dato' Haji Che Pee bin Samsudin selaku Pendaftar WTD serta dihadiri oleh TAN (O), Tuan Saat bin Esa selaku Timbalan Pendaftar WTD, Puan Nik Hapsah binti Nik Hassan (Pengarah BPOPP), YBhg. Dato' Zamimi bin Awang (Pengarah BWTD) dan Penolong Pendaftar JANM Negeri. Turut serta dalam mesyuarat ini adalah wakil JANM Negeri serta pegawai BWTD yang lain. Mesyuarat ini membincangkan sebarang isu dasar serta operasi penguatkuasaan WTD bagi memastikan program penguatkuasaan berjalan lancar.

Selain itu, Unit Penguatkuasaan BWTD juga telah mengadakan Mesyuarat Penyelarasan WTD sebanyak tiga (3) kali bagi tahun 2017. Tujuan mesyuarat ini diadakan adalah untuk menyelaraskan dan mengemas kini peraturan pentadbiran Akta WTD 1965 serta membincangkan isu dan permasalahan berkaitan pelaksanaan penguatkuasaan Akta WTD 1965.

Jadual 44 : Senarai Mesyuarat Penguatkuasaan WTD Bagi Tahun 2017

| Bil. | Perkara | Tempat | Tarikh |
|---|---|---|---|
| 1. | Mesyuarat Penolong Pendaftar dan Mesyuarat Penyelarasan Wang Tak Dituntut Bil. 1/2017 | Adya Hotel, Langkawi | 17 – 19 Mei 2017 |
| 2. | Mesyuarat Penyelarasan Wang Tak Dituntut Bil. 2/2017 | Hotel Perdana, Kota Bharu, Kelantan | 16 – 18 Jul 2017 |
| 3. | Mesyuarat Penolong Pendaftar Wang Tak Dituntut Bil. 2/2017 dan Mesyuarat Penyelarasan Wang Tak Dituntut Bil. 3/2017 | Hotel Promenade, Tawau, Sabah | 25 – 27 Sep 2017 |

## TERIMAAN SERAHAN WANG TAK DITUNTUT (WTD)

Pada tahun 2017, sebanyak 1,494 serahan WTD dengan jumlah terimaan sebanyak RM716 juta telah diterima daripada syarikat dan firma berbanding 1,461 serahan dengan jumlah terimaan sebanyak RM584 juta yang diterima pada tahun 2016. Carta 24 menunjukkan jumlah serahan WTD bagi tahun 2015 hingga 2017.

Carta 24 : Jumlah Serahan WTD Dari Tahun 2015 Hingga 2017



## Perubahan Proses Serahan WTD Tahun 2017

Rajah 6 menunjukkan aliran kerja yang telah berkuat kuasa mulai tahun 2017.

Rajah 6 : Aliran Kerja Mulai Tahun 2017




Carta 25 menunjukkan perbandingan serahan WTD yang diakaunkan ke Akaun Bank Terimaan Utama dari tahun 2015 hingga 2017.

Carta 25 : Serahan WTD Ke Akaun Bank Terimaan Utama Dari Tahun 2015 Hingga 2017




## BAYARAN BALIK TUNTUTAN WANG TAK DITUNTUT (WTD)

Sebanyak RM155 juta jumlah bayaran balik WTD telah diproses bagi permohonan yang diterima pada tahun 2017. Ia merangkumi jumlah bayaran bagi tiga (3) vot perbelanjaan iaitu akaun deposit kawalan WTD (875540) sebanyak RM150 juta, akaun perbendaharaan/JANM deposit WTD (875518) sebanyak RM4 juta dan akaun bayaran balik hasil (Vot 12) sebanyak RM700 ribu. Carta 26 menunjukkan jumlah bayaran balik WTD bagi tahun 2015 hingga 2017. Peningkatan jumlah bayaran balik WTD daripada tahun 2015 hingga 2017 adalah kerana peningkatan kesedaran orang awam terhadap WTD.

Carta 26 : Jumlah Bayaran Balik Wang Tak Dituntut Bagi Tahun 2015 Hingga 2017




## *BOOTH* PAMERAN BWTD

BWTD telah melaksanakan Program *Booth* Pameran di beberapa lokasi terpilih sepanjang tahun 2017 bertujuan untuk memberi perkhidmatan seperti berikut:

1. Memberi kesedaran dan hebahan kepada orang awam dan kakitangan awam mengenai WTD.
2. Memberikan kemudahan kepada orang ramai untuk membuat semakan status WTD.
3. Memberikan khidmat nasihat berhubung dengan WTD terutama berkaitan permohonan tuntutan WTD.

Pembukaan *Booth* Sempena Hari Terbuka Kementerian Kewangan

Pembukaan *Booth* Di Ibu Pejabat JANM, Putrajaya

Warga Majlis Bandaraya Petaling Jaya Dan Orang Awam Yang Berkunjung Ke *Booth* BWTD

Orang Awam Mendapatkan Khidmat Nasihat Berkaitan WTD Melalui Program Di Kementerian Sumber Asli Dan Alam Sekitar

# BAHAGIAN AKAUN KEMENTERIAN KEWANGAN (BA MOF)

Tahun 2017 telah menyaksikan BA MOF terus konsisten melakar kejayaan yang cemerlang dan telah menunjukkan peningkatan dalam pencapaian prestasi serta memperoleh beberapa pengiktirafan dan anugerah berkat usaha gigih daripada semua warga BA MOF. Di antara pengiktirafan tersebut termasuk menerima pensijilan MS ISO 9001:2015 pada 30 September 2017 iaitu yang pertama diperolehi oleh JANM dan dijadikan sebagai penanda aras.

Di samping itu juga, BA MOF telah berjaya menganjurkan program Jom Fiesta 2017 sebagai salah satu program Inovasi dan Integriti JANM 2017 yang telah mendapat sambutan menggalakkan daripada warga JANM. Pada tahun ini juga, BA MOF telah mendapat penarafan cemerlang dengan markah tertinggi sebanyak 97.76% bagi Penarafan Pengauditan Prestasi Pejabat Perakaunan dan 93.21% bagi Penarafan Pra Pengauditan Indeks Akuntabiliti (IA).

Pada tahun 2017, BA MOF juga telah diberi tanggungjawab dalam pengurusan Wang Tak Dituntut (WTD) yang merupakan satu perkara yang harus dibanggakan meskipun berdepan dengan pelbagai cabaran terutama dalam berhadapan dengan orang awam. Namun melalui pengurusan JANM yang cekap serta kegigihan warga BA MOF telah membuktikan "Nothing is Impossible and Impossible is Nothing".

## PENCAPAIAN DAN PENGIKTIRAFAN 2017

### Pensijilan MS ISO 9001:2015

BA MOF bertanggungjawab menyelia 18 Pusat Tanggungjawab (PTJ) di bawahnya dan 14 Bahagian Kementerian Baharu. Skop pensijilan MS ISO 9001:2015 ialah proses bayaran bagi PTJ di bawah Kementerian Kewangan.

Pihak Platinum Shauffmantz Veritas (PSV) yang diketuai oleh Juru Audit, Dato' A. Aziz bin Mat dan Encik Hairulnizam Ramlan telah membuat pengauditan pensijilan baharu MS ISO 9001:2015 pada 6 September hingga 7 September 2017.

Pensijilan Baharu MS ISO 9001:2015

## EKOSISTEM KONDUSIF SEKTOR AWAM (EKSA)

BA MOF merupakan sebahagian daripada Zon-zon EKSA di JANM di mana zon ini dinamakan Zon Zeta.

Pelaksanaan Aktiviti EKSA Bagi Zon Zeta

## KELAB REKREASI DAN KEBAJIKAN (KRK BA MOF)

KRK BA MOF telah menjalankan beberapa aktiviti sepanjang tahun 2017. Antara aktiviti yang dijalankan adalah seperti di Jadual 45.

Jadual 45 : Aktiviti Kelab Rekreasi Dan Kebajikan BA MOF

| Senarai Aktiviti | Tempat | Tarikh |
|---|---|---|
| Majlis Sambutan Hari Raya Tahun 2017 | Ruang Permata, BA MOF | 24 Jul 2017 |
| Program *Teambuilding* dan Majlis Makan Malam | Cherengin Hills Convention & Spa Resort, Janda Baik, Pahang | 28 - 30 Jul 2017 |
| Taklimat Kesihatan dan Perasmian Sudut Kesihatan BA MOF | Ruang Permata, BA MOF | 14 Sep 2017 |
| Program Jom Fiesta 2017 | Dewan Sebaguna, JANM | 3 - 4 Okt 2017 |
| Taklimat Pukal bersama PTJ oleh MAS Airlines dan Airasia | Dewan Serbaguna, JANM | 21 Nov 2017 |

Majlis Sambutan Hari Raya Tahun 2017

Program *Teambuilding* Di Cherengin Hills Convention & Spa Resort Di Janda Baik, Pahang

Taklimat Kesihatan Dan Perasmian Sudut Kesihatan BA MOF

Program Jom Fiesta 2017

Taklimat Pukal Bersama PTJ Oleh MAS Airlines Dan Airasia

# PASUKAN PELAKSANAAN PERAKAUNAN AKRUAN (PPPA)

## LATIHAN/TAKLIMAT/BENGKEL/*TASK FORCE* PERAKAUNAN AKRUAN DAN PENGURUSAN PERUBAHAN

### Kursus *Chief Financial Officer (CFO): The Accountants As CFO In The Public Sector – Moving Forward*

Kursus ini bertujuan untuk mendedahkan tanggungjawab dan peranan sebagai CFO yang dapat membantu pengurusan atasan membuat keputusan. Kursus ini diadakan pada 8 Mac 2017 di PICC dan dihadiri oleh 35 orang pegawai yang terdiri daripada Pengarah JANM Negeri, Timbalan Ketua Akauntan Kementerian dan Ketua Penolong Pengarah Kanan Kementerian.

Kursus *Chief Financial Officer* (CFO) Di PICC

### Kursus *Standard Operating Procedure (SOP) Day 2* – Aset

Kursus ini bertujuan untuk memberi pengetahuan dan pemahaman tentang SOP *Day* 2 - Aset secara keseluruhan termasuk penilaian dan pengiraan bagi transaksi kompleks dalam pelaksanaan Sistem 1GFMAS. Senarai kursus yang diadakan adalah seperti di Jadual 46.

Jadual 46 : Senarai Kursus *Standard Operating Procedure (SOP) Day 2* - Aset

| Bil. | Program | Tarikh | Lokasi | Bil. Peserta |
|---|---|---|---|---|
| 1. | Kursus Standard *Operating Procedure* (SOP) *Day* 2: Ketua Akauntan dan Pengarah JANM Negeri | 21 – 23 Mac 2017 | Hotel Imperial Heritage, Melaka | 38 |
| 2. | Kursus *Standard Operating Procedure* (SOP) *Day 2: Refresher TTT* | 27 – 28 Apr 2017 | Dewan Serbaguna, JANM | 50 |
| 3. | Kursus *Standard Operating Procedure* (SOP) *Day* 2: Pengarah JANM Negeri dan Cawangan | 20 – 21 Jul 2017 | Bilik Jamuan 2, JANM | 22 |

Kursus *Standard Operating Procedure* (SOP) *Day* 2: Ketua Akauntan Dan Pengarah JANM Negeri

Kursus *Standard Operating Procedure* (SOP) *Day* 2: *Refresher* TTT

## Bengkel Perakaunan Akruan – *Refresher* JANM Negeri

Bengkel ini bertujuan untuk memantapkan pengetahuan dan teknik pembelajaran *Trainers* mengenai Perakaunan Akruan dan membangunkan tahap keyakinan *Trainers* untuk mengajar dan menyampaikan pembelajaran berkaitan kepada pegawai di Kementerian dan PTJ masing-masing. Bengkel yang telah dilaksanakan adalah seperti di Jadual 47.

Jadual 47 : Bengkel Perakaunan Akruan - *Refresher* JANM Negeri

| Bil. | Program | Tarikh | Lokasi | Bil. Peserta |
|---|---|---|---|---|
| 1. | Bengkel Perakaunan Akruan – *Refresher* JANM Siri 1 | 24 – 26 Mei 2017 | Dewan Serbaguna, JANM | 26 |
| 2. | Bengkel Perakaunan Akruan – *Refresher* JANM Siri 2 | 12 – 14 Jul 2017 | Hotel Imperial, Kuching, Sarawak | 36 |

## Perjumpaan Bersama *Core Trainers* 1GFMAS Tahun 2017

Kursus ini bertujuan untuk memastikan persediaan latihan sistem 1GFMAS yang bermula pada 31 Julai hingga 22 Disember 2017 dilaksanakan oleh setiap Kementerian dan JANM Negeri/Cawangan. Kursus ini diadakan pada 9 Julai hingga 11 Julai 2017 di Hotel Avillion Admiral Cove, Port Dickson, Negeri Sembilan dan dihadiri oleh 125 orang pegawai yang terdiri daripada pegawai perakaunan dari Kementerian dan JANM Negeri/Cawangan.

## Sesi *Task Force* Penyemakan Manual Latihan Sistem 1GFMAS

*Task Force* ini bertujuan untuk membuat semakan semula Manual Latihan Sistem 1GFMAS. Sesi ini diadakan pada 26 Julai hingga 28 Julai 2017 di Bilik Jamuan 1, JANM dan dihadiri oleh 48 orang pegawai yang terdiri daripada pegawai perakaunan dari setiap Kementerian dan Bahagian JANM.

## Bengkel *Liaison Change Agent* (LCA) - Pelaksanaan Perakaunan Akruan

Bengkel ini diadakan bertujuan untuk mendapatkan pemahaman yang lebih jelas tentang kepentingan mempunyai strategi komunikasi yang betul dan teknik berkesan terutama yang melibatkan pengurusan projek. Bengkel ini diadakan pada 17 September hingga 19 September 2017 di Hotel Bella Vista, Langkawi, Kedah dan dihadiri oleh 49 orang peserta yang terdiri daripada LCA bagi setiap Kementerian, JANM Negeri dan Cawangan.

## Taklimat Arahan Operasi *Cutover* 1GFMAS

Taklimat ini bertujuan untuk memberi pengetahuan dan pemahaman tentang Arahan Operasi bagi memastikan Kementerian dan JANM bersedia dalam membantu kelancaran tempoh peralihan daripada sistem sedia ada kepada sistem 1GFMAS. Senarai taklimat yang telah diadakan adalah seperti di Jadual 48.

Jadual 48 : Taklimat Arahan Operasi *Cutover* 1GFMAS

| Bil. | Program | Tarikh | Lokasi | Bil. Peserta |
|---|---|---|---|---|
| 1. | Taklimat Arahan Operasi *Cutover* 1GFMAS: Pengarah Bahagian, Negeri dan Cawangan | 27 – 29 Sep 2017 | Hotel Promenade, Tawau, Sabah | 37 |
| 2. | Taklimat Arahan Operasi *Cutover* 1GFMAS: Ketua Akauntan dan *Liaison Change Agent* (LCA) | 12 – 13 Okt 2017 | Dewan Serbaguna, MOTAC | 75 |
| 3. | Taklimat Arahan Operasi *Cutover* 1GFMAS: Ketua Akauntan dan Pengarah JANM Bahagian, Negeri/ Cawangan | 3 Nov 2017 | Dewan Serbaguna, JANM | 90 |

## Latihan 1GFMAS

Latihan ini bertujuan untuk memberi pemahaman kepada pengguna berkenaan tatacara pengoperasian sistem 1GFMAS. Senarai latihan 1GFMAS adalah seperti di Jadual 49.

Jadual 49 : Senarai Latihan 1GFMAS

| Bil. | Program | Tarikh | Lokasi | Bil. Peserta |
|---|---|---|---|---|
| 1. | Latihan *Expert End User* (EEU) | 4 Sep – 13 Okt 2017 | Makmal Kementerian dan JANM Negeri | 4,329 |
| 2. | Latihan *Direct End User* (DEU) | 4 Sep – 13 Okt 2017 | Makmal Kementerian dan JANM Negeri | 470 |
| 3. | Latihan *Train The Trainer* (TTT) | 25 Sep – 13 Okt 2017 | Makmal Kementerian dan JANM Negeri | 1,186 |

## Taklimat Pelaksanaan Perakaunan Akruan Dan Sistem 1GFMAS *Go Live*: Setiausaha Bahagian Kewangan Kementerian

Taklimat ini bertujuan untuk memberi pemahaman yang jelas berkaitan dengan Sistem 1GFMAS. Taklimat ini diadakan pada 19 Disember 2017 di Dewan Serbaguna, JANM dan dihadiri oleh 70 orang pegawai dan dikhususkan kepada Setiausaha Bahagian Kewangan Kementerian yang turut disertai oleh Pengarah Bahagian JANM dan Ketua Akauntan Kementerian.

Taklimat Pelaksanaan Perakaunan Akruan Dan Sistem 1GFMAS *Go Live* : Setiausaha Bahagian Kewangan Kementerian

## Bengkel Semakan Panel Manual Prosedur Kerja (MPK) 1GFMAS

MPK 1GFMAS telah disediakan oleh setiap Kumpulan Kerja Modul MPK. Tujuan bengkel ini diadakan adalah bagi menyemak dan memuktamadkan draf MPK tersebut oleh Panel dan Penasihat BPTM. MPK 1GFMAS versi 1.0 bertarikh 1 Disember 2017 telah dirujuk silang (*cross reference*) kepada Manual Latihan sistem. MPK 1GFMAS ini yang merupakan dokumen rujukan utama pelaksanaan operasi perakaunan akruan boleh diperolehi di laman sesawang Portal Rasmi Perakaunan Akruan iaitu www2.anm.gov.my.

Bengkel Semakan Panel Manual Prosedur Kerja (MPK) 1GFMAS yang dijalankan adalah seperti di Jadual 50.

Jadual 50 : Bengkel Semakan Panel Manual Prosedur Kerja (MPK) 1GFMAS

| Bil. | Program | Tarikh | Lokasi | Bil. Modul |
|---|---|---|---|---|
| 1. | Bengkel Semakan Panel MPK 1GFMAS Siri 1 | 20 – 27 Jul 2017 | Dewan Serbaguna, Jabatan Perdana Menteri | 7 Modul<br><br>(AA, AP, AR, MM, HCM, CM dan GLFMCO) |
| 2. | Bengkel Semakan Panel MPK 1GFMAS Siri 2 | 11 – 20 Sep 2017 | Dewan Serbaguna, Jabatan Akauntan Negara Malaysia | 11 Modul<br><br>(LMS-*External Loan*, LMS-*Federal Loan*, LMS-*Staff Loan*, TR-GDS, TR-*Investment*, TR-GSMIS, *MyCost*, SOLMAN, *Authorization*, GUMIS & eGUMIS, Pengurusan Vendor & eMaklum) |

Bengkel Semakan Panel MPK 1GFMAS Siri 1

Bengkel Semakan Panel MPK 1GFMAS Siri 2

## Taklimat Dan Sesi Pengemaskinian 1GFMAS *User Mapping Template* (UMT)

Objektif program ini adalah untuk memudah cara dalam bentuk bantuan serta khidmat nasihat kepada Bahagian Akaun Kementerian, JANM Negeri/Cawangan, BPOPA, BPTM, BWTD dan Perbendaharaan (MOF) untuk membuat semakan, kemas kini dan tandatangan (*sign off*) UMT masing-masing. Selain itu, program ini juga dapat mengesahkan UMT adalah lengkap dan betul berdasarkan peranan/*authority* yang diberikan bagi membolehkan data yang tepat dimuat naik ke dalam sistem agar pengguna 1GFMAS dapat mengakses dan menggunakan sistem dengan lancar apabila 1GFMAS mula beroperasi pada 1 Januari 2018. Taklimat dan Sesi Pengemaskinian *User Mapping Template* (UMT) adalah seperti di Jadual 51.

Jadual 51 : Taklimat Dan Sesi Pengemaskinian *User Mapping Template* (UMT)

| Bil. | Program | Tarikh | Lokasi | Bil. Peserta |
|---|---|---|---|---|
| 1. | Taklimat & Sesi Pengemaskinian 1GFMAS UMT Siri 1 – BA Kementerian | 6 – 7 Nov 2017 | Dewan Serbaguna, JANM, Putrajaya | 100 |
| 2. | Taklimat & Sesi Pengemaskinian 1GFMAS UMT Siri 2 – JANM Negeri/Cawangan | 8 – 10 Nov 2017 | Dewan Serbaguna, JANM, Putrajaya | 120 |
| 3. | Taklimat & Sesi Pengemaskinian 1GFMAS UMT Siri 3 – BPOPA/BPTM/ BWTD/MOF *Treasury* | 13 Nov 2017 | Bilik Mesyuarat Utama BPTM, JANM, Putrajaya | 20 |

# PROSES DAN TEKNOLOGI

## Proses Pengumpulan Dan Migrasi Data 1GFMAS

**1. Pengumpulan Data Baki Awal Aset Dan Liabiliti**

Pelaporan Prestasi Pengumpulan Data Baki Awal Aset Projek Perakaunan Akruan Kerajaan Persekutuan untuk 25 Kementerian dikemukakan kepada Ketua Setiausaha Perbendaharaan (KSP) dan semua Ketua Setiausaha (KSU) Kementerian secara sukuan tahun, manakala pelaporan ini dikemukakan kepada Ketua Akauntan Kementerian secara bulanan sepanjang tahun 2017.

**2. Verifikasi Data Baki Awal Aset Dan Liabiliti**

Verifikasi Data Baki Awal Aset Dan Liabiliti oleh Unit Audit Dalam (UAD) Kementerian telah dilaksanakan sebanyak dua (2) kali pada tahun 2017 iaitu bagi data *cut off* pada 30 Jun 2017 dan 31 Disember 2017.

**3. Migrasi Data Baki Awal Aset Dan Liabiliti**

Aktiviti Migrasi Data 1 dan 2 telah dilaksanakan pada tahun 2014, manakala Migrasi Data 3 telah dilaksanakan pada tahun 2015. Migrasi Data 4 telah dilaksanakan pada tahun 2016 dan Migrasi Data 5 telah dilaksanakan pada tahun 2017 melibatkan data daripada Kementerian, JANM Bahagian dan Pejabat Perakaunan JANM Negeri/Cawangan.

Aktiviti Migrasi Data 5 dilaksanakan bagi menguji data induk dan data transaksi *cut off* pada 31 Disember 2016. Migrasi Data 5 juga menguji keseimbangan data perakaunan dengan mengambil kira data yang berada di dalam sistem legasi sedia ada dan data yang dikumpul secara manual bagi menghasilkan Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan (PKKP).

Taklimat Aktiviti Migrasi Data Bagi Pelaksanaan 1GFMAS telah diadakan pada 24 Oktober 2017 yang dirasmikan oleh YBrs. Dr. Yacob bin Mustafa, Timbalan Akauntan Negara (Operasi). Tujuan taklimat ini diadakan adalah untuk memberi kefahaman mengenai data baki awal yang dibawa masuk ke dalam 1GFMAS semasa migrasi data sebenar serta melakukan aktiviti *sign off stage* 1 PKKP Kementerian. Taklimat ini melibatkan semua Ketua Akauntan dan Akauntan daripada 25 Kementerian dan empat (4) JANM Negeri terpilih.

Taklimat Aktiviti Migrasi Data Bagi Pelaksanaan 1GFMAS




**4. Garis Panduan Pelaksanaan Sistem 1GFMAS**

Garis Panduan Pelaksanaan (*Go Live*) 1GFMAS ini bertujuan untuk memberikan panduan kepada pengguna 1GFMAS, meliputi Kementerian, Jabatan dan Pusat Tanggungjawab (PTJ) mengenai tatacara persediaan pelaksanaan 1GFMAS mengikut fasa iaitu pra pelaksanaan, semasa pelaksanaan dan pasca pelaksanaan.

Garis panduan ini dikeluarkan secara berperingkat bagi membantu Kementerian, Jabatan dan PTJ sebagai pengguna 1GFMAS untuk lebih bersedia sebelum pelaksanaan *Go Live* 1GFMAS dibuat sepenuhnya serta bagi memudahkan semua pihak yang berkaitan untuk membuat rujukan segera berkaitan aktiviti-aktiviti dan prosedur yang diguna pakai mengikut fasa pelaksanaan 1GFMAS.

Garis panduan ini juga boleh dimuat turun dari laman sesawang Portal Rasmi Perakaunan Akruan iaitu www2.anm.gov.my.

## *SOFT LAUNCH* 1GFMAS

Majlis *Soft Launch* 1GFMAS yang dirasmikan oleh YBhg. Datuk Saat bin Esa, Akauntan Negara Malaysia telah diadakan pada 29 Disember 2017 di Dewan Serbaguna, JANM. Majlis ini disertai seramai 350 orang pegawai terdiri daripada Pengurusan Tertinggi JANM, Pengarah Bahagian JANM, Pengarah JANM Negeri, Ketua Akauntan Kementerian, pegawai-pegawai JANM serta wakil daripada Innovation Associates Consulting Sdn Bhd (iA) dan PricewaterhouseCoopers (PwC). Majlis ini merupakan pelancaran awal 1GFMAS *Go Live* menandakan sistem boleh diguna pakai oleh seluruh pengguna 1GFMAS bermula 1 Januari 2018.

# LAPORAN PENCAPAIAN

- MAJLIS BERSAMA JABATAN (MBJ)
- AKRAB

# MAJLIS BERSAMA JABATAN (MBJ)

Objektif MBJ JANM ditubuhkan adalah selaras dengan keperluan daripada pihak Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) berpandukan kepada Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 1992 bertajuk Penyusunan Semula Majlis Bersama Kebangsaan Pekerja-Pekerja Awam dan Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 3 Tahun 2002 bertajuk Majlis Bersama Jabatan Di Kementerian/Jabatan/Pihak Berkuasa Badan Berkanun/Pihak Berkuasa Tempatan. MBJ JANM merupakan salah satu medium dua hala di antara pihak pekerja dan pihak pengurusan untuk menyuarakan pendapat, pandangan serta menyumbangkan idea-idea yang bernas demi kepentingan dan kebaikan JANM. MBJ JANM juga berfungsi sebagai forum perbincangan rasmi di antara pihak pengurusan dan wakil pekerja bagi membincangkan hal-hal yang menjurus kepada kebajikan pekerja di JANM, di samping mengatasi sebarang masalah yang dihadapi oleh pihak pekerja.

Ahli-ahli mesyuarat terdiri daripada wakil pihak pengurusan iaitu Pengurusan Tertinggi JANM dan wakil pihak pekerja. Wakil pihak pekerja pula terdiri daripada seorang wakil dari setiap skim perkhidmatan yang berada di JANM. MBJ JANM sehingga suku ketiga dipengerusikan oleh YBhg. Dato' Haji Che Pee bin Samsudin, Akauntan Negara Malaysia manakala mesyuarat suku keempat pula telah dipengerusikan oleh YBhg. Tuan Saat bin Esa, Akauntan Negara Malaysia yang baharu dilantik berikutan persaraaan wajib YBhg. Dato' Haji Che Pee.

Pada tahun 2017, MBJ JANM telah bermesyuarat sebanyak empat (4) kali. Maklumat mesyuarat adalah seperti di Jadual 52.

Jadual 52 : Maklumat Mesyuarat Majlis Bersama Jabatan (MBJ)

| Bil. | Tarikh | Lokasi |
|---|---|---|
| 1. | 28 Feb 2017 | Ibu Pejabat JANM, Putrajaya |
| 2. | 19 Mei 2017 | Pulau Langkawi, Kedah |
| 3. | 8 Sep 2017 | Ibu Pejabat JANM, Putrajaya |
| 4. | 7 Dis 2017 | Ibu Pejabat JANM, Putrajaya |

Semua isu yang dibangkitkan oleh pihak pekerja telah berjaya diselesaikan oleh pihak pengurusan. Ringkasan penyelesaian isu adalah seperti di Jadual 53.

Jadual 53 : Isu Yang Dibangkitkan Pada Majlis Bersama Jabatan (MBJ)

| Jumlah Isu Dibangkitkan | Jumlah Isu Berjaya Diselesaikan | Jumlah Isu Yang Masih Tertunggak Dan Belum Diselesaikan (Selesai Tahun 2018) | Peratus Penyelesaian Isu (%) |
|---|---|---|---|
| 64 | 58 | 6 | 90.63 |

# AKRAB

## AHLI JAWATANKUASA AKRAB JANM BAGI TAHUN 2017 – 2018

**Bilangan Ahli AKRAB JANM : 64 Orang**
Lelaki : 25 | Perempuan : 39

**Bilangan Ahli AKRAB CARE : 22 Orang**
Lelaki : 7 | Perempuan : 15

**Penaung**
Akauntan Negara Malaysia

**Penasihat I**
Timbalan Akauntan Negara (Korporat)

**Penasihat II**
Pengarah BPPP

**Penyelaras**
Puan Nor Ziana Binti Awang
Pegawai Psikologi JANM

**Pengerusi**
Puan Fauziah Binti Abdullah

**Timbalan Pengerusi**
Puan Hanita Binti Bunjari

**Setiausaha**
Puan Siti Norhayati Binti Mohd Ali

**Penolong Setiausaha**
Puan A'iniah Binti Kamarudin

**JK Khas**
Mohd Asraf Bin Omar
(Pengerusi)

**Ahli**
1. Encik Mohd Izzuddin Bin Jasni (Setiausaha)
2. Encik Shafizol Bin Halifah
3. Encik Mohd Shahrizan Bin Mhd Salamat
4. Puan Liliwaty Binti Abd Rahman

**JK Penerbitan dan Dokumentasi**
Encik Mohd Khairuddin Bin A. Mulok
(Pengerusi)

**Ahli**
1. Puan Lilydiana Binti Mohd Noor (Setiausaha)
2. Encik Muhd Naguib Bin Sulaiman
3. Puan Norzila Binti Ngadiman
4. Puan Farah Azleen Binti Abdul Rahim

**JK Kebajikan dan Sosial**
Puan Tun Noor Adillah Binti Mohammed Sohami
(Pengerusi)

**Ahli**
1. Cik Kaslinda Binti Sudin (Setiausaha)
2. Puan Zuraidah Binti Ishak
3. Puan Norazizah Binti Idris
4. Puan Ainunhamimi Binti Mohd Soberi

**JK Program dan Kompetensi**
Puan Norazlina Binti Zakaria
(Pengerusi)

**Ahli**
1. Puan Hamiza Binti Hamdan (Setiausaha)
2. Encik Fadli Bin Deraman
3. Encik Mohd Nor Hisham Bin Abu Bakar
4. Puan Mastura Binti Azmi

**Wakil Zon**

**Sabah**
Puan Normata @ Normalati Binti Amat

**Sarawak**
Encik Chong Chun Yen

**Timur**
Puan Rosnani Binti Hashim

**Utara**
Encik Mohd Kamalul Ariffin Bin Mohd Fadzir

**Selatan**
Puan Rafidah Binti Mohd Said

AKRAB adalah program Pembimbing Rakan Sekerja berkonsepkan rakan membantu rakan berteraskan kepada Asas Kaunseling Profesional. Objektif AKRAB JANM adalah untuk menyediakan perkhidmatan membimbing bagi membantu rakan sekerja meningkatkan potensi dan kecemerlangan diri. Jadual 54 merupakan butiran aktiviti AKRAB JANM sepanjang tahun 2017.

Jadual 54 : Aktiviti AKRAB JANM Sepanjang Tahun 2017

| Bil. | Aktiviti | Tarikh | Tempat | Keterangan Aktiviti / Bil. Peserta |
|---|---|---|---|---|
| 1. | Pembentangan Kertas Kajian Penyelidikan bertajuk Penerapan *Cognitive Behaviour Therapy* (CBT) Untuk Klien Gay: Kajian Kes Di IPT sempena Simposium Psikologi Dan Kesihatan Sosial-I 2017 (SPKS-I 2017) | 17 Mei 2017 | Fakulti Psikologi dan Pendidikan, Universiti Malaysia Sabah | Penyertaan sebagai salah seorang pembentang kertas kajian penyelidikan adalah tindakan proaktif serta minat yang mendalam dalam bidang psikologi oleh ahli AKRAB JANM Sabah, Puan Normata @ Normalati binti Amat. |
| 2. | Kursus Forensik Diri anjuran AKRAB JANM dengan kerjasama BPPP | 4 Okt 2017 | Dewan Serbaguna, JANM | Meningkatkan motivasi keseronokan bekerja dan kesetiaan kepada organisasi, *rebranding* nilai diri menjadi orang baharu yang melibatkan audit kendiri. Kursus dikendalikan oleh ILR IMPACT LEARNING & RESOURCES.<br><br>**Bil Peserta** : 145 orang |
| 3. | Ziarah Pusat Tahfiz Darul Quran Ittifaqiyah | 8 Okt 2017 | Pusat Tahfiz Darul Quran Ittifaqiyah, Kampung Datuk Keramat, Kuala Lumpur | Ziarah dilakukan oleh wakil AKRAB JANM Sabah bersama beberapa individu lain yang turut serta untuk meningkatkan silaturahim dan memberikan semangat dan sokongan sesama umat Islam. |
| 4. | Kursus Pemantapan Kendiri Dan Organisasi Ke Arah Pelaksanaan Perakaunan Akruan 2018 anjuran BPTM | 24 – 26 Nov 2017 | Hotel Straits & Suites, Melaka | AKRAB BPTM telah dilantik menjadi urus setia bersama dan bertanggungjawab mengendalikan Latihan Dalam Kumpulan (LDK).<br><br>**Bil Peserta** : 97 orang |

Jadual 55 : Laporan Jumlah Sesi Bimbingan Kaunseling Sepanjang Tahun 2017

| Bil. / Perkara | Kesihatan | Kerjaya | Peribadi | Pem. Kendiri | Prestasi | Jumlah |
|---|---|---|---|---|---|---|
| Lelaki | 1 | 7 | 3 | 10 | 2 | 23 |
| Perempuan | 8 | 49 | 31 | 24 | 23 | 135 |
| **Jumlah** | **9** | **56** | **34** | **34** | **25** | **158** |

Kursus Forensik Diri Pada 4 Oktober 2017 Di Dewan Sebaguna, JANM

# PERSATUAN

- PSA
- PERPENA
- PERBAKTI
- PUSPANITA
- JHEAIN

# PERSATUAN AKAUNTAN SEKTOR AWAM MALAYSIA (PSA)

## AHLI MAJLIS PSA SESI 2017/2018

**Presiden**
YBrs. Encik Jafril bin Junit

**Timbalan Presiden**
Encik Zaharin bin Othman

**Setiausaha Kehormat**
Encik Abdul Majid bin Salleh

**Pembantu Setiausaha**
Encik Mohamad Saiful Nizam Khan bin Abdul Sattar

**Bendahari Kehormat**
Cik Saadiah binti Yaacob

**Pembantu Bendahari I**
Encik Amirul Sufri bin Mohd Saharudin

**Pembantu Bendahari II**
Cik Siti Nur Idayu binti Md Nor

**Pengerusi Biro Ekonomi**
Encik Mohd Farid bin Mohd Khalid @ Ayob

**Timbalan Pengerusi Biro Ekonomi**
Encik Saly Ezmi bin Solisan

**Pengerusi Biro Kebajikan dan Sosial**
Encik Mohd Shahrul Rezal bin Mohd Ali

**Pengerusi Biro Profesional**
YBrs. Dr. N. Farahin binti Ali @ Ibrahim

**Timbalan Pengerusi Biro Profesional**
Encik Mohamed Syamsuddi bin Mohamed Shamsudin

**Pengerusi Biro Keahlian**
Puan Naharriah binti Mohamed

**Timbalan Pengerusi Biro Keahlian**
Puan Hariyanti binti Dahlan

**Pengerusi Biro Komunikasi**
Encik Muhammad Hadi bin Harith

## MESYUARAT AGUNG TAHUNAN PSA KE-28

Mesyuarat Agung Tahunan PSA Ke-28 telah diadakan pada 14 Ogos 2017 bertempat di Grand Ballroom, Hotel Equatorial, Pulau Pinang bersempena Persidangan Akauntan Sektor Awam Kebangsaan Kali Ke-28. Majlis perasmian telah disempurnakan oleh YBhg. Dato' Haji Che Pee bin Samsudin, Akauntan Negara Malaysia (ANM) selaku Penaung PSA. Seramai 151 orang ahli dari pelbagai Kementerian, Jabatan, Agensi dan Bendahari telah hadir ke mesyuarat tersebut. Pada mesyuarat agung kali ini, tiga (3) orang Ahli Majlis sesi 2016/2017 telah melepaskan jawatan dan pemilihan bagi tiga (3) orang Ahli Majlis dan dua (2) orang juruaudit yang baharu bagi sesi 2017/2018 telah diadakan.

## PERSIDANGAN AKAUNTAN SEKTOR AWAM KEBANGSAAN KE-28

Persidangan Akauntan Sektor Awam merupakan persidangan dwi tahunan perkhidmatan akauntan sektor awam. Pada tahun 2017, JANM dengan kerjasama PSA telah menganjurkan Persidangan Akauntan Sektor Awam Kebangsaan Ke-28 pada 15 hingga 16 Ogos 2017 bertempat di Hotel Equatorial, Pulau Pinang. Pemilihan tema **"Integrity.Trustworthy.Sustainability"** adalah bertepatan dalam memastikan kelestarian peranan dan fungsi akauntan sektor awam seterusnya memperkasakan profesion perakaunan sektor awam.

Majlis perasmian persidangan telah disempurnakan oleh YB. Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani, Menteri Kewangan II. Manakala majlis penutup persidangan telah disempurnakan oleh YB. Dato' Wira Othman bin Aziz, Timbalan Menteri Kewangan I.

Sepanjang persidangan berlangsung, enam (6) kertas kerja telah dibentangkan.

| Bil. | Kertas Kerja | Tajuk | Pembentang |
|---|---|---|---|
| 1. | Kertas Kerja 1 | *Governance & Accountability : The Role of Public Accountants in Governance & Accountability* | YBhg. Datuk Muhammad Ibrahim (Gabenor Bank Negara Malaysia) |
| 2. | Kertas Kerja 2 | *Professional Accountants - The Future, 50 Drivers of Change in the Public Sector* | Maggie McGhee (*Director of Professional Insights, ACCA UK*) |
| 3. | Kertas Kerja 3 | *Economic Outlook* | YBhg. Professor Emeritus Dr. Zakariah Abdul Rashid (*Executive Director* MIER) |
| 4. | Kertas Kerja 4 | *Leadership* | Encik Novie Tajuddin (*Director Strategy & Engagement*, Yayasan Peneraju) |
| 5. | Kertas Kerja 5 | *Shared Services* | Dr. John Kidd (*Director of* UNDP) |
| 6. | Kertas Kerja 6 | *Healthy Lifestyle* | Encik Kevin Zahri Abdul Ghaffar (*Health & Fitness Celebrity*, KZ Events Sdn. Bhd) |

## PERTANDINGAN PSA *MOTOHUNT* 2017

Biro Ekonomi telah berjaya menganjurkan Pertandingan PSA *Motohunt* 2017 pada 12 Mac 2017 bermula di Bangunan Ibu Pejabat, JANM. Sebanyak 32 pasukan telah menyertai pertandingan ini termasuk pasukan Bank Muamalat, selaku penaja rasmi *Motohunt* 2017. Program dimulakan dengan senamrobik sebelum pelepasan peserta oleh YBhg. Dato' ANM. Peserta telah diuji dengan pengetahuan am, kecergasan anggota dan juga menghubungkan kaitan antara jawapan di lokasi *checkpoint*.

## PENYELARAS BAGI PENYERTAAN AKAUNTAN SEKTOR AWAM KE PERSIDANGAN ANTARABANGSA

Buat julung-julung kalinya PSA telah menyelaras penyertaan akauntan-akauntan sektor awam untuk menyertai beberapa persidangan antarabangsa pada tahun 2017. Penyertaan ini bertujuan untuk memberi pendedahan kepada peserta berhubung isu dan perkembangan semasa dalam perakaunan sektor awam di peringkat antarabangsa. Selain itu, program sebegini memberi peluang kepada peserta untuk menimba ilmu pengetahuan berhubung polisi dan tatacara perakaunan yang diamalkan di negara lain seterusnya membangunkan profesionalisme perkhidmatan perakaunan sektor awam. Antara persidangan yang dihadiri adalah seperti berikut:

| Bil. | Persidangan | Tarikh | Tempat | Peserta |
|---|---|---|---|---|
| 1. | CIPFA *Scotland Annual Public Finance Conference 2017* | 30 – 31 Mac 2017 | St Andrews, Scotland | 10 orang |
| 2. | *19th International Conference on Management, Finance and Accounting* (ICMFA) | 24 – 27 Mei 2017 | Barcelona, Sepanyol | 12 orang |
| 3. | Persidangan Tahunan *The Chartered Institute of Public Finance and Accountancy* (CIPFA) | 12 – 14 Jul 2017 | Manchester, United Kingdom | 5 orang |

# PERSATUAN PENOLONG AKAUNTAN JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA (PERPENA)

## AHLI MAJLIS PERPENA SESI 2016/2018

**Penaung**
YBrs. Encik Saat bin Esa

**Penasihat**
YBrs. Dr. Yacob bin Mustafa

**Presiden**
Encik Arif bin Awang @ Abdullah

**Timbalan Presiden**
Encik Ahmad Yazid bin Md Lani

**Setiausaha**
Cik Kaslinda binti Sudin

**Penolong Setiausaha**
Cik Nor Azneyani binti Zakaria

**Bendahari**
Cik Sakinah binti Mohamed Yunus

**Biro Pembangunan Kerjaya**
Encik Azelan bin Tuman
Encik Ruzi bin Pungot
Puan Vasugi a/p M. Sethu

**Biro Keahlian**
Puan Nor Azah binti Mad Ali
Puan Madihah binti Md Nor
Puan Normala binti Hamzah

**Biro Kebajikan**
Encik Ngah bin Hitam
Puan Suhaila binti Md Salim
Tuan Hj. Umar bin Hj.Simam

**Biro Sukan dan Rekreasi**
Encik Abdul Samad bin Asmawi
Encik Mohd Ridzal bin Md Yusof
Encik Roslan bin Mohd Damri

**Biro Publisiti dan Web**
Encik Mohd Shahrizan bin Mhd Salamat
Encik Redzuan bin Shahidan

**Pemeriksa Kira-Kira**
Encik Kamsiazrul bin Sidek
Puan Misrah binti Jais

## MESYUARAT AGUNG TAHUNAN PERPENA KALI KE-3

Mesyuarat Agung Tahunan PERPENA Kali Ke-3 telah diadakan pada 29 September 2017 bertempat di Dewan Serbaguna, JANM. Mesyuarat ini telah dirasmikan oleh penasihat PERPENA iaitu YBrs. Dr. Yacob bin Mustafa, Timbalan Akauntan Negara (Korporat). Mesyuarat yang telah dihadiri oleh 72 orang ahli ini diadakan bertujuan untuk membentangkan Penyata Kewangan Tahun 2016 dan telah menerima beberapa usul berkaitan pembangunan kerjaya Penolong Akauntan Sektor Awam.

Ucapan Perasmian Oleh YBrs. TAN (K)

Barisan Ahli Jawatankuasa PERPENA Sesi 2016/2018

Penyampaian Cenderahati Kepada YBrs. TAN (K)

Pendaftaran Ahli PERPENA

# PERSATUAN PEMBANTU AKAUNTAN SEKTOR AWAM MALAYSIA (PERBAKTI)

## AHLI JAWATANKUASA PERBAKTI TAHUN 2017

**Penaung**
YBrs. Encik Saat bin Esa

**Penasihat**
YBrs. Encik Jafril bin Junit

**Yang Dipertua**
Encik Mio Asni bin Haji Mio Azlan

**Naib Yang Dipertua**
Encik Arbain bin Talib

**Setiausaha**
Puan Noor Azlina binti Kadeh

**Pen. Setiausaha**
Encik Mohd Zulfikri bin Ab Jalil

**Bendahari**
Encik Ahmad Hilmi bin Abd Wahab

**Ahli Jawatankuasa**
Encik Zakaria bin Arjam
Encik Alias bin Che Rose
Encik Mohd Hairildha bin Urif
Encik Wan Ainol Hasnan bin W.Kassim
Puan Ramsuhaida binti Ramli
Puan Saida binti Mumin
Encik Zulkarnain bin Saleh
Puan Masitah binti Hashim

**Wakil Zon Utara**
Encik Majib bin Jussoh

**Wakil Zon Timur**
Encik Mohd Nawi bin Besar

**Wakil Zon Tengah**
Puan Siti Nashrah binti Mohd Razali

**Wakil Zon Barat**
Encik Mohd Hairul Shahril bin Jaafar

**Wakil Zon Selatan**
Kosong

**Wakil Sabah/Sarawak**
Puan Norieta binti Hambali

**Pemeriksa Kira-Kira I**
Puan Ana Umilhusna binti Zulkifli

**Pemeriksa Kira-Kira II**
Puan Siti Noraishah binti Mastuki

## HARI JUALAN PERBAKTI

PERBAKTI telah menganjurkan Hari Jualan PERBAKTI sebanyak dua (2) kali sepanjang tahun 2017 iaitu pada 27 Februari hingga 28 Februari 2017 dan 28 Ogos hingga 29 Ogos 2017. Hari Jualan PERBAKTI mendapat sambutan yang amat menggalakkan daripada para peniaga sekitar Putrajaya dan Bangi.

## PERSIDANGAN PEMBANTU AKAUNTAN SEKTOR AWAM KALI KE-7

Persidangan Pembantu Akauntan Sektor Awam Kali Ke-7 yang dianjurkan oleh JANM dengan kerjasama PERBAKTI telah diadakan di Tower Regency Hotel, Ipoh, Perak pada 22 Mei hingga 24 Mei 2017. Seramai 399 orang peserta telah menghadiri persidangan ini.

Urus Setia Persidangan Pembantu Akauntan Sektor Awam Kali Ke-7 Bergambar Bersama YBhg. Dato' Haji Che Pee bin Samsudin, Akauntan Negara Malaysia

## MESYUARAT AGUNG PERBAKTI

Mesyuarat Agung Tahunan PERBAKTI Kali Ke-7 telah diadakan pada 22 Mei 2017 bertempat di Tower Regency Hotel, Ipoh, Perak. Seramai 250 orang ahli dari pelbagai Kementerian dan Jabatan telah menghadiri mesyuarat agung tersebut. Mesyuarat agung pada kali ini tidak mengadakan pemilihan Ahli Jawatankuasa Induk PERBAKTI yang baharu tetapi hanya membincangkan usul-usul berbangkit dan baharu sahaja.

Mesyuarat Agung PERBAKTI Kali Ke-7

# PERSATUAN SURI DAN ANGGOTA PERKHIDMATAN AWAM MALAYSIA (PUSPANITA) JANM

## AHLI JAWATANKUASA PUSPANITA JANM TAHUN 2017

**Pengerusi**
YBhg. Datin Hajah Fuziah binti Ahmad
(sehingga 15 Oktober 2017)

Puan Rugayah binti Mohd Zin
(mulai 16 Oktober 2017)

**Timbalan Pengerusi I**
Puan Jasmin binti Adnan

**Timbalan Pengerusi II**
YBhg. Datin Nazriyah binti Darus

**Ketua Pegawai Operasi**
Puan Noraida binti Alias

**Setiausaha**
Puan Fatimah binti Mohd Yazid

**Penolong Setiausaha**
Puan Norhidayah binti Sumari

**Bendahari**
Cik Sunita binti Mohd Sari

**Penolong Bendahari**
Puan Noor Azmy Shuhada binti Ahamad

**Biro Ekonomi dan Keahlian**
Cik Siti Nurbaya binti Yaudin
Puan Norazwin binti Zainal
YBhg. Datin Zuraidah binti Ishak
Puan Roszalina binti Ruslan
Cik Melissa binti Edrickson

**Biro Kebajikan dan Agama**
Puan Julia binti Kasdi
Cik Amiza binti Jaafar
(sehingga September 2017)
Puan Siti Hajar binti Abu Bakar
Puan Masitah binti Ab.Ghani
Puan Zuraini binti Supian

**Biro Pendidikan dan Kesihatan**
Puan Noor Fazriyana binti Tajuddin
(sehingga September 2017)
Puan Hasmah binti Darmawi
Puan Farah Hana binti Abdul Rahman

**Biro Sosial dan Sukan**
Cik Mas Ayu binti Johari
Puan Zuliza binti Razali

## PROGRAM MOTIVASI JATI DIRI DAN KASIH AGAMA ANJURAN PUSPANITA JANM

Pada 17 Februari 2017, PUSPANITA JANM telah menganjurkan program motivasi dan kasih agama berkaitan sejarah Natrah yang telah disampaikan oleh Puan Sri Fatini binti Yaacob, Pengerusi Eksekutif Yayasan Kasih Tauhid. Turut diadakan semasa program tersebut adalah pertandingan gubahan tuala dan bunga sebagai aktiviti sampingan.

## PROGRAM CERAMAH ISLAM ANJURAN PUSPANITA JANM

PUSPANITA JANM telah menganjurkan ceramah bertajuk "Hak-hak Wanita Dalam Islam" pada 10 Mac 2017 bertempat di Dewan Serbaguna, JANM.

## PROGRAM TADARUS DAN KHATAM AL-QURAN

Biro Agama dan Kebajikan PUSPANITA JANM telah menganjurkan program Tadarus dan Khatam Al-Quran pada 9 Jun 2017 bertempat di Surau Perbendaharaan, Kementerian Kewangan.

## PROGRAM *SMART* SOLAT

Program Smart Solat telah diadakan pada 13 Jun 2017 bertempat di Auditorium Kementerian Kewangan anjuran Biro Agama PUSPANITA JANM dengan kerjasama Pusat Pungutan Zakat. Program *Smart* Solat tersebut telah dipimpin oleh Ustaz Don Daniyal bin Don Biyajid dan Ustaz Nushi Mahfodz.

## PROGRAM MINI KARNIVAL PUSPANITA

Program Mini Karnival Puspanita telah diadakan pada 22 Disember 2017 bertempat di Dewan Serbaguna, JANM. Pelbagai aktiviti telah dijalankan semasa Mini Karnival tersebut antaranya adalah pertandingan mewarna kanak-kanak, pertandingan gubahan tuala dan bunga serta demo tatarias ke pejabat dan majlis. Di samping itu juga, terdapat pelbagai *booth* jualan dan pemeriksaan kesihatan.

# JAWATANKUASA HAL EHWAL AGAMA ISLAM JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA (JHEAIN)

## AHLI JAWATANKUASA JHEAIN TAHUN 2017

**Pengerusi**
YBhg. Dato' Roslan bin A. Rahman

**Timbalan Pengerusi I**
Tuan Hj. Mat Nazri bin Harmine

**Timbalan Pengerusi II**
Encik Mohd Khairuddin bin A. Mulok

**Setiausaha I**
Encik Mohd Taufik bin Hj. Ahmad

**Setiausaha II**
Puan Norbaini binti Ibrahim

**Bendahari I**
Encik Osman bin Mantali

**Bendahari II**
Puan Nik Salma Irwani binti Ibrahim

**AJK**
Puan Zyerullida binti Shaharuddin
Encik Wan Mohd Aswad bin Wan Harun
Encik Shahrul Anwar bin Sahar
Encik Ismail Fahmi bin Abdul Manan
Encik Haris bin Che Hassim
Encik Azlan bin Idris
Encik Zakaria bin Arjam
Puan Nor Azneyani binti Zakaria

## AKTIVITI JHEAIN TAHUN 2017

JHEAIN telah menganjurkan pelbagai program dan aktiviti berkaitan agama Islam sepanjang tahun 2017. Program dan aktiviti kerohanian tersebut adalah berbentuk penyampaian ceramah agama daripada penceramah jemputan berunsurkan penerapan dan penghayatan nilai murni kepada warga kerja JANM. Program ini diadakan bertujuan memberi kesedaran dan kefahaman tentang ilmu keagamaan kepada warga kerja JANM.

Berpaksikan ilmu agama yang kukuh, adalah diharapkan program ini dapat menyuntik motivasi kepada seluruh warga JANM bagi meningkatkan mutu dan etika kerja seterusnya menyumbang kepada peningkatan produktiviti Jabatan. Pelaksanaan program ini adalah dengan usaha sama di antara Bahagian Pembangunan Perakaunan dan Pengurusan (BPPP) dan JHEAIN. Sepanjang tahun 2017, antara program keagamaan yang telah dijalankan adalah seperti berikut:

Jadual 56 : Program Anjuran JHEAIN Bagi Tahun 2017

| Bil. | Program | Tarikh | Bil. Peserta |
|---|---|---|---|
| 1. | Ceramah Sempena Sambutan Maulidur Rasul 1438H<br><br>Tajuk Ceramah:<br>Keberadaan Amalan Penghidupan Rasullullah S.A.W Dalam Kehidupan Kita<br><br>Penceramah:<br>Ustaz Ebit Irawan bin Ibrahim Lew | 5 Jan 2017 | 300 |
| 2. | Majlis Bacaan Yasin Perdana Bersama YBhg. Dato' ANM | 13 Jan 2017 | 150 |
| 3. | Majlis Berbuka Puasa JANM 1438H Dan Ceramah Penghayatan Al-Quran Dalam Budaya Kerja | 9 Jun 2017 | 350 |
| 4. | Ceramah Sempena Awal Muharam 1439H<br><br>Tajuk Ceramah:<br>Hijrah Diri, Keluarga Dan Masyarakat<br><br>Penceramah:<br>YBhg. Ustaz Dato' Dr. Izhar Ariff bin Mohd Kashim Dari UKM | 2 Okt 2017 | 300 |
| 5. | Majlis Bacaan Yasin Perdana Sempena Pelancaran Sistem 1GFMAS | 28 Dis 2017 | 150 |

Antara objektif penganjuran aktiviti-aktiviti tersebut adalah seperti berikut:

- Memperingati dan meraikan hari-hari kebesaran dalam Islam.
- Menghayati dan mengamalkan nilai murni berlandaskan syariat Islam dalam menjalankan tugas seharian.
- Memupuk sifat pembudayaan ilmu secara berterusan di kalangan warga kerja JANM.
- Meraikan asnaf-asnaf penerima zakat bagi peruntukan zakat yang disalurkan oleh PPZ-MAWIP.
- Memohon rahmat dan pertolongan Allah S.W.T agar mempermudahkan pelaksanaan Sistem 1GFMAS.

Ahli Jawatankuasa JHEAIN Bersama YBhg. Dato' ANM Dan YBhg. Ustaz Dato' Dr. Izhar Ariff Semasa Program Ceramah Sempena Awal Muharam 1439H

Majlis Berbuka Puasa JANM 1438H

# KELAB

- BERKAT
- KESAN

# BADAN KEBAJIKAN PERKHIDMATAN PERAKAUNAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA (BERKAT)

## AHLI JAWATANKUASA BERKAT TAHUN 2017

**Pengerusi**
YBrs. Encik Saat bin Esa

**Timbalan Pengerusi**
Kosong

**Setiausaha**
Puan Noor Azlina binti Che Jian

**Penolong Setiausaha**
Encik Mohd Izzuddin bin Jasni

**Bendahari**
Puan Hanita binti Bunjari

**Penolong Bendahari**
Puan Khariani binti Ayob

**AJK Sosial**
YBhg. Dato' Zamimi bin Awang

**AJK Pendidikan**
Puan Loh Siow Hui

**AJK Keahlian**
Encik Jafril bin Junit

**AJK Kebajikan**
Encik Abdul Majid bin Salleh

**AJK Kesihatan**
Encik Rosdi bin Abu

**AJK Promosi dan Komunikasi**
Puan Ruzinah binti Rukun

Matlamat BERKAT adalah untuk menjalankan aktiviti kebajikan kepada ahli-ahlinya. Keahlian BERKAT adalah automatik bagi semua anggota yang berkhidmat di JANM dan semua anggota Perkhidmatan Perakaunan yang berumur 18 tahun ke atas serta warganegara Malaysia. Keahlian secara automatik ini memberi peluang kepada semua ahli menyumbang kepada ahli lain yang memerlukan bantuan.

Pada tahun 2017, sebanyak 527 permohonan diterima berbanding tahun sebelumnya, iaitu 233 permohonan. Sebanyak 463 permohonan mematuhi kriteria kelayakan bantuan yang berjaya melibatkan bayaran sebanyak RM101,560.00 iaitu peningkatan sebanyak 105.15% dari tahun 2016 di mana 233 permohonan dipertimbang berjumlah RM49,030.00. Pecahan kelulusan bayaran mengikut kategori bantuan Kebajikan, Kesihatan, Sosial dan Pendidikan adalah seperti berikut:

Jadual 57 : Pecahan Sumbangan Mengikut Kategori Tahun 2017

| Kategori Bantuan | Permohonan | Kelulusan | Jumlah (RM) |
|---|---|---|---|
| Sosial | 101 | 98 | 17,400.00 |
| Kebajikan | 132 | 119 | 34,650.00 |
| Kesihatan | 121 | 107 | 13,850.00 |
| Pendidikan | 173 | 154 | 35,660.00 |
| **Jumlah** | **527** | **478** | **101,560.00** |

Carta 27 : Peratusan Sumbangan Mengikut Kategori Tahun 2017




Perincian mengenai bantuan yang disalurkan mengikut kepada kategori adalah seperti berikut:

Jadual 58 : Perincian Bantuan Mengikut Kategori

| Sosial | Kebajikan | Kesihatan | Pendidikan |
|---|---|---|---|
| Bantuan perayaan utama mengikut agama/kaum ahli yang susah | Bantuan bencana alam | Ahli/keluarga mengalami masalah kesihatan yang teruk atau kritikal | Bantuan persekolahan anak ahli yang susah |
| | Bantuan kematian ahli | Ahli/keluarga mengalami kecederaan yang parah akibat daripada kemalangan | Bantuan masuk Institut Pengajian Tinggi (IPT) |
| | Bantuan kematian keluarga ahli | Membeli peralatan sokongan bagi kurang upaya sekiranya ahli/keluarga tidak dibiayai/ mendapat bantuan kerajaan | Anugerah kepada anak ahli yang cemerlang dalam peperiksaan |
| | Lain-lain bantuan kepada ahli dalam kesusahan | Ahli/keluarga memasuki wad bagi mendapat rawatan (kecuali masuk wad kerana bersalin) | |
| | | Ahli/keluarga memasuki wad bagi mendapat rawatan kerana keguguran | |

Nota: Ahli yang susah – pendapatan kasar bulanan ahli dan suami/isteri RM4,000.00 dan ke bawah.

Garis panduan bantuan/sumbangan BERKAT sentiasa disemak dan ditambah baik dari semasa ke semasa agar seiring dengan perkembangan semasa. Garis panduan permohonan bantuan BERKAT boleh disemak melalui portal JANM.

# KELAB SUKAN JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA (KESAN)

## AHLI JAWATANKUASA KESAN TAHUN 2017

**Yang Dipertua**
YBrs. Dr. Yacob bin Mustafa

**Naib Yang Dipertua**
Encik Azeman bin Miskah

**Bendahari Kehormat**
Cik Sunita binti Mohd Sari

**Setiausaha Kehormat**
Puan Norfarazila binti Abdul Rahim

**Penolong Bendahari**
Encik Muhammad Shahidan Ameer bin Hammad

**Penolong Setiausaha**
Encik Alizan bin Abd Razali

**Ketua Biro Rekreasi**
Encik Shahlan bin Md Shukor

**AJK Biro Rekreasi**
Encik Norjayadi bin Musleh
Puan Sharidah binti Harun

**Ketua Biro Sukan**
Cik Haryati binti Sapihis

**AJK Biro Sukan**
Cik Azliana Azlin binti Lamakasauk
Encik Mohd Shahrul Rezal bin Mohd Ali

**Ketua Biro Sosial**
Encik Osman bin Mantali

**AJK Biro Sosial**
Encik Muhamad Hanif bin Baharuddin
Encik Mohd Al-Hafiz bin Ahmad

KESAN terdiri daripada Jawatankuasa Tertinggi dan juga tiga (3) biro iaitu Biro Rekreasi, Biro Sukan dan Biro Sosial. Sepanjang tahun 2017, KESAN telah menganjurkan pelbagai aktiviti bagi memastikan semua ahli KESAN mendapat manfaat daripada sumbangan yang telah diberikan oleh semua ahli, di samping mengukuhkan silaturahim di kalangan ahli-ahli KESAN.

## PESTA SUKAN PERBENDAHARAAN (PSP) KALI KE-27

PSP merupakan acara tahunan yang dianjurkan oleh Kelab Perbendaharaan. Pada tahun 2017, PSP Kali Ke-27 telah berlangsung dari 2 Mei hingga 15 Mei 2017 dengan 16 acara sukan telah dipertandingkan. Pasukan *Excellent* JANM sekali lagi telah dinobatkan sebagai juara keseluruhan PSP 2017 dengan merangkul 10 pingat emas, empat (4) perak dan empat (4) gangsa.

Pasukan *Excellent* JANM Dinobatkan Sebagai Johan Keseluruhan PSP 2017

Pasukan *Excellent* Bagi Sukan Ping Pong

## PROGRAM REKREASI DAN *CORPORATE SOCIAL RESPONSIBILITY* (CSR) DI PULAU TIOMAN, PAHANG

Program Rekreasi dan *Corporate Social Responsibility* (CSR) di Pulau Tioman, Pahang telah diadakan pada 27 Julai hingga 30 Julai 2017. Program anjuran bersama Bank Muamalat Malaysia Berhad (BMMB) ini telah disertai oleh 67 orang ahli KESAN dan 10 orang wakil daripada BMMB. Selain daripada aktiviti rekreasi yang dilakukan oleh peserta seperti kayak dan *sunset view*, mendaki Mukut *Waterfall, snorkelling* dan memancing, peserta juga didedahkan dengan aktiviti CSR iaitu *Clean The Beach*. Semua peserta bekerjasama membersihkan pesisir pantai di sekitar tempat penginapan.

## PROGRAM IBADAH KORBAN KELAB PERBENDAHARAAN

Program anjuran Kelab Perbendahaaran dengan kerjasama KESAN ini telah diadakan pada 4 September 2017 dan disertai oleh 10 orang ahli KESAN. Program ini diadakan di kawasan lapang berhampiran bulatan di antara Jabatan Kastam Diraja Malaysia dan Blok Utara Perbendaharaan Malaysia. Program ini telah dirasmikan oleh YBhg. Tan Sri Dr. Mohd Irwan Serigar bin Abdullah, Ketua Setiausaha Perbendaharaan.

## PROGRAM ANM TENGGIRI *HUNT* 2017 DI PERAIRAN LAUT KUALA KEDAH, KEDAH DARUL AMAN

Program ANM Tenggiri *Hunt* 2017 anjuran KESAN bersama Bank Muamalat Malaysia Berhad (BMMB) telah diadakan pada 6 Oktober hingga 8 Oktober 2017. Program ini diadakan di perairan laut Kuala Kedah kerana kedudukannya yang strategik iaitu di selatan Laut Andaman yang kaya dengan pelbagai spesis ikan. Program yang disertai oleh 49 orang ahli KESAN dan enam (6) peserta dari BMMB memberi pendedahan berkenaan suasana dan keadaan laut yang memiliki pelbagai jenis ikan. Sepanjang program tersebut, peserta diberi pendedahan dan mempraktikkan teknik tangkapan ikan seperti teknik *casting, popping, jigging, apolo, trolling, bottom* dan teknik tangkapan ikan hidup dihanyutkan menggunakan belon. Pada akhir program, semua peserta dengan disiplin diri dan semangat berpasukan yang tinggi, mengharungi ombak di lautan selama satu (1) hari telah berjaya mempelajari dan mempraktikkan teknik tangkapan dan berjaya menawan beberapa spesis ikan seperti ikan tenggiri, cencaru, talang, todak, gerut-gerut dan kerapu.

# AHLI JAWATANKUASA LAPORAN AKTIVITI JANM 2017

**Penaung**
YBhg. Datuk Saat Bin Esa
Akauntan Negara Malaysia

**Penasihat**
YBhg. Dato' Zamimi Bin Awang
Timbalan Akauntan Negara (Korporat)

**Pengerusi**
YBrs. Encik Jafril Bin Junit
Pengarah Bahagian Pembangunan Perakaunan dan Pengurusan

**Ahli Jawatankuasa**

| | |
|---|---|
| Puan Noor Azlina Binti Che Jian | (Wakil SPKP, BPPP) |
| Puan Naharriah Binti Mohamed | (Wakil SPPS, BPPP) |
| Encik Mohamad Fareez Bin Abd Wahab | (Wakil SPPS, BPPP) |
| Puan Fauziah Binti Abdullah | (Wakil SKPSM, BPPP) |
| Cik Nuraini Binti Ismail | (Wakil SKPSM, BPPP) |
| Encik Fakhri Bin Abdul Rahman | (Wakil SKPSM, BPPP) |
| Puan Masdita Binti Md Dan | (Wakil BA MOF) |
| Puan Zuriyanti Binti Abd Hamid | (Wakil BPOPA) |
| Encik Yazid Bin Abd Razak | (Wakil BWTD) |
| Puan Zetiakmal Binti Abdul Muiz | (Wakil PPPA) |
| Cik Varalaksimy A/P Gangan | (Wakil BPOPP) |
| Puan Norzuraida Binti Hassan | (Wakil BPTM) |
| Puan Suhaiza Binti Mohd Abolah | (Wakil BKP) |
| Encik Kamsiazrul Bin Sidek | (Wakil BPAD) |
| Encik Noramin Bin Juminen | (Wakil IPN) |
| Puan Tun Noor Adillah Binti Mohammed Sohami | (Wakil Unit Integriti) |
| Puan Siaw Chooi Chin | (Wakil Unit Undang-undang) |
| Encik Muhammad Hadi Bin Harith | (Wakil PSA) |
| Cik Kaslinda Binti Sudin | (Wakil PERPENA) |
| Puan Noor Azlina Binti Kadeh | (Wakil PERBAKTI) |
| Encik Mohd Izzuddin Bin Jasni | (Wakil BERKAT) |
| Puan Norfarazila Binti Abdul Rahim | (Wakil KESAN) |
| Encik Mohd Taufik Bin Ahmad | (Wakil JHEAIN) |
| Puan Fatimah Binti Mohd Yazid | (Wakil PUSPANITA) |
| Puan Siti Norhayati Binti Mohd Ali | (Wakil AKRAB) |

**Urus Setia**
Puan Faziyatun Binti Mohamed Yahya
Cik Norfaezah Binti Amad Bistomam
Puan Siti Hanani Binti Baharom
Encik Au Chong Yee
Cik Hajar Binti Abd Razak
Puan Nor Idayu Binti Md Suptian
Encik Mohd Redzuan Bin Mohd Rahni
Encik Adri Fidla Bin Mohd Taib
Encik Muhamad Helmy Bin Abdul Malik
Encik Nik Mohd Rahimi Bin Nik Mohd Nasir

# Penghargaan

**Pengerusi** dan semua **Ahli Jawatankuasa**

## Laporan Aktiviti 2017
## Jabatan Akauntan Negara Malaysia

merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung dalam menyumbangkan masa, idea dan tenaga dalam penerbitan Laporan Aktiviti 2017 ini.

*Excellent Accounting @ Your Service*

**Membudayakan Inovasi**
**Memperkasakan Perakaunan Akruan**


**JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA**
Kompleks Kementerian Kewangan
No.1, Persiaran Perdana, Presint 2
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62594 Wilayah Persekutuan Putrajaya
MALAYSIA

+603 - 8882 1000
+603 - 8882 1042



ISSN 2600-724X
9 772600 724006